# LAPORAN TAHUNAN 2015

## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR





# ISI KANDUNGAN

## LATAR BELAKANG ORGANISASI


02 ISI KANDUNGAN
04 PERUTUSAN DATUK BANDAR KUALA LUMPUR
06 LEMBAGA PENASIHAT BANDARAYA KUALA LUMPUR
08 PENGURUSAN TERTINGGI
09 CARTA ORGANISASI DBKL
10 VISI, MISI, OBJEKTIF
15 PENGARAH-PENGARAH JABATAN
20 JABATAN AUDIT DALAM
25 JABATAN UNDANG-UNDANG & PENDAKWAAN
30 JABATAN PERANCANGAN KORPORAT
38 JABATAN INTEGRITI


## SEKTOR PENGURUSAN


52 JABATAN KEWANGAN
59 JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
76 JABATAN PENTADBIRAN
91 JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
121 JABATAN PENGURUSAN MAKLUMAT


DBKL




## SEKTOR PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI

132 JABATAN PELESENAN DAN PEMBANGUNAN PENJAJA
152 JABATAN PENGUATKUASAAN
163 JABATAN KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR
181 JABATAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN SUKAN
192 JABATAN PERKHIDMATAN KAWASAN
211 JABATAN PENGURUSAN PERUMAHAN DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

## SEKTOR PENGURUSAN PROJEK

244 JABATAN UKUR BAHAN
248 JABATAN KEJURUTERAAN AWAM DAN PENGANGKUTAN BANDAR
288 JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL
301 JABATAN PEMBANGUNAN LANDSKAP & REKREASI
317 JABATAN PELAKSANAAN PROJEK DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN

## SEKTOR PERANCANGAN

332 JABATAN PERANCANGAN FIZIKAL & BANDAR
359 JABATAN PERANCANGAN EKONOMI & PEMBANGUNAN
370 JABATAN KAWALAN PENGAWASAN BANGUNAN
384 JABATAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR




**Datuk Haji Mhd Amin Nordin bin Abd Aziz**
Datuk Bandar Kuala Lumpur

# PERUTUSAN DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera
Salam Wilayahku Ceria

Alhamdulillah, pertamanya ingin saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi atas berkat keizinan dan kurniaNya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dapat menyempurnakan penerbitan Laporan Tahunan 2015 DBKL. Saya percaya, dengan penerbitan laporan ini, ia dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada pelbagai pihak terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Bagi tahun 2015, pelbagai kejayaan telah diperolehi oleh DBKL di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Secara umumnya, DBKL berjaya mengekalkan prestasi sebagai PBT yang cemerlang dalam memberikan perkhidmatan kepada warga kota.

Kejayaan DBKL merangkul Minister Award for Best Overall Performance 2015 sempena Hari Perancang Bandar Sedunia bagi penyediaan laluan basikal dan pejalan kaki merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan warga DBKL.

Seterusnya, DBKL dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam telah menjadi PBT yang pertama menyediakan kaunter 1Serve dan 1Pesara untuk kemudahan warga kota dan penjawat awam yang berada di sekitar Kuala Lumpur. 1Serve adalah inisiatif transformasi kerajaan melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bertujuan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dan sistem penyampaian petugas barisan hadapan sektor awam.

Kejayaan yang telah dikecapi oleh DBKL ini diharap dapat meningkatkan semangat, kesungguhan dan akauntabiliti setiap warga DBKL dan warga kota untuk bersama-sama memastikan Kuala Lumpur mampu mencapai taraf bandar raya bertaraf dunia.

Akhir kata, saya berdoa semoga segala titik peluh dan pengorbanan warga DBKL akan diberkati dan segala urusan akan dipermudahkan Allah SWT, In Sha Allah.

Kuala Lumpur Bandar Raya Bertaraf Dunia Menjelang 2020 – Ayuh kita bersama-sama terus mengorak langkah untuk mencapai visi ini.

**DATUK HAJI MHD. AMIN NORDIN ABD AZIZ**
**Datuk Bandar Kuala Lumpur**

# AHLI LEMBAGA PENASIHAT

## BANDARAYA KUALA LUMPUR

2015-2016



YBHG. DATUK MUSTAPA KAMAL MOHD YUSOFF



YBHG. DATUK RIZALMAN DATO' MOKHTAR



YAD. DATO' SETIA DIRAJA DATO' ABDUL GHANI HAJI PATEH AKHIR



YBHG. DATUK ZAINAL ABIDIN MOHD RAFIQUE



YBHG. DATO' HJ. MOHD SANI MISTAM



YBHG. DATUK WILSON LAU HOI KEONG



YBHG. DATUK SERI ISKANDAR BIN TAN SRI DATO' MOHAMED MANSOR



YBRS. EN AHMAD FAISAL ABDUL KARIM



YBRS PUAN A.SAMALAH A/P A.ARUMUGAM



YBRS DR. KAMARIAH NORUDDIN

# AHLI LEMBAGA PENASIHAT

## BANDARAYA KUALA LUMPUR

LANTIKAN 2014-2015



YBHG. DATO' SHAHROL ANUWAR SARMAN



YBHG. DATUK RAJAH A/L SYMON



YAD DATO' SETIA HAJI RAMLI MAHMUD



YBRS. AR. EZUMI HARZANI ISMAIL



YBRS. ENCIK NG HOW DOO

# PENGURUSAN TERTINGGI
## BANDARAYA KUALA LUMPUR



**Datuk Haji Mhd Amin Nordin bin Abd Aziz**
Datuk Bandar Kuala Lumpur



**Datuk Normah binti Malik**
Pengarah Eksekutif
(Pembangunan Sosio-Ekonomi)



**Datuk Haji Mohd Najib bin Mohd**
Pengarah Eksekutif
( Perancangan )



**Datuk Tan Keng Chok**
Pengarah Eksekutif
(Pengurusan Projek)



**Haji Abdul Samad bin Lope Pihie**
Pengarah Eksekutif
(Pengurusan )

# CARTA ORGANISASI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**DATUK BANDAR**
DATUK HJ. MHD. AMIN NORDIN BIN ABD. AZIZ

- JABATAN PERANCANGAN KORPORAT — KHALID BIN ZAKARIA
- JABATAN AUDIT DALAM — KAMARIAH BINTI IBRAHIM
- BIRO PELANCONGAN KUALA LUMPUR — NORAZA BINTI YUSOF
- JABATAN UNDANG-UNDANG & PENDAKWAAN — DATUK HJH. ROHAYAH BINTI KARIM
- JABATAN INTEGRITI — ZULFIKRI BIN ABD MANAF

**PENGARAH EKSEKUTIF (PERANCANGAN)** — DATUK HJ. MOHD NAJIB BIN MOHD
- JABATAN PERANCANGAN FIZIKAL & BANDAR — DATUK HJ. SAHROM BIN UJANG
- JABATAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR — HJ. NURAZIZI BIN MOKHTAR
- JABATAN PERANCANGAN EKONOMI & PEMBANGUNAN — AB SALIM BIN MANSOR
  - JABATAN KEWANGAN — DATO' SRI SYED AFENDY ALI BIN SYED ABID ALI
- JABATAN KAWALAN & PENGAWASAN BANGUNAN — ALIAS BIN MARJOH

**PENGARAH EKSEKUTIF (PENGURUSAN)** — HJ. ABDUL SAMAD BIN LOPE PIHIE
- JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA — ROLAN BIN ABDUL RAHMAN
- JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA — TN. HJ. OMAR BIN ABAS
- JABATAN KEWANGAN — MOHAMAD BIN HAMIM@ MOHAMED KAMARUDDIN
- JABATAN PENGURUSAN MAKLUMAT — MOHD SORI BIN HUSAIN
- JABATAN PENTADBIRAN — DR ISMAIL BIN STAPA

**PENGARAH EKSEKUTIF (PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI)** — DATUK NORMAH BINTI MALIK
- JABATAN PEGUATKUASAAN — DATUK MOHD SAUFFI BIN MUHAMMAD
- JABATAN PENGURUSAN PERUMAHAN & PEMBANGUNAN KOMUNITI — HJ. WAN MOHAMMAD GHAZALI BIN NOR
- JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN PENJAJA — DATO' IBRAHIM BIN YUSOFF
- JABATAN KESIHATAN & ALAM SEKITAR — DR. HAYATI BINTI ABDULLAH
- JABATAN KEBUDAYAAN, KESENIAN & SUKAN — TN. IDZAWI BIN RAJA ISMAIL
- JABATAN PERKHIDMATAN KAWASAN — HJ AZMI BIN ABDUL HAMID
  - BATU, WANGSA MAJU, KEPONG, SEGAMBUT, TITIWANGSA, BUKIT BINTANG, LEMBAH PANTAI, CHERAS, BANDAR TUN RAZAK, SEPUTEH, SETIAWANGSA

**PENGARAH EKSEKUTIF (PENGURUSAN PROJEK)** — DATUK TAN KENG CHOK
- JABATAN KEJURUTERAAN AWAM & PENGANGKUTAN BANDAR — DR. LEONG SIEW MUN
- JABATAN PELAKSANAAN PROJEK & PENYELENGGARAAN BANGUNAN — TN. HJ. JAAFAR BIN SAHARI
- JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL — ABD. JAMIL BIN ABDUL RAHMAN
- JABATAN PEMBANGUNAN LANDSKAP & REKREASI — MUSTAFA BIN MOHD NOR
- JABATAN UKUR BAHAN — HJ. MOHD SAHAK BIN SURIP




## LATAR BELAKANG DBKL

Bermula daripada sebuah pekan kecil, Kuala Lumpur telah mengalami pelbagai evolusi sehingga menjadi ibu kota Malaysia. Pada 1 April 1961, hal ehwal perbandaran Kuala Lumpur ditadbir oleh perbadanan tunggal (sole corporation) yang diketuai oleh Pesuruhjaya Ibu Kota. Pada 1 Februari 1972, Kuala Lumpur dianugerahkan taraf bandar raya dan seterusnya diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 1974.

## VISI DBKL

DBKL akan menjadi Pihak Berkuasa Tempatan terunggul bagi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020.

## MISI DBKL

Untuk mencapai kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan Ibu Kota Kuala Lumpur menerusi program pembangunan fizikal, sosio-ekonomi, kawalan perancangan dan perkhidmatan perbandaran secara terancang dan terselaras berteraskan tadbir urus yang cemerlang.

## OBJEKTIF

Memastikan dan mempercepatkan pelaksanaan pencapaian status bandar raya bertaraf dunia yang unggul dan cemerlang.

## DASAR KUALITI

Menyediakan dan mempertingkatkan perkhidmatan yang efisyen, mesra dan telus selari dengan kemajuan dan pembangunan kakitangan.

## SLOGAN

Bersedia Menyumbang, Bandar Raya Cemerlang

## FUNGSI

1. Memberi perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sampah.
2. Memberi perkhidmatan kesihatan awam dan mengawal pencemaran.
3. Mengurus pengindahan bandar.
4. Membina dan menyelenggara jalan, mengadakan prasarana pengangkutan serta mengurus sistem lalulintas.
5. Membina dan menyelenggara sistem perparitan dan sungai.
6. Merancang dan mengawal pembangunan bandar.
7. Membina dan mengurus perumahan awam.
8. Mengurus, mengawal dan menempatkan semula setinggan.
9. Mengurus dan mengawal hal ehwal penjaja dan peniaga kecil.
10. Mengeluar dan mengawal lesen perniagaan.
11. Merancang dan melaksanakan aktiviti sukan, kebudayaan dan pelancongan.
12. Menyedia, mengurus dan menyenggara kemudahan awam (stadium, kompleks sukan/ pusat komuniti, masjid/surau, taman rekreasi, pasar, pusat penjaja, perpustakaan, tandas awam, perhentian bas/teksi, tanah perkuburan dan krematorium).

## PIAGAM PELANGGAN

1. Merancang pembangunan ibu negara dengan cekap, efisien, teratur, terkawal dan telus untuk menjadikan bandar raya maju dan berdaya saing melalui kelulusan perintah pembangunan, pelan bangunan dan kerja tanah dalam tempoh ditetapkan dari tarikh permohonan lengkap diterima.
2. Memudah dan menggalakkan urusan perniagaan serta menjamin keselamatan pengguna melalui pengamalan aktiviti perniagaan berkualiti bagi menjana pertumbuhan ekonomi berprestasi tinggi di ibu kota.
3. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan awam dan prasarana yang berkualiti, mencukupi, efisien, mesra pengguna dan mudah sampai bagi memenuhi keperluan warga kota.
4. Mengadakan aktiviti sosial / pembangunan komuniti setempat bersama persatuan penduduk / Badan Bukan Kerajaan mengikut jadual di setiap kawasan Parlimen sekurang-kurangnya 2 kali sebulan untuk membentuk budaya masyarakat yang bersatu padu dan harmoni.
5. Memastikan maklum balas awal kepada pengadu diberikan dalam tempoh 24 jam dan maklum balas mengenai status pelaksanan tindakan ke atas aduan diberikan selewat-lewatnya dalam tempoh 3 hari daripada tarikh penerimaan aduan dan membuat susulan sehingga selesai.
6. Memastikan semua perkhidmatan online dapat dicapai secara berterusan (24jam x 7 hari).
7. Mengurus kutipan hasil dengan cekap dan berbelanja secara berhemah.
8. Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan secara adil, telus dan berterusan bagi kesejahteraan dan keselamatan warga kota melalui notis-notis yang dikeluarkan.
9. Memastikan modal insan dibangunkan secara berterusan untuk melahirkan warga kerja yang kompeten.

# PENSTRUKTURAN SEMULA DBKL

Yang Berhormat Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan pada 4 Ogos 2015 telah mengumumkan penstrukturan semula DBKL.

Jawatan Ketua Pengarah dan Timbalan – Timbalan Ketua Pengarah dihapuskan dan digantikan dengan jawatan empat Pengarah Eksekutif iaitu Pengarah Eksekutif Perancangan, Pengarah Eksekutif Pengurusan, Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek dan Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosoio-Ekonomi. Dua Jabatan baru yang diwujudkan ialah Jabatan Integriti dan Jabatan Perkhidmatan kawasan. Jabatan yang digabungkan ialah Jabatan Perancangan Fizikal dan Jabatan Perancangan Bandar menjadi Jabatan Perancangan Fizikal & Bandar. Jabatan Kejuruteraan Awam & Saliran digabungkan dengan Jabatan Pengangkutan Bandar menjadi Jabatan Kejuruteraan Awam & Pengangkutan Bandar.

Fungsi Elektrikal yang asalnya di bawah Jabatan Pengangkutan Bandar diletakkan kembali dibawah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal. Penstrukturan semula ini berkuatkuasa pada 1 Ogos 2015.

## 1.0 KEDUDUKAN PERJAWATAN TETAP

Selaras dengan kelulusan Penyusunan Semula Struktur Organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kedudukan perjawatan tetap di DBKL mengikut kumpulan perkhidmatan telah berubah seperti berikut:

| BIL | KUMPULAN PERKHIDMATAN | PERJAWATAN | ISI | KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pengurusan Tertinggi | 18 | 18 | - |
| 2. | Pengurusan & Profesional | 559 | 526 | 33 |
| 3. | Sokongan I (Kumpulan B) | 1236 | 1178 | 58 |
| 4. | Sokongan I (Kumpulan C) | 3646 | 3536 | 110 |
| 5. | Sokongan II (Kumpulan D) | 327 | 315 | 12 |
| 6. | Sokongan II (IMG) | 2636 | 2299 | 337 |
| 7 | Jawatan Jumud (Boleh Diisi – Pindaan Waran) | 1048 | 991 | 57 |
| 8 | Jawatan Jumud (Tidak Boleh Diisi) | 103 | 82 | 21 |
| | **JUMLAH** | **9573** | **8945** | **628** |

Kedudukan Perjawatan Tetap Mengikut Kumpulan Perkhidmatan




Pecahan Peratusan Perjawatan Tetap di DBKL

## 2.0 KEDUDUKAN PERJAWATAN KONTRAK

Manakala kedudukan perjawatan kontrak di DBKL mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut :

| BIL | KUMPULAN PERKHIDMATAN | BILANGAN |
|---|---|---|
| 1 | Pengurusan & Profesional | 40 |
| 2. | Sokongan I (Kumpulan B) | 236 |
| 3. | Sokongan I (Kumpulan C) | 563 |
| 4. | Sokongan II (Kumpulan D) | 423 |
| 5. | Sokongan II (Kumpulan IMG) | 236 |
| | **JUMLAH** | **1498** |

Kedudukan Perjawatan Kontrak mengikut kumpulan perkhidmatan




Pecahan Peratusan Perjawatan Kontrak di DBKL

# PENCAPAIAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

1. Sijil Bersih Ketua Audit Negara ke atas penyata Kewangan DBKL bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2014.

2. Kutipan Hasil-Hasil Meningkat 5% bagi tahun 2015 berbanding tahun 2014 (Berdasarkan Laporan Interim Penyata Kewangan DBKL Pada 31 Disember 2015).

3. Pencapaian Tindakan Dan Kutipan Bayaran Notis Tertunggak dari 1 Februari 2015 hingga 31 Disember 2015 ialah :
   - i. Notis Dibayar Sebanyak RM450,950
   - ii. Kutipan Sebanyak RM20,016,460.00

4. Floria Diraja 2015 oleh Perbadanan Putrajaya
   - i. Piala Pusingan *Royal Floria Garden Prime Award* 2015 Government/*Corporate*)
   - ii. *Gold Award Royal Floria Garden Award (Government Gardens)*
   - iii. *Gold Award Royal Floria Garden Starlight Award (Government Gardens)*

5. *ASEAN PR Excellence Award* 2015 oleh Institut Perhubungan Raya Malaysia (IPRM)

   Keseluruhan – *Silver Award*
   Kategori :
   - i. *PR Campaign – KL Car Free Morning & Anti Dengue*
   - ii. *Crisis Management – Flood Humanitarian Mission to* Kuala Krai, Kelantan
   - iii. *CSR – Herb Garden Local Agenda* 21

# PENGARAH-PENGARAH JABATAN

## JABATAN-JABATAN DI BAWAH PEJABAT DATUK BANDAR



**DATUK ROHAYAH BINTI KARIM**
Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan



**KAMARIAH BINTI IBRAHIM**
Jabatan Audit Dalam



**KHALID BIN ZAKARIA**
Jabatan Perancangan Korporat



**ZULFIKRI BIN ABD MANAF**
Jabatan Integriti

# SEKTOR PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI



**DATUK MOHD SAUFFI BIN MOHAMAD**
Jabatan Penguatkuasaan



**HJ. WAN MOHAMMAD GHAZALI BIN NOR**
Jabatan Pengurusan Perumahan & Pembangunan Komuniti



**DATO' IBRAHIM BIN YUSOFF**
Jabatan Pelesenan & Pembangunan Penjaja



**DR. HAYATI BINTI ABDULLAH**
Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar



**TUAN IDZAWI BIN RAJA ISMAIL**
Jabatan Kebudayaan, Kesenian & Sukan



**HJ. AZMI BIN ABD HAMID**
Jabatan Perkhidmatan Kawasan

# SEKTOR PERANCANGAN



**HJ. SAHROM BIN UJANG**
Jabatan Perancangan Fizikal & Bandar



**NURAZIZI BIN MOKHTAR**
Jabatan Perancangan Infrastruktur



**AB SALIM BIN MANSOR**
Jabatan Perancangan Ekonomi & Pembangunan



**ALIAS BIN MARJOH**
Jabatan Kawalan & Pengawasan Bangunan

# SEKTOR PENGURUSAN



**ROLAN BIN ABDUL RAHMAN**
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia



**OMAR BIN ABAS**
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta



**DATO' SERI SYED AFENDY ALI BIN SYED ABID ALI**
Jabatan Kewangan



**MOHD SORI BIN HUSAIN**
Jabatan Pengurusan Maklumat



**DR. ISMAIL BIN STAPA**
Jabatan Pentadbiran

# SEKTOR PENGURUSAN PROJEK



**HJ. MOHD SAHAK BIN SURIP**
Jabatan Ukur Bahan



**DR. LEONG SIEW MUN**
Jabatan Kejuruteraan Awam & Pengangkutan Bandar



**HJ. JAAFAR BIN HJ. SAHARI**
Jabatan Pelaksanaan Projek & Penyenggaraan Bangunan



**ABDUL JAMIL BIN ABDUL RAHMAN**
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal



**MUSTAFA BIN MOHD NOR**
Jabatan Pembangunan Landskap & Rekreasi

# JABATAN AUDIT DALAM (JAD)

Jabatan Audit Dalam (JAD) diwujudkan pada 1 Julai 2011 dengan kekuatan seramai 33 orang pegawai dan kakitangan.

## 1.0. FUNGSI

1.1. Menentukan samada operasi kewangan diuruskan dengan teratur dan mematuhi dasar-dasar, undang-undang serta peraturan-peraturan yang ditetapkan;

1.2. Menentukan kekukuhan, kesempurnaan dan kebolehpercayaan rekod-rekod kewangan, perakaunan dan sistem kawalan dalaman organisasi;

1.3. Menilai secara teratur dan sistematik operasi organisasi dari segi kesempurnaan, kemampuan, kecekapan dan keberkesanan;

1.4. Mengesyorkan langkah-langkah bagi memperbaiki pengurusan kewangan, pengurusan projek, pengurusan ICT, pengurusan stor dan sumber-sumber lain demi meningkatkan integriti dan akauntabiliti;

1.5. Mengemukakan laporan-laporan bebas dan berkecuali kepada Datuk Bandar mengenai operasi organisasi supaya keputusan yang tepat dapat dibuat.

## 2.0. OBJEKTIF

2.1. Menjalankan auditan berpandukan Rancangan Audit Tahunan (RAT) bagi memastikan semua aktiviti serta tanggungjawab Jabatan-Jabatan yang dilaksanakan adalah mengikut peruntukan undang-undang, Arahan Perbendaharaan, prosedur dan pekeliling yang digunapakai oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan mengemukakan kepada Datuk Bandar laporan mengenai hasil auditan; dan

2.2. Membantu menjaga imej DBKL dari segi pengurusan kewangan yang bersih, sempurna dan teratur.

## 3.0. STRUKTUR ORGANISASI

JAD mempunyai enam bahagian seperti berikut :

3.1. Bahagian Audit Sektor Pejabat Datuk Bandar

3.2. Bahagian Audit Sektor Pengurusan

3.3. Bahagian Audit Sektor Pembangunan Sosio-Ekonomi

3.4. Bahagian Audit Sektor Pengurusan Projek

3.5. Bahagian Audit Sektor Perancangan

3.6. Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan

## AUDIT TAHUNAN (RAT) JABATAN AUDIT DALAM

| BIL. | TAJUK | AUDITI |
|---|---|---|
| 1. | Pengauditan Terhadap Kerja Penyelenggaraan Jalan – Permit Kerja Pengorekan Jalan Oleh Kontraktor Agensi Utiliti Dan Pihak Ketiga. | JKPB |
| 2. | Pengauditan Kerja-Kerja Penampalan *Pothole.* | JKPB |
| 3. | Pengauditan Pengurusan Unit Pelancongan, DBKL. | JKKPS |
| 4. | Pengauditan Pengurusan Dewan Serbaguna Dan Pusat Komuniti | JKKPS |
| 5. | Pengauditan Pengurusan Bajet | JKEW |
| 6. | Pengauditan Pengurusan Taman-Taman Utama di sekitar Kuala Lumpur | JLR |
| 7. | Pengauditan Pengurusan Kenderaan di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal | JKME |
| 8. | Pengurusan Kewangan & Akaun – Verifikasi Stok | JKEW |

### AUDIT KHAS

| BIL. | TAJUK | AUDITI |
|---|---|---|
| 1. | Verifikasi Stor di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal. | JKME |

### AUDIT SUSULAN

| BIL. | TAJUK | AUDITI |
|---|---|---|
| 1. | Pengurusan Cek-Cek Tak Laku. | JKEW |

### AUDIT PENAMPILAN

| BIL. | TAJUK | AUDITI |
|---|---|---|
| 1. | Pengurusan Tandas Awam DBKL | JKAS, JLR, JPPP& JKKPS |

### PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

| BIL. | TAJUK | AUDITI |
|---|---|---|
| 1. | i. Pelaksanaan Auditan oleh Jabatan Audit Negara (JAN).<br>ii. Maklumbalas Kemajuan Tindakan oleh Auditi terhadap Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) | JKME |

### *RETREAT* ANJURAN JABATAN AUDIT DALAM

JAD telah menganjurkan dua *retreat* iaitu :-

| BIL. | TAJUK | TARIKH | LOKASI |
|---|---|---|---|
| 1. | *Retreat* Pengurusan Projek Pembangunan / Penyelenggaraan DBKL. | 11 - 13 Mac | Hotel Istana, Kuala Lumpur |
| 2. | *Retreat* Bengkel Penulisan dan Penyediaan Dokumen Perintah Tetap Perolehan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Garis Panduan Juruperunding dan SOP Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Datuk Bandar Kuala Lumpur. | 19 - 22 April | Berjaya Waterfront Hotel, Johor Bahru |

## *RETREAT* PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN / PENYELENGGARAAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Tarikh : 11 - 13 Mac 2015

Lokasi : Hotel Istana, Kuala Lumpur

**Objektif :-**

i. Merangka proses kerja di sepanjang aliran kerja Pengurusan Projek Pembangunan DBKL yang melibatkan pelbagai Jabatan. Hal ini memudahkan pelbagai jabatan mempunyai kefahaman yang sama berkaitan dengan pengurusan projek pembangunan serta berperanan dengan penuh tanggungjawab;

ii. Membentuk satu mekanisma meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus yang cemerlang di mana isu-isu berulang yang berkaitan projek pembangunan dan penyelenggaraan dapat dielakkan. Risiko-risiko perlu dikenalpasti untuk diambil tindakan yang sewajarnya bagi meminimakan risiko.

iii. Mendokumen proses aliran tugas berhubung pengurusan projek pembangunan yang akan memberi impak positif kepada pengurusan projek, peningkatan penyediaan kemudahan awam dan penyampaian perkhidmatan DBKL yang berkualiti kepada warga Kuala Lumpur dan memudahkan objektif program / aktiviti / projek lebih mudah dicapai.












## *RETREAT* BENGKEL PENULISAN DAN PENYEDIAAN DOKUMEN PERINTAH TETAP PEROLEHAN DATUK BANDAR KUALA LUMPUR, GARIS PANDUAN JURUPERUNDING DAN SOP PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN FIZIKAL DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh : 19 - 22 April 2015

Lokasi : Berjaya Waterfront Hotel, Johor Bahru

**Objektif :-**

i. Menyemak, mengemaskini dan memurnikan ayat-ayat pada Perintah Tetap Perolehan, Garis Panduan dan SOP tersebut selaras dengan cadangan dan saranan YBhg. Datuk Bandar bagi memastikan kefahaman yang jelas ke atas dokumen-dokumen tersebut setelah ianya digunapakai;

ii. Membuat pindaan ke 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) menggunakan *PDF Converter* selaras dengan keputusan *Retreat* bagi menyesuaikan dengan peraturan dan keperluan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;

iii. Menyusunatur tindakan susulan untuk memberi penerangan kepada semua jabatan dalam bentuk taklimat berhubung isi kandungan dokumen-dokumen yang telah disediakan.











JAD juga telah menghadiri *Retreat* Persidangan Tahunan Audit Dalam anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Agensi pada 10 hingga 13 Ogos 2015 di Labuan.

Objektif *retreat* ialah untuk meningkatkan kecekapan, pengetahuan, kefahaman, kemahiran dan pengalaman kakitangan Audit Dalam berkaitan pelaksanaan aktiviti pengauditan, memberikan pendedahan kepada kakitangan Audit Dalam Agensi terhadap kerja-kerja pengauditan mengikut piawaian Jabatan Audit Negara yang membolehkan pelaporan yang *standard* dihasilkan serta terkini dan meningkatkan mutu pengauditan dengan menjalinkan kerjasama yang erat di antara Unit Audit Dalam KWP dan Agensi dengan bertukar-tukar pandangan dan pengalaman pengauditan di antara satu sama lain berdasarkan senario yang berlaku di agensi masing-masing.






# JABATAN UNDANG-UNDANG & PENDAKWAAN

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan yang ditubuhkan sekitar tahun 1960-an, dikenali dengan nama Bahagian Pendakwaan dan diletakkan di bawah Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1970-an, ia dikenali dengan nama Bahagian Undang-Undang. Pada tahun 1973, ia dijadikan sebuah jabatan yang tersendiri dengan nama Jabatan Undang-Undang dan ditukar nama Jabatan Hal Ehwal Undang-Undang pada tahun 1976. Mulai 1 Julai 2011, jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan (JUP).

JUP dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian Perancangan dan Pentadbiran Perundangan (BPPP) dan Bahagian Pelaksanaan Perundangan (BPP).

## OBJEKTIF JABATAN

JUP ditubuhkan dengan dua objektif iaitu :

(i) Menjaga kepentingan Datuk Bandar Kuala Lumpur sebagai sebuah Perbadanan Tunggal dan Pihak Berkuasa Tempatan dari segi undang-undang dalam semua transaksi dan dokumentasi perundangan.

(ii) Memberi perkhidmatan yang cekap kepada pelanggan-pelanggan dengan menjangkakan isu-isu perundangan dan membantu pentadbiran menyelesaikan isu-isu / masalah berdasarkan amalan pengurusan dan perundangan yang baik.

## FUNGSI-FUNGSI UTAMA JABATAN

JUP dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan fungsi-fungsi perundangan untuk pengurusan pentadbiran Bandar Raya Kuala Lumpur yang lebih mantap dan berkesan seperti berikut :

(i) Memberi nasihat undang-undang kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan jabatan-jabatan di dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

(ii) Penggubalan dan penyemakan semua perundangan yang dikuatkuasakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

(iii) Menyediakan dokumen-dokumen kontrak dan instrumen-instrumen perundangan.

(iv) Menjalankan pendakwaan berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

(v) Menyelaraskan dan meneliti kes-kes berkaitan tuntutan sivil.

## LAPORAN KEWANGAN

Perbelanjaan jabatan telah diluluskan pada tahun 2015 adalah sebanyak RM10,381,200.00 dan perbelanjaan adalah sebanyak RM8,167,165.26.

## PEWARTAAN PERUNDANGAN

Sebanyak 18 perundangan telah diwartakan iaitu :

### Akta Kerajaan Tempatan 1976

1. Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Dataran Merdeka) (WPKL) (Pindaan) 2015 telah diwartakan pada 14/7/2015 sebagai P.U.(A) 167/2015

### Akta (Perancangan) WP 1982

2. Kaedah-Kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Pengkompaunan Kesalahan) 2015 telah diwartakan pada 28/7/2015 sebagai P.U.(A) 171/2015
3. Pemberitahuan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 – GN 15612/2015
4. Pemberitahuan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 – GN 6151/2015
5. Pemberitahuan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 – GN 6150/2015
6. Pemberitahuan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 – GN 3395/2015
7. Pemberitahuan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 – GN 3394/2015
8. Pemberitahuan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 – GN 23155/2015
9. Pemberitahuan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 – GN 38597/2015
10. Pemberitahuan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 – GN 1530/2015
11. Pemberitahuan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 – GN 939/2015
12. Pemberitahuan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 – GN 938/2015

### Akta Pengangkutan Jalan 1987

13. Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan)(Bandaraya Kuala Lumpur) (No. 2) 2015 – P.U (A) 269/2015
14. Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan)(Bandaraya Kuala Lumpur) 2015 – P.U (A) 100/2015
15. Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan)(Bandaraya Kuala Lumpur) 2013 – P.U (A) 46/2013
16. Notis di bawah Subseksyen70(2) – P.U (B) 441/2015
17. Notis di bawah Subseksyen70(2) – P.U (B) 178/2015

### Akta Ibu Kota Persekutuan 1960

18. Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur 1989
    Pelantikan Dan Pembatalan Pelantikan Ahli Lembaga Penasihat – P.U (A)498/2015

## SENARAI PERUNDANGAN YANG SEDANG DALAM PERBINCANGAN

Terdapat 45 perundangan yang sedang dalam perbincangan iaitu ;

1. Rang Undang-Undang Perancangan (Pindaan)
2. Draf Kaedah-Kaedah Hiburan (WPKL)(Pindaan)
3. Draf UUK Vandalisme (WPKL)
4. Draf UUK Kerjatanah (WPKL)
5. Draf Kaedah-Kaedah Kenderaan Barangan (Memuat dan Memunggah)(Kuala Lumpur)
6. Draf Perintah Pengangkutan Jalan (Kenderaan Bergerak Perlahan)(Larangan Ke Atas Penggunaan Jalan)(Bandaraya Kuala Lumpur)(Pindaan)
7. Draf UUK Pelesenan Kolam Renang Persendirian (WPKL)
8. Draf UUK Larangan Meludah (WPKL)
9. Draf Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan dan Tatatertib)
10. Draf UUK Tanah Perkuburan Persendirian & Krematorium Persendirian (WPKL)
11. Draf Perintah Pengangkutan Jalan (Tempat Letak Kereta)(WPKL)
12. Draf Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Mengapit Roda Kenderaan Motor)(WPKL)
13. Draf UUK Kerajaan Tempatan (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan)
14. Draf UUK Jalan, Parit dan Bangunan (Mengkompaunkan Kesalahan-Kesalahan) (WPKL)
15. Draf UUK Perumahan Awam (WPKL)
16. Draf UUK Pelesenan Penjaja dan Gerai (WP)
17. Draf UUK Pelesenan Establisymen Makanan (WPKL)
18. Draf UUK Pasar (WPKL)
19. Draf UUK Pengangkutan Bahan (WPKL)
20. UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL)
21. Draf Kaedah-Kaedah (Perancangan)(Permohonan Untuk Kebenaran Perancangan)(WPKL)
22. Draf Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Kelas-Kelas Kegunaan Tanah Dan Bangunan) (WPKL)
23. Draf Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur (Pindaan)
24. Draf Perintah Pengangkutan Jalan (Perhentian Teksi) (WPKL)
25. Draf Perintah (Sekatan Penggunaan Jalan) (Pemandu Belajar)
26. Draf Perintah (Sekatan Atas Penggunaan Jalan) (Pemandu Belajar) Kuala Lumpur
27. Draf Perintah (Sekatan Atas Penggunaan Jalan-Jalan)(Basikal Roda Tiga) Kuala Lumpur
28. Draf Cadangan Akta Khusus utk WPKL
29. Draf UUK Pasar Borong (WPKL)
30. Draf UUK Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (WPKL)
31. Draf UUK (Lembu Kerbau) Perbandaran
32. Draf UUK Kerajaan Tempatan (Pusat Sembelih Ayam)(WPKL)
33. Draf UUK Bangunan (WPKL)(Pindaan)
34. Draf Peraturan-Peraturan Hotel (WPKL)
35. Draf Pelantikan Lembaga Pelesenan Eksais
36. RUU Hotel (WPKL)
37. Draf UUK Tandas Awam (WPKL) 1986

38. Draf Perintah Pengangkutan Jalan (Perizaban Jalan Sebagai Tempat Letak Kereta Bagi Kenderaan Orang Kurang Upaya) (WPKL)
39. Draf UUK Iklan (WP)
40. Draf UUK Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (WPKL)
41. Draf UUK Kolam Renang (WP)
42. Kaedah-kaedah Pengawalan Pemberian Sedekah Di Tempat Awam (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur )
43. UUK Pembuangan, Pemungutan dan Pelupusan Sampah Sarap (WP)
44. Kaedah-Kaedah (Perancangan)(Lembaga Rayuan)
45. Kaedah-Kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Tatacara Untuk Pemulangan Caj Pembangunan)

## DOKUMEN PERJANJIAN

Sebanyak 3349 dokumen perjanjian kontrak telah ditandatangani pada tahun 2015. Dokumen perjanjian yang ditandatangani terdiri daripada juruperunding, bekalan, kerja-kerja pemasangan, jualbeli, penyewaan, pinjaman pelajaran, biasiswa, pinjaman kenderaan/komputer, menduduki kuarters, kontrak kakitangan, penyenggaraan, pindahmilik, gadaian, pajakan, penyerahan tanah, penyerahan lantai untuk pusat penjaja dan sebagainya.

## PROJEK PENSWASTAAN

Bagi projek-projek penswastaan DBKL, sebanyak 24 perjanjian telah ditandatangani iaitu :

1. Milek Perusahaan Sdn. Bhd. – 13.1.2015
2. TTDI Harta Sdn. Bhd. – 23.2.2015
3. *Demi Wangsa Development Sdn. Bhd. (Amona Land*) – 10.3.2015
4. *Faber Vista Sdn. Bhd*. – 6.5.2015
5. Danau Lumayan Sdn. Bhd. -10.3.2015
6. Kemilau Idaman Sdn. Bhd. – 4.6.2015
7. *My World Development Sdn. Bhd*. – 4.6.2015
8. Mabrur Land Sdn. Bhd. (Cemara Land) – 10.6.2015
9. Temara Pekeliling Sdn. Bhd. (Amona Land) – 5.5.2015
10. Citra Amal Sdn. Bhd. – 29.4.2015
11. *Oriental Plus Sdn. Bhd*. – 15.7.2015
12. *Iconic Paragon Sdn. Bhd*. – 3.3.2015
13. Sinerjuta Sdn. Bhd. – 28.5.2015
14. *Pro Green Generation Sdn. Bhd*. – 22.9.2015
15. *Jayyid Land Sdn. Bhd*. – 1.10.2015
16. *Fancy Line Realty Sdn. Bhd*. – 13.10.2015
17. *Profit Consortium Sdn. Bhd*. – 20.10.2015
18. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) – 26.10.2015
19. *Nipponkey Sdn. Bhd*. – 16.10.2015
20. *Sri Pertiwi Resources (M) Sdn. Bhd.*
    *(Jayano Estate Reality Sdn. Bhd*.) – 2.11.2015
21. *Multi Access Assets Sdn. Bhd*. – 22.9.2015
22. *Perano Properties Development Sdn. Bhd*. – 30.9.2015
23. Sentul Raya Sdn. Bhd. – 7.5.2015
24. *Jakel Trading* – 16.11.2015

## KES-KES PENDAKWAAN

Kes-kes yang didakwa di Mahkamah dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:

(A) **DBR 87 – Kes Am :**

Sebanyak 3,999 kes am telah dikendalikan sepanjang tahun 2015 dengan 575 kes merupakan kes-kes yang tertangguh yang tidak dapat diselesaikan pada tahun 2014 dan kes baru yang telah didaftarkan di Mahkamah pada tahun 2015 adalah sebanyak 3,424.

Daripada jumlah tersebut, hanya 3,088 kes diselesaikan sepenuhnya dan sebanyak 911 kes yang tidak dapat diselesaikan akan dibawa ke tahun 2016.Jumlah keseluruhan kutipan denda berjumlah RM 224,625.00.

(B) **DBR 86 – Kes Trafik:**

Sebanyak 33,719 kes trafik di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan kaedah-kaedah di bawahnya telah dikendalikan sepanjang tahun 2015 dengan 8,020 kes merupakan kes-kes yang tertangguh yang tidak dapat diselesaikan pada tahun 2014 dan kes baru yang telah didaftarkan di Mahkamah pada tahun 2014 adalah sebanyak 25,699.

Daripada jumlah tersebut, hanya 20,011 kes diselesaikan sepenuhnya dan sebanyak 13,708 kes yang tidak dapat diselesaikan akan dibawa ke tahun 2016. Jumlah keseluruhan kutipan denda berjumlah RM 32,520.00.

(C) **DBR 83 – Kes Tangkapan:**

Kes-kes tangkapan ini melibatkan kesalahan penjaga kereta haram iaitu kesalahan di bawah Seksyen 50(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Sebanyak 95 kes tangkapan telah didaftarkan dan dikendalikan pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut 1 kes merupakan kes yang tertangguh pada tahun 2014. 95 kes diselesaikan sepenuhnya dan jumlah keseluruhan kutipan denda berjumlah RM 18,107.00.

## KES-KES SIVIL

(A) **Kes Tuntutan Oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur**

Pada tahun 2015, sebanyak 9,104 kes tuntutan sivil telah dibuat oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan jumlah tuntutan sebanyak RM90,351,713.27

(B) **Kes Tuntutan Terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur**

Sebanyak 18 kes tuntutan terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur telah diterima dengan jumlah tuntutan sebanyak RM2,312,420.00.

# JABATAN PERANCANGAN KORPORAT

Jabatan Perancangan Korporat (JPRK) berperanan merancang, mengurus serta melaksanakan usaha-usaha mempertingkatkan imej korporat dan profesionalisme DBKL bagi memastikan imej korporat dan profesionalisme DBKL berada pada taraf dunia yang unggul dan cemerlang. Jabatan ini terbahagi kepada enam unit, iaitu Unit Pentadbiran, Unit Media, Unit Majlis Rasmi dan Protokol, Unit Perhubungan Antarabangsa, Unit Promosi, serta Unit Aduan Awam dan Khidmat Pelanggan. Antara fungsi utama jabatan ini adalah untuk menyelaras perhubungan antara DBKL dengan media menerusi penyampaian/penyaluran maklumat yang tepat dan cepat; menyelaras penerbitan bahan bercetak; promosi dan pengurusan foto dan video; menyelaras majlis rasmi dan protokol; dan menyelaras hubungan dua hala negara luar dan bandar raya serta lawatan rasmi.

## PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2015

(a) Peruntukan 2015 =RM 4,507,500.00
(b) Perbelanjaan 2015=RM 4,026,927.99
(c) Peratusan bagi tahun 2015 adalah 84.64%

## 1.0. UNIT MEDIA

Unit Media berperanan sebagai penghubung antara DBKL dan pihak media. Selaras itu, Unit Media bertanggungjawab menyalurkan maklumat berkaitan DBKL kepada media bagi memastikan liputan yang diberi adalah tepat dan benar. Selain itu, unit ini juga menyelaras dan menyediakan maklumat untuk Sidang Media bersama Majlis Pengurusan Tertinggi DBKL. Sepanjang tahun 2015, unit ini telah menyelaras **70 Sidang Media** dan **17 Temubual** bersama **Majlis Pengurusan Tertinggi DBKL** dan **Ketua Jabatan.**

Unit ini juga bertindak menguar-uarkan aktiviti dan program yang akan dijalankan oleh DBKL bagi memastikan hebahan maklumat dapat disampaikan kepada wargakota dan liputan terbaik diberikan oleh pihak media. Unit ini telah mengeluarkan sebanyak **202 Liputan Media *(Press Invitation)***, **121 Kenyataan Media *(Press Release*)** dan **55 Maklumbalas Media (*Press Rebuttal)*** sepanjang tahun 2015.

**Sukan DBKL Bersama Media 2015 – Boling**

Program telah diadakan di *Arena Bowl, Bukit Jalil Golf and Country Club* pada 29 Mac 2015 ini khusus untuk mengeratkan lagi hubungan di antara DBKL dengan pihak media dan menghargai sumbangan pihak media menerusi penulisan mengenai DBKL.

Lebih **85 orang pengamal media** hadir meliputi media cetak, media elektronik dan penulis laman *blog*.

## BOLING DBKL, MEDIA MERIAH




WAKIL daripada 11 agensi media tempatan telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Boling Persahabatan Media Bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Bukit Jalil Golf & Country Resort di Bukit Jalil, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Yang turut serta Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib; Pengarah Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan DBKL, Datuk Mohd. Najib Mohd. dan Timbalan Ketua Pengarah Perancangan DBKL, Datuk Mahadi C. Ngah.

Pertandingan berlangsung dalam suasana meriah apabila peserta menunjukkan kemahiran masing-masing bermain boling.

Pertandingan itu diadakan oleh DBKL bagi merapatkan lagi hubungan antara media dan pihak berkuasa tempatan itu.

■ SEBAHAGIAN daripada wakil media dan kakitangan DBKL bergambar selepas menyertai pertandingan boling persahabatan di Bukit Jalil, Kuala Lumpur baru-baru ini. – UTUSAN/MOHD. FARIZWAN HASBULLAH

**Sukan DBKL bersama Media – Boling 2015**

## 2.0. UNIT MAJLIS RASMI & PROTOKOL

Unit Majlis Rasmi dan Protokol, JPRK telah terlibat dengan pelbagai acara rasmi yang dianjurkan oleh DBKL, KWP mahupun anjuran bersama di antara DBKL dan agensi-agensi kerajaan serta bukan kerajaan.

Sepanjang tahun **2015**, unit ini telah terlibat secara langsung dalam **160** majlis rasmi di mana **125** ialah anjuran jabatan-jabatan dalaman DBKL dan **28** majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi-agensi kerajaan serta **5** acara majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi bukan kerajaan dan **2** acara majlis rasmi melibatkan lawatan rasmi pembesar asing.

Unit ini juga terlibat secara langsung dalam menyelaras urusan pemasangan gegantung (*bunting*) bendera dan memastikan penyediaan hiasan serta kebersihan di laluan-laluan protokol apabila bandar raya Kuala Lumpur menerima kunjungan pembesar-pembesar luar negara. Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2015 dan Sambutan Hari Kemerdekaan 2015, unit ini telah menyelaras urusan pemasangan gegantung (*bunting*) bendera di laluan-laluan protokol sekitar Kuala Lumpur.




**Pelepasan Misi Bantuan Kepada Mangsa Banjir di Pekan, Pahang oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan**

Selain itu, unit ini juga menjalinkan kerjasama yang erat bersama pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dalam mengendalikan beberapa acara rasmi tahunan seperti Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Kebangsaan (Sambutan Bulan Kemerdekaan) termasuk majlis yang melibatkan kakitangan di bawah agensinya seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.




**Majlis Penutup Karnival Sukan Antara Jabatan Tahun 2015**

## 3.0. UNIT PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

Unit Perhubungan Antarabangsa berperanan menyelaras lawatan dalam negeri, lawatan luar negeri dan kunjung hormat kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur. Berikut merupakan statistik bagi jumlah ketiga-tiga perkara tersebut di atas:

| PERKARA | BILANGAN LAWATAN | BILANGAN PELAWAT |
|---|---|---|
| Lawatan Dalam Negeri | 54 | 1,247 orang |
| Lawatan Luar Negeri | 26 | 385 orang |
| Kunjung Hormat Datuk Bandar Kuala Lumpur | 17 | 128 orang |
| **JUMLAH** | **97** | **1,760 orang** |

**Statistik Jumlah Lawatan Dalam Negeri, Lawatan Luar Negeri dan Kunjung Hormat kepada Datuk Bandar**

Senarai Kunjung Hormat kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur pada tahun 2015 adalah seperti berikut :

| BIL | TARIKH | KUNJUNG HORMAT |
|---|---|---|
| 1. | 10 Februari | Kunjung Hormat daripada TYT Duta Besar Amerika |
| 2. | 13 Februari | Kunjung Hormat daripada Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Krai |
| 3. | 13 Februari | Kunjung Hormat daripada TYT Duta Besar Jepun |
| 4. | 26 Februari | Kunjung Hormat daripada Majlis Perbandaran Kota Bahru |
| 5. | 27 Mei | Kunjung Hormat daripada TYT Duta Besar Republik *Korea* |
| 6. | 9 September | Kunjung Hormat daripada ‘Delegasi Republik *Uzbekistan* |
| 7. | 29 September | Kunjung Hormat daripada Kedutaan *Denmark* |
| 8. | 30 September | Kunjung Hormat daripada Kedutaan *Brazil* |
| 9. | 7 Oktober | Kunjung Hormat daripada Kedutaan *Turkmenistan* |
| 10. | 29 Oktober | Kunjung Hormat daripada Delegasi *Australia* |
| 11. | 18 November | Kunjung Hormat daripada Duta Besar *Finland* |
| 12. | 23 November | Kunjung Hormat daripada Delegasi *Baishan City, China* |
| 13. | 26 November | Kunjung Hormat daripada Duta Besar Turki |

**Senarai Kunjung Hormat Tahun 2015**

## 4.0. UNIT PROMOSI

Unit Promosi berfungsi melaksanakan kerja-kerja penerbitan, percetakan serta menghebahkan aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh DBKL. Berikut adalah fungsi Unit Promosi yang telah dilaksanakan sepanjang 2015.

a. **Menerbitkan Jendela Bandaraya :**

- Rencana berbentuk informasi yang memaparkan berita dan laporan mengenai program, aktiviti dan projek yang dijalankan oleh DBKL
- Naskah dicetak sebanyak 5,000 unit dan dibekalkan secara percuma

kepada agensi luar seperti Majlis Perbandaran seluruh Malaysia, IPT (Institut Pengajian Tinggi) seluruh Malaysia, sekolah-sekolah, bank-bank tempatan dan luar negara serta lain-lain agensi.

b. **Diari Tahunan DBKL**

- Sebanyak 7,730 naskah diari telah dicetak dalam tahun 2015 dan diedarkan secara percuma kepada kakitangan dan pegawai DBKL.
- Terbahagi kepada tiga jenis di mana ianya dibezakan mengikut kumpulan.
  i. Jenis I: 30 bilangan unit diari ***jenis kulit + PU*** diterbitkan untuk kegunaan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Pergurusan Tertinggi DBKL.
  ii. Jenis II: 700 bilangan unit diari ***jenis kulit + PU*** diperuntukkan untuk kegunaan kumpulan Pengurusan & *Professional*.
  iii. Jenis III: 7500 bilangan unit diari ***jenis PVC*** diperuntukkan untuk kegunaan kumpulan kakitangan sokongan I & II.

c. **Penerbitan *Desk Pad Calendar* (Kalendar Meja)**

- Pada tahun 2015, JPrK telah menerbitkan kalendar meja (*desk pad calender*) untuk diedarkan kepada kepada pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional DBKL (gred 41 dan ke atas). Bagi tahun tersebut unit ini telah menerbit dan mengedarkan sebanyak 650 unit kalender meja.

d. **Penerbitan Kad-Kad Ucapan Perayaan**

- Dalam mengeratkan hubungan DBKL dengan organisasi-organisasi luar, kad-kad ucapan perayaan telah diterbitkan bagi kegunaan YBhg. Datuk Bandar, Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur dan Pihak Pengurusan Tertinggi. Kad-kad perayaan yang diterbitkan adalah seperti berikut:
  i) Kad Perayaan Hari Raya Aidilfitri
  ii) Kad Perayaan Tahun Baru Cina
  iii) Kad perayaan Deepavali
  iv) Kad Perayaan Hari Krismas & Tahun Baru

e. **Percetakan *Bunting, Banner, Backdrop, Brochure* & Buku Program**

Unit Promosi juga bertanggungjawab dalam membantu menerbitkan *bunting* dan *banner, backdrop, broucher* dan buku program untuk keperluan majlis / program bagi semua jabatan dalaman DBKL. Antaranya program yang turut dibantu oleh unit promosi ialah seperti berikut:-

i) *The 3rd Meeting Of Governor/Mayor Of Asean Capital 2015*
ii) Hari Bertemu Pelanggan
iii) Sesi *Townhall* bersama Menteri Wilayah Persekutuan
iv) Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2015
v) Minggu Perpaduan Peringkat Wilayah Persekutuan
vi) *KL Orchid & Bonsai Show 2015*
vii) Seminar Komuniti Strata Wilayah Persekutuan 2015
viii) Majlis Pelancaran Perkhidmatan Kaunter *1Serve*
ix) Kepengerusian *Asean Summit* Ke 26
x) Sidang Kemuncak Asean ke 27 dan Persidangan yang berkaitan

f. **Portal DBKL**

Pada tahun 2015, Unit Promosi telah diberi tanggungjawab untuk menjadi Jawatankuasa Pengurusan Kandungan yang diketuai oleh Pengarah JPrK. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengemaskini informasi berita, acara terkini dan pengumuman semasa. Proses mengemaskini portal ini dibuat pada setiap hari dan mengadakan 1 kali perjumpaan dalam seminggu bagi memastikan bahawa maklumat-maklumat yang terpapar di *portal* adalah yang terkini dan tepat.

## 5.0. BAHAGIAN PERHUBUNGAN PELANGGAN DAN ADUAN AWAM

Unit ini pada asalnya terdiri daripada dua seksyen yang berbeza iaitu Pusat Panggilan Setempat atau *Call Centre* dan Seksyen Khidmat Pelanggan. Penggabungan Bahagian ini dikenali sebagai Bahagian Perhubungan Pelanggan dan Aduan Awam merangkumi unit Pusat Panggilan Setempat *(Call Centre*) dan Seksyen Khidmat Pelanggan (SKP).

Fungsi dan peranan Bahagian ini meliputi tiga perkara utama iaitu sebagai pusat panggilan setempat, pengurusan dan pemantauan aduan awam serta pengurusan perkhidmatan pelanggan. Bahagian ini juga turut menjadi pusat rujukan dan sumber maklumat orang ramai terutamanya hal-hal berkaitan dengan perkhidmatan DBKL kepada warga kota Kuala Lumpur khususnya dan seterusnya menjadi penanda aras kepada agensi-agensi kerajaan yang lain dalam menambahbaik pengurusan aduan di kementerian dan agensi masing-masing.

Dalam usaha untuk menambahbaik penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, bahagian ini telah melaksanakan perkhidmatan kaunter *1Serve* DBKL pada 5 Oktober 2015. Perkhidmatan Kaunter *1Serve* DBKL merupakan penambahbaikan berdasarkan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) atau *National Blue Ocean Strategy (NBOS*) yang bertujuan bukan sahaja untuk memudahkan urusan pelanggan, malah turut menjimatkan perbelanjaan dan masa.

Operasi kaunter *1Serve*, DBKL ini melaksanakan konsep kaunter pelbagai perkhidmatan dimana petugas barisan hadapan mengendalikan perkhidmatan yang diberikan oleh empat jabatan perintis iaitu Jabatan Kewangan, Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja, Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti serta Jabatan Perancangan Korporat.

Sebagai permulaan, Perkhidmatan Kaunter *1Serve* DBKL beroperasi di Lobi Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut dan perkhidmatan yang ditawarkan hanya berkaitan permohonan dan semakan sahaja.

**5.1. Penerimaan Panggilan Melalui Talian Bebas Tol 1-800-88-3255 bertempat di Pusat Panggilan Setempat *(CALL CENTRE)***

*Call Centre* telah menerima **64,267** panggilan. Perincian penerimaan panggilan adalah seperti berikut:-

| BULAN | JUMLAH PANGGILAN |
|---|---|
| Januari | 6,412 |
| Februari | 6,783 |
| Mac | 6,670 |
| April | 5,626 |
| Mei | 4,909 |
| Jun | 4,433 |
| Julai | 4,803 |
| Ogos | 5,890 |
| September | 4,407 |
| Oktober | 4,401 |
| November | 4,611 |
| Disember | 5,322 |
| **JUMLAH** | **64,267** |

**Statistik Penerimaan Panggilan Melalui Talian Bebas Tol 1800-88-3255**

Waktu puncak penerimaan aduan yang direkodkan adalah dari jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang. Dari jumlah penerimaan ini, sebanyak **43,092** panggilan adalah berbentuk pertanyaan. Manakala **21,175** panggilan berbentuk aduan. Kesemua panggilan aduan ini telah direkodkan dan telah diedarkan ke jabatan-jabatan berkenaan melalui sistem i-spaaa *(Integrated Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam).*

*Call Centre* telahpun menerima sebanyak **21,175** aduan. Janaan data pada 17 Februari 2015 menunjukkan sebanyak **21,017 (99%)** aduan telah diselesaikan. Manakala, sebanyak **158** aduan masih di dalam tindakan. Semua Jabatan disasarkan untuk menyelesaikan semua aduan-aduan tertunggak selewat-lewatnya pada bulan **Mac 2016**.

| KATEGORI | TERIMA | PERATUS (%) |
|---|---|---|
| Kemudahan Awam | 6,274 | 30% |
| Halangan | 2,584 | 12% |
| Pokok | 2,236 | 11% |
| Binatang | 2,172 | 10% |
| Perancangan dan Pembangunan | 1,639 | 8% |

**Statistik Penerimaan Aduan Mengikut 5 Kategori Tertinggi**

**5.2. Kehadiran Pelanggan di Kaunter Khidmat Pelanggan- *1SERVE* DBKL**

Seramai **5,175** orang pelanggan telah datang berurusan di kaunter khidmat pelanggan dimana warga kota yang telah datang berurusan di Kaunter Khidmat Pelanggan dari bulan Januari hingga September 2015 adalah sebanyak **352** pelanggan.

Pada 5 Oktober 2015, Kaunter Khidmat Pelanggan telah dijenamakan semula sebagai Kaunter *1Serve* DBKL dan telah menerima sebanyak **4,361** pelanggan bermula dari 5 Oktober 2015 hingga ke 31 Disember 2015 untuk pelbagai urusan perkhidmatan. Kaunter khidmat pelanggan juga menjadi urusetia untuk program Hari Bertemu Pelanggan DBKL yang menerima **133** orang pelanggan untuk tahun 2015 dan jumlah kehadiran pelajar-pelajar IPTA dan IPTS bagi menjalankan kajian terhadap DBKL adalah sebanyak **329** orang.

**5.3. Aktiviti-Aktiviti**

i. Menguruskan Panggilan Dari Talian Bebas Tol
ii. Penerimaan Pelawat Bagi Tujuan Penandaarasan
iii. Mesyuarat Analisa Penyelesaian Aduan Awam
iv. Lawatan Tapak
v. Kaunter Aduan Bergerak
   - Temubual dengan Ketua Jabatan/ Pegawai Kanan Jabatan DBKL (30 minit).
   - Aduan dan pandangan daripada pendengar
   - Diari DBKL
vi. Nadi KL
vii. Hari Bertemu Pelanggan

# JABATAN INTEGRITI

Jabatan Integriti ditubuhkan pada 1 Ogos 2015 susulan dari Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 berkaitan penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam peringkat persekutuan dan negeri dan bertindak sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan di semua agensi awam. Jabatan Integriti menjalankan enam fungsi utama iaitu **Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Siasatan dan Risikan, Pengurusan Aduan, Pematuhan dan Tatatertib** dengan __ orang pegawai dan kakitangan.

## 1.0. PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2015

Peruntukan Tahun 2015 = RM436,000.00

Perbelanjaan Tahun 2015 = RM145,179.49

Peratusan perbelanjaan berbanding peruntukan bagi tahun 2015 adalah 33.3%

## 2.0. FUNGSI UTAMA

Jabatan Integriti menjalankan enam fungsi utama iaitu :

**2.1** **Tadbir Urus -** Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan;

**2.2** **Pengukuhan Integriti -** Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;

**2.3** **Siasatan dan Risikan -** Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;

**2.4** **Pengurusan Aduan -** Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;

**2.5** **Pematuhan -** Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan

**2.6** **Tatatertib -** Melaksanakan fungsi Urusetia Lembaga Tatatertib.

## 3.0. STATISTIK AKTIVITI / PROGRAM JABATAN INTEGRITI

### 3.1. PENGURUSAN ADUAN

Unit Aduan berfungsi untuk menerima aduan kelakuan kakitangan melalui pelbagai kaedah. Antaranya surat layang, surat-menyurat, panggilan telefon, bersemuka dan sebagainya. Sebanyak 105 aduan diterima dan 35 daripada aduan tersebut diterima secara bersurat kepada Jabatan. Ringkasan adalah seperti berikut:

| BIL | CARA PENERIMAAN ADUAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Surat layang | 14 |
| 2. | Pengadu datang sendiri | 12 |
| 3. | Emel | 5 |
| 4. | Surat menyurat | 35 |
| 5. | Panggilan telefon / aplikasi whatsapp | 2 |
| 6. | Lain-lain (sila nyatakan) | |
| | i) SPRM | 15 |
| | ii) Aduan ISPAAA | 2 |
| | iii) Arahan Pegawai | 20 |
| | **JUMLAH** | **105** |

### 3.1.1. Klasifikasi Aduan Mengikut Sektor

Aduan yang diterima juga dipecahkan mengikut sektor di mana Sektor Pentadbiran mempunyai jumlah terbanyak iaitu sebanyak 75 aduan yang terdiri daripada pelbagai sumber seperti ringkasan berikut:

| BIL. | KLASIFIKASI ADUAN MENGIKUT SEKTOR | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Sektor Pentadbiran | 75 |
| 2. | Sektor Perolehan | 5 |
| 3. | Sektor Kewangan | 4 |
| 4. | Sektor Penguatkuasaan | 13 |
| 5. | Sektor Perlesenan | 6 |
| 6. | Lain-lain | 2 |
| | **JUMLAH** | **105** |

### 3.1.2 Standard Operation Procedure (SOP) Yang Digunapakai

Unit Aduan menggunapakai Arahan Datuk Bandar - Pengurusan Siasatan Tatakelakuan DBKL yang berkuatkuasa pada 3 Ogos 2015. Tujuan Arahan ini dikeluarkan untuk memberi penjelasan mengenai tatacara pengurusan siasatan tatakelakuan terhadap pegawai dan kakitangan DBKL yang merangkumi aspek pengumpulan bukti dan keterangan serta kewajipan semua pegawai dan kakitangan DBKL untuk memberi kerjasama. Arahan ini terpakai untuk semua pegawai dan kakitangan DBKL. Sekiranya ada mana-mana pegawai dan kakitangan yang melanggar arahan ini adalah dianggap sebagai Ingkar Perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

ARAHAN DATUK BANDAR KUALA LUMPUR
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
BIL. 1/2015

PENGURUSAN SIASATAN TATAKELAKUAN DBKL

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

### 3.2. Tatatertib

#### 3.2.1. Jenis Kesalahan Tatatertib

Terdapat 138 kes tatatertib yang dijalankan. Kes yang mencatat rekod tertinggi adalah berkaitan dengan ketidakhadiran/ kehadiran iaitu sebanyak 99 kes. Ringkasan kesalahan adalah seperti berikut:

| BIL. | JENIS KESALAHAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Ketidakhadiran/ Kehadiran | 99 |
| 2. | Cuti Melebihi Kelayakan | 4 |
| 3. | Mengemukakan Sijil Cuti Sakit Palsu | 5 |
| 4. | Gagal Mengakses Kad Perakam Waktu Masuk/ Keluar | 14 |
| 5. | Datang Lewat | 5 |
| 6. | Meninggalkan Tempat Bertugas Tanpa Kebenaran | 2 |
| 7. | Penyalahgunaan Kuasa | 1 |
| 8. | Gangguan Seksual | 1 |
| 9. | Cuai Sehingga Kad Perakam Waktu Hilang | 1 |
| 10. | Menyimpan Cop Nama Kakitangan Lain | 1 |
| 11. | Sek. 323 Akta Pencegahan Rasuah | 1 |
| 12. | Sek. 302 Kanun Keseksaan | 1 |
| 13. | Sek. 354 KK/ Sek. 395 KK/ Sek. 397 KK | 1 |
| 14. | 39A (2) Akta Dadah Berbahaya | 1 |
| 15. | Sek. 6 Akta Dadah Berbahaya | 1 |
| | **JUMLAH** | **138** |

### 3.2.2. Jenis Hukuman Tatatertib yang dijatuhkan

Terdapat 236 hukuman telah dijatuhkan kepada pegawai/ kakitangan antaranya Perlucuthakan Gaji dengan 99 hukuman diikuti oleh Amaran dengan 71 hukuman. Ringkasan hukuman mengikut jenis adalah seperti berikut:

| BIL. | JENIS HUKUMAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Amaran | 71 |
| 2. | Celaan | 3 |
| 3. | Denda | 23 |
| 4. | Perlucuthakan Gaji | 99 |
| 5. | Turun Gaji | 5 |
| 6. | Turun Pangkat | 0 |
| 7. | Buang Kerja | 32 |
| 8. | Kes Digugurkan | 0 |
| 9. | Warta | 3 |
| 10. | Surcaj | 0 |
| | **JUMLAH** | **236** |

### 3.3. Pengukuhan Integriti

Sebanyak 31 program integriti telah dilaksanakan oleh Jabatan Integriti dengan dihadiri oleh 2,830 orang warga DBKL. Dari jumlah tersebut, seramai 216 orang adalah dari Kumpulan Pengurusan dan *Professional*, 499 orang dari Kumpulan Sokongan 1, 1,356 orang dari Kumpulan sokongan 2 dan 759 orang dari Kumpulan Pelaksana. Program yang telah diadakan ini terbahagi kepada beberapa kategori iaitu, 2 program berbentuk forum, 4 program *smart partnership*, 5 program bengkel, 2 program seminar dan 18 program penerapan nilai-nilai murni.

Program integriti ini diadakan adalah untuk membangunkan modal insan peserta dalam mengamalkan nilai-nilai murni dan meningkatkan tahap integriti warga DBKL. Selain itu juga, program-program yang diadakan juga adalah untuk memotivasikan warga DBKL bagi mempersiapkan diri ke arah pemikiran yang lebih positif terhadap perubahan dan memberi panduan yang tepat dalam mencapai budaya kerja yang cemerlang dan berintegriti di samping membentuk sahsiah peribadi.

Berikut merupakan antara program-program yang telah diadakan sepanjang tahun 2015:





Bicara Perdana Sempena Hari Wilayah Persekutuan






Lawatan Ke PERKID Malaysia






Program *Smart* Ibadah






Ceramah Pengkisahan Tirai Besi oleh
Jabatan Penjara Malaysia





Program Muzikal Akustika 'Mewah Rasuah Maruah Punah'





Program '*Executive Talk*' Bersama
Mufti Wilayah Persekutuan





Kursus Pengukuhan Integriti untuk Jabatan Berisiko di DBKL





Ceramah Integriti oleh Penceramah Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM)

### 3.4. Pematuhan

Unit Pematuhan berperanan memastikan peraturan, undang-undang, sistem dan prosedur yang diwujudkan di Jabatan-jabatan dilaksanakan dan dipatuhi oleh pegawai dan kakitangan di dalam aspek pelaksanaan tugas dan kerja seharian.

Pemeriksaan pematuhan dan naziran integriti dilaksanakan bertujuan mengelakkan berlakunya penyelewengan, salah guna kuasa, akibat ketidakpatuhan kepada sistem prosedur sediaada, kelemahan sistem kerja sedia ada dan juga akibat tiadanya SOP yang bersesuaian bagi memberi panduan kepada pelaksanaan satu-satu kerja.

Unit ini melaksanakan fungsinya melalui proses pemeriksaan pematuhan dan naziran integriti ke Jabatan-jabatan, unit dan pejabat cawangan. Pada tahun 2015, 12 pemeriksaan pematuhan dan Naziran integriti dilaksanakan iaitu seperti berikut:

| BIL. | PERKARA | JABATAN |
|---|---|---|
| 1. | Semakan prosedur tindakan tatatertib jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal | Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal |
| 2. | Pemeriksaan kawalan mutu dan kualiti pembekalan *premix* bagi kerja-kerja penurapan dan penampalan *potholes* jalan | Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar |
| 3. | Semakan kes tahan gaji dan pulih gaji kakitangan yang belum diambil tindakan tatatertib oleh Jabatan-jabatan | Semua Jabatan |
| 4. | Naziran pejabat cawangan wangsa maju berkaitan kerja lebih masa kakitangan | Pejabat Cawangan Wangsa Maju |
| 5. | Proses semakan kelayakan pendidikan pegawai yang diambil bekerja di DBKL | Jabatan Pengurusan Sumber Manusia |
| 6. | Proses pengambilan pegawai dan kakitangan yang tidak menepati syarat umur | Jabatan Pengurusan Sumber Manusia |
| 7. | Naziran integriti proses pembayaran kepada artis bagi program / acara muzik anjuran DBKL | Unit Muzik |
| 8. | Naziran Penyelenggaraan pokok rendang dan penyelenggaraan taman awam | Jabatan Lanskap dan Rekreasi |
| 9. | Semakan Pendaftaran dan pengundian tapak Bazar Ramadhan 2015 | Jabatan Pelesenan |
| 10. | Naziran kualiti dan mutu premix bagi kerja-kerja penampalan lubang *(potholes)* | Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran |
| 11. | Naziran cadangan pembangunan semula pasar Jalan Raja Bot | Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan |
| 12. | Naziran pelaksanaan pemasangan lampu LED disekeliling tasik di Taman Botani Perdana Kuala Lumpur | Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan |

Dari sudut impak, pemeriksaan pematuhan ini dapat dilihat melalui penghasilan SOP *(Standard of Operating Procedures)* dan Garis Panduan kepada jabatan-jabatan yang memerlukan ianya dipatuhi dan diikuti bagi meningkatkan tahap pengurusan sedia agar lebih cekap, telus dan berintegriti. Sehubungan itu, pada tahun 2015, telah terhasil garis panduan dan *SOP* seperti berikut:

**3.4.1. Garis Panduan pembayaran di bawah arahan perbendaharaan 58 (a) [AP-58(a)] dan arahan Perbendaharaan 59 (AP 59) bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.**

Secara umumnya garis panduan ini adalah berkaitan dengan pembayaran yang memerlukan kebenaran khas dari pegawai pengawal bagi membayar/menyelaras baucar perbelanjaan yang dikemukakan dalam tahun kewangan semasa, berkaitan pertanggungan-pertanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum hujung tahun yang lama tetapi dikemukakan selepas bulan pertama tahun kewangan semasa. [AP58 (a)].Pembayaran melalui AP 59 menetapkan Pembayaran Bagi Barang-Barang Dan Perkhidmatan Yang Dibekal Dengan Suci Hati Tidak Boleh Ditahan.

Garis panduan ini telah diedarkan kepada semua jabatan melalui Arahan Kewangan Bil 1/2015 yang ditandatangani oleh Y.Bhg Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk pemakaian secara rasmi bermula **1 Januari 2016**.

**3.4.2. Arahan Kerja dan Tatacara penerimaan bekalan premix daripada pembekal/ kontraktor yang dilantik di Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar.**

Arahan kerja ini bertujuan memastikan kakitangan di tapak mematuhi dan melaksanakan kawalan mutu dan kualiti *premix* yang dihantar oleh kontraktor ke depoh-depoh penyelenggaraan jalan JPKB.

**3.5. Tadbir Urus**

Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) ditubuhkan selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2014. Mesyuarat JITU dilaksanakan di 3 peringkat iaitu di peringkat DBKL yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Bandar, kemudian dibawa ke Mesyuarat JK JITU yang akan dipengerusikan oleh YBhg. Datuk KSU dan seterusnya dibawa ke Mesyuarat JITU yang akan dipengerusikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan. Penyediaan laporan dalam Mesyuarat JITU adalah berpandukan kepada 6 terma rujukan seperti berikut:-

## 6 TERMA RUJUKAN



**3.5.1. Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU).**

Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) peringkat DBKL bersidang sebanyak tiga kali setahun. Bagi tahun 2015 tarikh-tarikh Mesyuarat JITU peringkat DBKL adalah seperti berikut:

| PERKARA | TARIKH MESYUARAT | KERTAS PEMBENTANGAN |
|---|---|---|
| Mesyuarat Jawatankuasa Integriti Tadbir Urus (JITU) Peringkat DBKL Bilangan 1/2015 | 12 Mac 2015 | i) Isu Pembangunan Projek-projek Kecil<br>ii) Permohonan Bantuan Program Sosial<br>iii) Kerosakan lif di Perumahan Awam/PPR<br>iv) Pemantauan baik pulih unit kosong<br>v) Kajian keperluan pengguna sistem yang tidak mantap<br>vi) Jaringan yang kurang utuh antara Pengurusan Tertinggi DBKL dengan Media<br>vii) PBRKL 2020 yang masih tertangguh untuk pewartaan |
| Mesyuarat Jawatankuasa Integriti Tadbir Urus (JITU) Peringkat DBKL Bilangan 2/2015 | 2 Julai 2015 | i) Standard prosedur untuk permohonan mencantas pokok<br>ii) Prosedur Pemantauan Prestasi Pembekal DBKL<br>iii) Penguatkuasaan Perancangan<br>iv) Pemberian Permit untuk meletakkan meja/kerusi di siar kaki restoran<br>v) Pembuangan Sampah di dalam sistem perparitan di kawasan pasar |
| Mesyuarat Jawatankuasa Integriti Tadbir Urus (JITU) Peringkat DBKL Bilangan 3/2015 | 19 November 2015 | i) Garis panduan penyewaan karpet di Pusat Komuniti<br>ii) Garis panduan kawalan penggunaan peralatan sembahyang di Premis Perumahan |

**3.5.2. Pelan Integriti DBKL 2015-2019**

Pelan Integriti DBKL 2015-2019 telah dilancarkan pada 7 Disember 2015. Pelan Integriti ini menyediakan rangka dasar, hala tuju dan bidang fokus bagi melaksanakan program-program untuk meningkatkan integriti. Sebanyak 28 program di bawah enam strategi telah dirancang untuk dilaksanakan bagi tempoh lima tahun bermula tahun 2015 hingga 2019.




Pelancaran Pelan Integriti DBKL Bagi
Tahun 2015-2019 Oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur
Pada 7 Disember 2015




Objektif Pelan Integriti DBKL 2015-2019 adalah:

a) Memperkukuhkan asas nilai-nilai murni dan membudayakan integriti sebagai amalan warga kerja DBKL;
b) Meningkatkan tadbir urus yang baik, kecekapan dan keberkesanan dalam sistem penyampaian; dan
c) Memerangi gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa

Enam strategi utama Pelan Integriti DBKL adalah:

a) Strategi 1 : Memantapkan Keberkesanan Tadbir Urus Terbaik;

b) Strategi 2 : Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan

c) Strategi 3 : Melaksanakan Program Kesedaran Memerangi Jenayah Rasuah, Penyelewengan dan Salah Guna Kuasa Serta Meningkatkan Integriti

d) Strategi 4 : Memantapkan Pentadbiran Sistem Keadilan;

e) Strategi 5 : Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia;

f) Strategi 6 : Meningkatkan Reputasi Sebagai Agensi Penguatkuasa

Semua jabatan bertanggungjawab menggerakkan program-program yang telah dirancang dan perlaksanaan program-program ini akan dilaporkan melalui Mesyuarat PEMANDU Pelan Integriti DBKL yang diadakan dua (2) kali setahun.




# SEKTOR PENGURUSAN

# JABATAN KEWANGAN

Jabatan Bendahari diwujudkan pada tahun 1956 dan jabatan ini ditukar kepada Jabatan Kewangan (JKew) mulai tahun 2003. Kini, JKew mempunyai 258 orang pegawai dan kakitangan.

Jabatan ini berfungsi mengendalikan pengurusan kewangan DBKL yang terlibat dari segi pengurusan kutipan hasil, perbelanjaan, belanjawan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahunan DBKL.

Jabatan ini memastikan tindakan penguatkuasaan kutipan cukai taksiran dilaksanakan mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ke atas akaun-akaun tertunggak dan menyediakan maklumat-maklumat kewangan hasil bukan cukai / terimaan bukan hasil untuk tindakan penguatkuasaan kutipan hasil oleh jabatan pelaksana.

Jabatan ini mempunyai lapan (8) unit antaranya:-

i. Unit Pentadbiran & Pelaburan
ii. Unit Perancangan Kewangan
iii. Unit Emolumen
iv. Unit Maklumat Kewangan Berkomputer
v. Unit Perakaunan
vi. Unit Pembayaran
vii. Unit *Paymaster*
viii. Unit Pengurusan Hasil

## 1.0. LAPORAN PRESTASI BELANJAWAN DBKL 2015

| BIL. | PERKARA | RM | PERATUS (%) |
|---|---|---|---|
| 1. | Hasil Cukai | 1,004,000,000 | 41.1 |
| 2. | Hasil Bukan Cukai | 576,426,800 | 23.6 |
| 3. | Kumpulan Wang Penswastaan | 310,210,300 | 12.7 |
| 4. | Rancangan Malaysia Ke-10 | 182,500,000 | 7.5 |
| 5. | *National Key Economic Areas (Nkea - Greater Kl / KV)* | 149,900,000 | 6.2 |
| 6. | Bantuan Dari Kerajaan Pusat | 98,500,000 | 4.0 |
| 7. | Sewaan Perumahan Awam & Rakyat | 86,552,400 | 3.6 |
| 8. | Lain-Lain Pembiayaan | 12,600,000 | 0.5 |
| 9. | Swasta (Petronas) | 10,000,000 | 0.4 |
| 10. | *National Key Result Areas* (NKRA) | 9,900,000 | 0.4 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **2,440,589,500** | **100%** |

Sumber-sumber Pembiayaan DBKL

| BIL. | PERKARA | PERUNTUKAN (RM) | BELANJA (RM) | % BELANJA |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Emolumen | 446,782,600 | 422,291,823 | 94.5 |
| 2. | Elaun Lebih Masa | 67,564,000 | 67,547,672 | 100.0 |
| 3. | Perkhidmatan & Bekalan | 1,022,939,800 | 927,803,381 | 90.7 |
| 4. | Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap | 66,505,800 | 64,754,815 | 97.4 |
| 5. | Perbelanjaan Lain | 14,456,100 | 10,226,411 | 70.7 |
| 6. | Aset *(Inventori)* | 9,793,400 | 8,270,433 | 84.4 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **1,628,041,700** | **1,500,894,535** | **92.2** |

Pecahan Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus DBKL 2015

| BIL. | PERKARA | PERUNTUKAN (RM) | BELANJA (RM) | BELANJA % |
|---|---|---|---|---|
| **A.** | **PROJEK PEMBANGUNAN** | | | |
| 1. | DBKL | 635,006,600 | 619,190,236 | 97.5 |
| 2. | Rancangan Malaysia Ke-10 | 197,366,000 | 188,277,958 | 95.4 |
| 3. | *National Key Results Areas* (NKRA) | 9,749,400 | 9,269,487 | 95.1 |
| 4. | *National Key Economic Areas* (*NKEA - Greater Kl / KV*) | 100,311,200 | 91,118,024 | 90.8 |
| 5. | Swasta (Petronas) | 7,000,000 | 4,494,866 | 64.2 |
| 6. | Lain-Lain Pembiayaan | 22,300,000 | 20,219,822 | 90.7 |
| **B.** | **ASET MODAL – Kenderaan, Jentera, Aset & Komputer** | 35,032,100 | 33,146,518 | 94.6 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **1,006,765,300** | **965,716,911** | **95.9** |

Pecahan Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan DBKL 2015

## 2.0. PROGRAM / AKTIVITI UTAMA JABATAN KEWANGAN

### 2.1. Pengurusan Bajet

DBKL telah mengadakan *Retreat* Bajet 2016 pada 4 hingga 6 Oktober 2015 yang dihadiri oleh semua wakil jabatan bagi penyediaan draf Bajet 2016. *Retreat* ini bertujuan untuk membincangkan perancangan dan pelaksanaan program, aktiviti serta projek yang direncanakan oleh DBKL dengan mengambil kira pandangan, cadangan dan syor yang dikemukakan oleh Pengurusan Tertinggi DBKL. Semua program, aktiviti dan projek yang dirancang hendaklah selari dengan Pelan Strategik DBKL 2010 - 2020 yang menekankan lima matlamat utama iaitu Bandar Raya Milik Warga Kota, Bandar Raya Makmur Ekonomi, Bandar Raya Bersaring, Bandar Raya Eko dan Bandar Raya Tadbir Urus Cekap.

Pembentangan Draf Bajet 2016 & Belanjawan Tambahan 2015 kepada Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur diadakan pada 26 Oktober 2015 selaras dengan Seksyen 55 (2) Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Pembentangan Bajet DBKL 2016 kepada Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diadakan pada 18 November 2015.

Sidang Media Bajet DBKL 2016 pula diadakan pada 19 November 2015, oleh YBhg. Datuk Hj. Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz, Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Bajet DBKL 2016 yang telah diluluskan adalah seperti berikut :-

a) **Peruntukan Mengurus** : **RM 1,727,644,300**
b) **Peruntukan Pembangunan** : **RM 997,000,000**
c) **Keseluruhan Bajet 2016** : **RM 2,724,644,300**
d) **Anggaran Hasil** : **RM 2,289,944,300**



*Retreat B*ajet 2016 yang dihadiri oleh semua wakil jabatan



Pembentangan Draf Bajet 2016 & Belanjawan Tambahan 2015 kepada Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur



YBhg.Datuk Bandar memegang buku Bajet DBKL 2016 semasa Sidang Media Bajet DBKL

## 3.0. PENGURUSAN HASIL

### 3.1. Kaunter Bayaran Sementara Di Pusat Beli-Belah

JKew membuka kaunter bayaran sementara di pusat beli-belah bersempena Bulan Membayar Cukai Taksiran pada sepanjang bulan Februari dan Ogos yang bertujuan untuk memudahkan orang awam membuat bayaran cukai taksiran mereka. Petugas-petugas di kaunter bertanggungjawab untuk mengeluarkan bil dan menerima bayaran. Beroperasi mulai jam 10 pagi hingga 9 malam, tiga lokasi terlibat ialah Pusat Beli-Belah Mid Valley, AEON Metro Prima Kepong dan AEON Taman Maluri Cheras.



Petugas Kaunter Bayaran DBKL di pusat beli-belah Mid Valley



Petugas Kaunter Bayaran DBKL sedang melayani orang awam di AEON Metro Prima Kepong



Petugas Kaunter Bayaran DBKL di AEON Taman Maluri Cheras

## 3.2. KAUNTER BERGERAK

JKew membuka Kaunter Bergerak di tiga lokasi iaitu berhadapan Pejabat JPJ Bandar Sri Permaisuri, di hadapan Bangunan Wisma Central Jalan Ampang, di hadapan CIMB Bank, Jalan Ara, Bangsar. Bayaran yang boleh dijelaskan di Kaunter Bergerak ini adalah Cukai Taksiran DBKL, Saman / Kompaun DBKL dan Sewa Perumahan DBKL




Kaunter bergerak berhadapan pejabat JPJ, Bandar Sri Permaisuri

### 3.3. PROGRAM CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN

JKew mengadakan Program Cabutan Bertuah Cukai Taksiran sebagai menghargai pembayar-pembayar cukai taksiran yang tiada tunggakan pada tahun 2014. Program ini juga adalah bagi meningkatkan kesedaran kepada pemilik hartanah di Kuala Lumpur untuk menjelaskan cukai taksiran pada masa yang telah ditetapkan. Majlis Cabutan Bertuah diadakan pada 7 Februari 2015 di Institut Latihan DBKL Cheras. Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah Cukai Taksiran DBKL pula diadakan pada 3 Mac 2015 di Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut. Hadiah-hadiah utama telah disampaikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Utama Tengku Adnan Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan. Pada majlis tersebut, dua pemenang hadiah utama bagi kategori individu dan syarikat, Yee Yue Thy dan Jasvinder Singh masing-masing membawa pulang Proton Suprima S. Tiga lagi pemenang iaitu Yap Soon Guan, Andrew Hah Chee Keen dan Kalimogan A Chelliah, membawa pulang skuter Yamaha Nouvo LC 135. Seramai 195 pemenang lagi menerima hadiah berupa telefon pintar (75 unit), *tablet* (90 unit), televisyen (20 unit) dan basikal lipat (10 unit). Manakala Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Tabung Haji terpilih menerima rebat menerusi pemberian kredit dalam akaun berjumlah RM20,000 hingga RM50,000 bagi kategori badan berkaitan kerajaan (GLC) dan institusi kewangan.




Pemenang hadiah utama cabutan bertuah menerima hadiah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan




Kesemua pemenang utama hadiah cabutan bertuah bergambar kenangan bersama Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan

# JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) bertanggungjawab merancang keperluan guna tenaga kerja, pelantikan dan penempatan kakitangan, perkhidmatan, kemudahan untuk kakitangan, penilaian kompetensi, pengurusan prestasi dan pembangunan modal insan. Selain daripada itu, jabatan berperanan meningkatkan pelaksanaan budaya inovasi, integriti dan akauntabiliti serta menguruskan hal ehwal kebajikan dan kaunseling. JPSM mempunyai 4 bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Pembangunan, Bahagian Perkhidmatan dan Institut Latihan Dewan Bandaraya dimana pecahan unit adalah seperti berikut:-

**A) Bahagian Pentadbiran**

i. Unit Pentadbiran

ii. Unit Prestasi, Integriti & Kenaikan Pangkat

iii. Unit Kemudahan & Persaraan

**B) Bahagian Pembangunan**

i. Unit Inovasi & Kualiti

ii. Unit Pengurusan Maklumat Personel

iii. Unit Kebajikan & Kaunseling

iv. Unit Perancangan & Organisasi

**C) Bahagian Perkhidmatan**

i. Unit Pengambilan

**D) Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**

## 1.0. PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN

### 1.1. Jabatan Pengurusan Sumber Manusia

Peruntukan : RM 23,592,200.00

Perbelanjaan : RM 20,733,487.00

### 1.2. Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Peruntukan : RM 8,977,100.00

Perbelanjaan : RM 8,461,516.40

## 2.0. MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2014 Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersama Agensi. Seramai 800 orang pegawai dan kakitangan DBKL menerima APC Tahun 2014. Pecahan mengikut kumpulan adalah seperti berikut :

| BIL. | KUMPULAN | PENERIMA (ORANG) |
|---|---|---|
| 1. | Pengurusan Dan Profesional | 48 |
| 2. | Sokongan I | 427 |
| 3. | Sokongan II | 325 |
| | **JUMLAH** | **800** |

## 3.0. PROGRAM / AKTIVITI JABATAN

### 3.1. Majlis Meraikan Pesara-Pesara DBKL

Seramai 396 orang pesara dan waris yang telah meninggal dunia dalam perkhidmatan pada tahun 2014 dan 2015 diraikan pada 21 Mei, 25 September dan 24 November di Hotel Seri *Pacific*, Kuala Lumpur.

### 3.2. Program Warga DBKL bersama PTPTN

DBKL dengan kerjasama PTPTN mengadakan taklimat dan kaunter promosi / rundingan pada 1 hingga 4 September untuk memberi penerangan mengenai pembayaran balik pinjaman PTPTN melalui potongan gaji, promosi Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) dan SSPN-I Plus kepada 458 pegawai & kakitangan yang mempunyai baki pinjaman PTPTN.

## 4.0. UNIT PERANCANGAN ORGANISASI

### 4.1. Penstrukturan Semula Organisasi DBKL Fasa 1 & Fasa 2

Bagi melaksanakan Penstrukturan Fasa 1 beberapa sesi *retreat* dan perbincangan telah diadakan yang melibatkan pegawai dan Ketua-ketua jabatan serta turut melibatkan pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam sesi rundingan teknikal bagi mendapatkan pandangan sebelum permohonan dikemukakan kepada JPA.

Penstrukturan ini telah berhasil memperkukuhkan organisasi melalui kenaikan gred perjawatan Pengurusan Tertinggi dan Ketua-ketua Jabatan berkuatkuasa 1 Ogos 2015.

Disamping pelaksanaan Penstrukturan Fasa 1, Jabatan juga telah melaksanakan Penstrukturan Semula DBKL Fasa 2 bermula Jun 2015. Tujuan pelaksanaan Penstrukturan Semula Organisasi Fasa 2 adalah untuk mengkaji dan memperkukuh organisasi melalui kenaikan gred perjawatan kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P), dan Kumpulan Pelaksana terutamanya penumpuan diberi kepada Kumpulan Sokongan I dan II serta Kumpulan IMG.

Beberapa sesi *retreat*, perbincangan serta rundingan teknikal yang melibatkan pegawai dan Ketua-ketua jabatan turut telah diadakan bagi tujuan pengumpulan maklumat dan penyediaan kertas cadangan sebelum dikemukakan kepada pihak JPA.

| BIL. | TARIKH | AKTIVITI/PROGRAM |
|---|---|---|
| 1. | 9 Februari | *Engagement* Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan bersama Ketua-ketua Jabatan DBKL bagi penyediaan Kertas Cadangan Penstrukturan Semula DBKL Fasa 1. |
| 2. | 16 Februari | Perbincangan dan pemurnian Kertas Cadangan Penstrukturan Semula DBKL Fasa 1 bersama Jabatan-jabatan DBKL. |
| 3. | 17 Februari | Mengemukakan Draf Kertas Cadangan Penstrukturan Semula DBKL Fasa 1 kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). |
| 4. | 25 Februari | Mengemukakan Kertas Cadangan Penstrukturan Semula DBKL Fasa 1 kepada JPA melalui Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). |
| 5. | 26-28 Februari | Sesi Rundingan Teknikal Penstrukturan Semula DBKL Fasa 1 Bersama JPA & KWP. |
| 6. | 7 April | Perbincangan untuk sesi Pembentangan Kertas Cadangan Penyusunan Semula DBKL Fasa 1 kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Organisasi (JKKPO) yang dipengerusikan oleh Ybhg. Datuk Ketua Pengarah DBKL. |
| 7. | 7 Mei | Sesi pembentangan Penstukturan Semula DBKL kepada Ketua-Ketua Jabatan DBKL |
| 8. | 11 Mei | Perbincangan Bersama Pengurusan Tertinggi dan mendapatkan pandangan untuk pembentangan JKKPO pada 12 Mei |
| 9. | 12 Mei | Sesi Pembentangan Kertas Cadangan Penyusunan Semula DBKL Fasa 1 di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Organisasi JKKPO yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. |
| 10. | 1-16 Jun | *Retreat* Penstrukturan Semula DBKL Fasa 2 bersama wakil Jabatan-jabatan DBKL. |
| 11. | 3 Ogos | *Engagement* bersama ANULAE DBKL berkaitan kelulusan Permohonan Penstrukturan Semula DBKL Fasa 1 dan Fasa 2. |
| 12. | 25-28 Ogos | *Retreat* Penstrukturan Semula DBKL Fasa 2 Bilangan 2 |
| 13. | 11-15 September | Sesi Rundingan Teknikal Penstrukturan Semula DBKL Fasa 2 bersama JPA & KWP. |
| 14. | 23 September | Sesi Pembentangan Hasil Rundingan Teknikal bersama JPA & KWP kepada Ybhg. Datuk Bandar dan Majlis Pengurusan Tertinggi (MPT). |
| 15. | 30 September-2 Oktober | Perbincangan Pemantapan Kertas Cadangan Penstrukturan Semula DBKL Fasa 2. |
| 16. | 23 Oktober | Sesi Pembentangan Cadangan Permohonan Penstrukturan Semula DBKL Fasa 2 kepada YBhg. Datuk Bandar dan Majlis Pengurusan Tertinggi (MPT) |
| 17. | 9 November | Sesi Pembentangan Cadangan Akhir Permohonan Penstrukturan Semula DBKL Fasa 2 kepada YBhg. Datuk Bandar dan Majlis Pengurusan Tertinggi (MPT) |
| 18. | 15-17 November | Sesi Pemurnian dan Pemantapan Kertas Cadangan Penstrukturan Semula DBKL Fasa 2 |
| 19. | 18 November | Sesi Pembentangan Cadangan Akhir Permohonan Penstrukturan Semula DBKL Fasa 2 Bilangan 2 kepada YBhg. Datuk Bandar dan Majlis Pengurusan Tertinggi (MPT) |

### 4.2. Pengauditan Perjawatan

Audit perjawatan DBKL dilaksanakan bertujuan untuk melihat dan mengenalpasti penggunaan sumber tenaga manusia yang optimum dari segi peningkatan keberkesanan dan kecekapan sumber tenaga manusia, membantu meningkatkan kemajuan dan prestasi kerja serta keseimbangan pengagihan tugas antara Jabatan-jabatan.

Pada keseluruhannya, peratus pencapaian pengauditan adalah 100%. Jumlah pengauditan yang dijalankan adalah sebanyak 3 sesi.

## 5.0. UNIT INOVASI DAN KUALITI

Unit Inovasi dan Kualiti bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan keurusetiaan serta menggalak dan mempromosikan budaya inovasi dan kualiti di kalangan warga kerja DBKL. Program dijalankan melalui pelaksanaan *MS ISO* 9001: 2008, Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Sistem Penarafan Bintang-Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT), Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), pelaksanaan idea inovasi dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).

### 5.1. Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

| BIL. | TARIKH/TEMPAT | AKTIVITI/PROGRAM |
|---|---|---|
| 1. | 11- 22 Mei, DBKL | **Audit Dalam EKSA Siri I**<br>Markah diperolehi 92.01%. Terdapat satu Unit mendapat markah purata kurang daripada 80 |
| 2. | 17 – 21 Ogos, DBKL | **Audit Dalam EKSA Siri II**<br>Semua Jabatan/Zon telah mendapat markah purata melebihi 80 markah dan markah keseluruhan EKSA DBKL bagi siri II adalah 94.10%. |
| 3. | 11 Jun, IDB | **Ceramah Hiasan dalam EKSA**<br>Disampaikan oleh Azhar Sulaiman iaitu seorang Arkitek, pelakon dan pengacara. Ceramah tersebut diadakan bertujuan sebagai pendedahan kepada warga kerja mengenai pelaksanaan amalan EKSA di pejabat. |
| 4. | 7 Disember, Auditorium DBKL | **Hari Pengiktirafan EKSA DBKL**<br>5 anugerah EKSA diberi kepada Jabatan iaitu:-<br>Jabatan Terbaik,<br>• Zon Terbaik,<br>• Pelabelan Terbaik,<br>• Ruang Kerja Terbaik<br>• *Go Green*<br>• Kreativiti Terbaik |

Program-Program EKSA

### 5.2. Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

| BIL. | TARIKH/TEMPAT | AKTIVITI/PROGRAM |
|---|---|---|
| 1. | 18 – 21 Januari,<br>Seri Suasana,<br>Port Dickson | ***Retreat* Pencapaian KPI tahun 2014 dan Perancangan KPI tahun 2015**<br>Dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi dan Ketua Jabatan |
| 2. | Ogos,<br>Menara DBKL | **Pencapaian Setengah Tahun KPI bagi tahun 2015**<br>Mesyuarat ini diadakan bagi membentangkan pencapaian setengah tahun KPI setiap Jabatan untuk mengenal pasti KPI-KPI Jabatan yang tidak dapat dicapai sehingga hujung tahun dan KPI – KPI yang perlu digugurkan atau dipinda |

Program-Program KPI

### 5.3. *MS ISO* 9001:2008

| BIL. | TARIKH/TEMPAT | AKTIVITI/PROGRAM |
|---|---|---|
| 1. | Siri 1 : 23-25 Feb<br>Siri 2 : 2-4 Mac<br>Siri 3: 11-13 Mac<br>Seri Suasana,<br>Port Dickson | **Bengkel Penulisan NCR dan Pelaporan Penemuan Audit**<br>Bertujuan untuk memahami prinsip pengurusan program Audit Dalam dan memahami fasa-fasa dalam Audit Kualiti Dalaman untuk melibatkan semua Audit Dalam DBKL |
| 2. | 11-22 Mei,<br>Dewan Megapuri | **Audit Dalaman *MS ISO* 9001: 2008**<br>DBKL mendapat 26 ketidakakuran (NCR) dan 68 pemerhatian (OFI) dalam sesi audit berkenaan |
| 3. | Siri 1 : 22 Jun<br>Siri 2 : 23 Jun<br>Siri 3 : 17 Ogos<br>Siri 4 : 20 Ogos Menara DBKL 1 | **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)**<br>Membincangkan perkara-pekara yang akan memastikan sistem pengurusan kualiti DBKL sentiasa berkesan dan sesuai dilaksanakan. |
| 4. | 7-11 September,<br>DBKL | **Audit Pensijilan Semula oleh SIRIM QAS**<br>SIRIM DBKL menjalankan audit dan DBKL telah mendapat 1 ketidakakuran (NCR) dan 30 pemerhatian (OFI) |

Program-Program *MS ISO* 9001:2008

**5.4. Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)**

| BIL. | TARIKH/TEMPAT | AKTIVITI/PROGRAM |
|---|---|---|
| 1. | Mei, IDB | **Bengkel Lanjutan KIK**<br>Bengkel untuk pasukan yang akan menyertai Konvensyen KIK Peringkat DBKL. Dilaksanakan sebanyak 4 siri. |
| 2. | | **Program *Coaching* KIK**<br>Program *Coaching* merupakan bengkel bagi membantu Pasukan KIK DBKL untuk bertanding dalam Konvensyen KIK Peringkat Wilayah Persekutuan. Empat pasukan yang menjadi Johan dan Naib Johan dalam kategori Pengurusan dan Teknikal dalam Konvensyen KIK Peringkat DBKL pada tahun 2014 telah dipilih untuk mewakili DBKL<br>**Kategori Pengurusan**<br>*One LIB* : Jabatan Pentadbiran<br>*Strikers* 1.0 : Jabatan Pelesenan & Penjaja<br>**Kategori Teknikal**<br>*Roadstar* : Jabatan Kejuruteraan Mekanikal<br>Sihat XVI : Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar |
| 3. | 8-9 September, KWP | **Konvensyen KIK Peringkat Wilayah Persekutuan**<br>Pasukan KIK SIHAT XVI dan *STRIKERS* 1.0 telah menjadi Johan dalam ketegori masing-masing dan terpilih untuk mewakili Wilayah Persekutuan untuk bertanding di Peringkat Kebangsaan. |
| 4. | 18-19 November, Auditorium DBKL | **Konvensyen KIK Peringkat DBKL**<br>10 pasukan KIK (6 bagi kategori pengurusan dan 4 kategori teknikal) telah menyertai konvensyen ini. |
| 5. | 24-26 November, Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah Kuantan, Pahang | **Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam**<br>Pasukan KIK SIHAT XVI dan *STRIKERS* 1.0 telah mewakili Wilayah Persekutuan dan mendapat hadiah saguhati. |

Program-Program KIK

## 5.5. Inovasi

| BIL. | TARIKH/TEMPAT | AKTIVITI/PROGRAM |
|---|---|---|
| 1. | 22 Oktober | **Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)**<br>DBKL telah menghantar enam idea inovasi bagi AIPBT. DBKL telah dipilih sebagai Calon Senarai Pendek untuk anugerah ini dan mendapat hadiah wang tunai RM100,00.00 serta sijil. Penyampaian Sijil dan *mock cheque* telah dilaksanakan pada Sambutan Hari Inovasi Kementerian Kesejahteraan |
| 2. | 12 November | **Hari Inovasi Kementerian Wilayah Persekutuan bersama Agensi**<br>DBKL telah dipilih untuk menerima anugerah Agensi Berinovasi manakala Pasukan KIK SIHAT XVI menerima hadiah Pameran Terbaik.<br>5 idea (1 idea berkumpulan dan 4 idea individu) telah dipilih untuk diberi Anugerah Inovasi DBKL. Hadiah bagi setiap idea ketegori kumpulan adalah RM1000.00 manakala bagi kategori individu adalah RM500.00. |

Program-Program Inovasi

## 5.6. Sistem Penarafan Bintang – Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT)

| BIL. | TARIKH | AKTIVITI/PROGRAM |
|---|---|---|
| 1. | April, Ogos, Disember | **Mesyuarat Pemantauan SPB-PBT**<br>DBKL berhasrat untuk mendapat pengiktirafan 5 Bintang dalam Sistem Penarafan Bintang – Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) yang akan diadakan pada tahun 2016. Jabatan telah dimaklumkan mengenai indikator baharu yang telah ditambah baik oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan<br>Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam mesyuarat tersebut. |

Program-Program SPB-PBT

# 6.0. UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT PERSONEL

## 6.1. Aktiviti/Program Buku Perkhidmatan

Pelbagai aktiviti/program melibatkan buku perkhidmatan yang dirancang adalah selaras dengan keputusan Pihak Pengurusan dengan memilih 6 jabatan untuk menguruskan Buku Perkhidmatan kakitangan di jabatan masing-masing. Jabatan-jabatan yang terpilih adalah:

i. Jabatan Pengurusan Sumber Manusia.
ii. Jabatan Penguatkuasaan.
iii. Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar.
iv. Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti.
v. Jabatan Landskap dan Rekreasi.
vi. Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran.

| BIL. | TARIKH/TEMPAT | AKTIVITI/PROGRAM |
|---|---|---|
| 1. | 13-15 April,<br>Rumah Rehat Seri Suasana DBKL@PD | **Bengkel Pengurusan Buku Perkhidmatan**<br>Bengkel ini telah dirasmikan oleh Pengarah, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia dengan dihadiri oleh 40 orang peserta daripada 6 Jabatan yang terpilih. Wakil Jabatan Audit Dalam turut hadir sebagai pemerhati pelaksanaan bengkel. |
| 2. | 15-16 Jun, DBKL | **Latihan Amali Pengemaskinian Buku Perkhidmatan**<br>Lanjutan daripada bengkel yang dilaksanakan, latihan amali turut dilakukan bagi meningkatkan kemahiran menyediakan buku perkhidmatan. |
| 3. | 8 Disember,<br>Universiti Teknologi MARA, Shah Alam | **Lawatan Kerja ke Sektor Perkhidmatan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)**<br>Lawatan kerja diadakan untuk melihat pelaksanaan mengemas kini buku perkhidmatan<br>secara elektronik oleh UiTM dengan menggunakan Sistem Buku Perkhidmatan (*STARS*). |

Program Berkaitan Buku Perkhidmatan

Sebanyak 764 buah buku perkhidmatan telah dikemas kini bagi pelbagai tujuan dengan pecahan seperti berikut:




Pecahan dan peratusan pengemaskinian buku perkhidmatan

**6.2. Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia(*Human Resource Management Information System* – HRMIS)**

Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia – *Human Resource Management Information System* (HRMIS) diwujudkan untuk menyediakan satu antaramuka (*single interface*) bagi anggota perkhidmatan awam melaksanakan tugas Pengurusan Sumber Manusia dengan (PSM) lebih cekap dan berkesan melalui maklumat yang lebih lengkap serta proses-proses operasi PSM yang diautomasikan.

Antara faedah pelaksanaan HRMIS adalah:

*i.* *Electronic Guarantee Letter (eGL)* – Pelaksanaan penggunaan surat pengesahan diri dan pengakuan pegawai secara *online* di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui aplikasi HRMIS.

ii. Pangkalan Data PSM Yang Berpusat – Maklumat Rekod Peribadi serta Perisytiharan Harta boleh dicapai sekiranya pegawai dan kakitangan bertukar dari satu agensi kerajaan ke agensi kerajaan lain.

iii. Integrasi dengan Sistem POWER (Sistem Persaraan Jabatan Perkhidmatan Awam) – Untuk memudahkan urusan persaraan. Pelbagai aktiviti/program dilaksanakan bagi memastikan sistem dapat diakses lebih lancar serta pegawai dan kakitangan dapat mencapai akses HRMIS adalah seperti berikut:

| BIL. | TARIKH | AKTIVITI/PROGRAM |
|---|---|---|
| 1. | Januari – Disember | **Pengemaskinian Modul Perisytiharan Harta**<br>Mengemaskini laporan data perisytiharan harta yang dikeluarkan oleh JPA setiap bulan. |
| 2. | 27 Januari | **Pengujian *'Stress Test'* Bagi Aplikasi HRMIS 2.0**<br>Pengujian (*Stress Test*) Aplikasi HRMIS 2.0 bagi menilai tahap prestasi HRMIS 2.0 sebelum pelancarannya. |

| | | |
|---|---|---|
| 3. | 20 April– 31 Disember | **Bengkel Pemurnian Data HRMIS**<br>Menyemak dan membuat pembetulan kepada data-data dikenal pasti tidak munasabah bagi Modul Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan. |
| 4. | 24-25 Oktober | **Program *Training On HRMIS For Users (THOR)***<br>Mempelajari modul-modul yang baru di dalam Sistem *HRMIS*. |
| 5. | 02-06 November | **Minggu HRMIS 2015**<br>Membuka kaunter khas bagi pegawai dan kakitangan untuk menyemak dan mengemaskini data di dalam sistem *HRMIS*. |
| 6. | 30 November – 01 Disember, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Cyberjaya | **Program *HRMIS USER GROUP SUMMIT 2015* (HUGS 2015)**<br>Program dihadiri untuk berkongsi pengalaman dalam pengurusan sumber manusia, meningkatkan kefahaman berkaitan *HRMIS* serta kepentingan Pengurusan sumber manusia berteraskan *ICT* dalam sesebuah organisasi. |

Program Berkaitan Buku Perkhidmatan

## 7.0. UNIT KEBAJIKAN DAN KAUNSELING

### 7.1. Bantuan Kebajikan

| BIL. | JENIS BANTUAN | JUMLAH YANG MENERIMA SUMBANGAN |
|---|---|---|
| 1. | Saguhati kelahiran cahaya mata | 269 |
| 2. | Ziarah kakitangan sakit (sumbangan hamper) | 45 |
| 3. | Bantuan sakit - kakitangan (tinggal di wad) | 34 |
| 4. | Bantuan sakit- ahli keluarga kakitangan (tinggal di wad) | 22 |
| 5. | Bantuan kemalangan-kakitangan (cuti sakit) | 49 |
| 6. | Bantuan kemalangan-ahli keluarga kakitangan(cuti sakit) | |
| 7. | Bantuan kematian-kakitangan | 40 |
| 8. | Bantuan kematian-ahli keluarga kakitangan | 251 |
| 9. | Bantuan Bencana Alam | 3 |

Bantuan Kebajikan kepada kakitangan

### 7.2. Bayaran Pampasan Bencana Kerja Dan Insurans Kelompok

| BIL. | JENIS PAMPASAN | JUMLAH YANG MENERIMA SUMBANGAN |
|---|---|---|
| 1. | Kematian | 2 |
| 2. | Kecederaan Lain | 3 |
| JUMLAH | | 5 |

Statistik kakitangan DBKL yang mendapat faedah dari Skim Bayaran Pampasan *Ex-Gratia*

### 7.3. Skim Insurans Kelompok

| BIL. | JENIS PAMPASAN | GREAT EASTERN LIFE | TAKAFUL IKHLAS |
|---|---|---|---|
| 1. | Kematian | 10 | 6 |
| 2. | Hilang Upaya Kekal | 4 | - |
| 3. | Elaun Duduk Wad | 37 | 20 |
| JUMLAH | | 51 | 26 |

Statistik Tuntutan Skim Insuran kelompok

### 7.4. Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

| BIL. | TARIKH MESYUARAT | TEMPAT |
|---|---|---|
| 1. | 27 Mac | Bilik Lembaga, Menara DBKL 1 |
| 2. | 29 Jun | Bilik Lembaga, Menara DBKL 1 |
| 3 | 12 November | *Riverside Majestic* Hotel Kuching, Sarawak |
| 4. | 12 Disember | *Century* Langkasuka *Resort*, Langkawi |

Tarikh Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan

## 8.0. UNIT PENTADBIRAN, RUMAH REHAT DAN KUARTERS

### 8.1. Kuarters

Kuarters dan Rumah Sewa Kakitangan DBKL diuruskan di bawah Unit Pentadbiran, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM), DBKL. Perkhidmatan pembersihan kuarters diuruskan oleh JPSM, manakala penyelenggaraannya diselenggarakan oleh Unit Pengurusan Bangunan (UPB), Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan, DBKL. Pada masa ini, terdapat 259 unit Kuarters Kakitangan DBKL yang diuruskan di 21 lokasi seperti berikut :

| BIL. | LOKASI | JENIS KEDIAMAN/ BILANGAN BILIK | STATUS PENGHUNI | BILANGAN UNIT |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bukit Tunku | Banglo (5-6 Bilik) | A Ke Atas | 11 |
| 2. | Bandar Tun Razak Cheras, | Teres 2 Tingkat (4 Bilik) | A | 1 |
| 3. | Jalan Pantai Murni 5, Pantai Dalam | Teres 2 Tingkat (4 Bilik) | A | 15 |
| 4. | Taman Ibu Kota | Teres 1 Tingkat (3 Bilik) | A | 1 |
| 5. | *Villa* Laman Tasik, Bandar Sri Permaisuri | Town House (3 Bilik) | A | 1 |
| 6. | Menara *City One* | Kondominium (3 Bilik) | A | 1 |
| 7. | Kondominium *Gurney Height* | Kondominium (3 Bilik) | A/B | 14 |
| 8. | Pangsa Murni, Seksyen 6, Wangsa Maju, | Kondominium (3 Bilik) | A/B | 11 |
| 9. | Kondominium Bandar Manjalara, | Kondominium (3 Bilik) | A/B | 20 |
| 10. | Jalan 5/106 Vista Tasik, Bandar Sri Permaisuri, | Kondominium (3 Bilik) | A | 4 |
| 11. | Plaza 393 Jalan *Shelley Off* Jalan Peel, | Kondominium (3 Bilik) | A/B | 10 |
| 12. | Blok A Pantai Permai, Jalan Pantai Permai Pantai Dalam, | Pangsapuri/ Apartment (3 Bilik) | A/B | 20 |
| 13. | Blok 3B Nova II, Taman Sri Sinar Segambut | Pangsapuri/ Apartment (3 Bilik) | B | 2 |
| 14. | Pangsapuri Melati, Taman Melati, | Pangsapuri/ Apartment (3 Bilik) | B | 2 |
| 15. | Blok F Warisan *City View*,Cheras, | Pangsapuri/ Apartment (3 Bilik) | C/D | 72 |
| 16. | Taman Salak Jaya, Off Jalan Sungai Besi | Teres 1 Tingkat (3 Bilik) | C | 2 |
| 17. | Jalan Jaya, Bandar Tun Razak Cheras, | Teres 1 Tingkat (3 Bilik) | B/C | 2 |
| 18. | Jalan Sentul, Sentul, | Rumah Berkembar (3 Bilik) | C | 10 |
| 19. | Jalan Semarak, | Rumah Berkembar (3 Bilik) | C | 10 |
| 20. | Pekan Kepong, | Town House (2 Bilik) | B/C/D | 48 |
| 21. | Klinik Ibu Mengandung dan Kanak-Kanak Taman Tun Dr. Ismail, | Rumah Berkembar (2 Bilik) | D | 2 |
| **JUMLAH UNIT** | | | | **259** |

Kuarters Pegawai dan Kakitangan

### 8.2. Rumah Rehat DBKL

| BIL | RUMAH REHAT | BILIK | BILANGAN UNIT |
|---|---|---|---|
| 1. | Kondominium Port Dickson | 2 | 4 |
| 2. | Kondominium Bukit Fraser | 3 | 8 |
| 3. | Banglo Cameron Highlands | 8 | 1 |
| 4. | Kondominium *Mount Pleasure*, Batu Ferringhi, Pulau Pinang | 2 | 2 |
| 5. | Teres Mount Pleasure, Batu Ferringhi, P.Pinang | 5 | 2 |
| 6. | Kondominium By *The Sea*, Batu Ferringhi, Pulau Pinang *Baharu | 3 | 2 |
| 7. | Kondominium Chogm *Villa,* Pulau Langkawi | 3 | 3 |
| 8. | Sumai Apartment Hotel, Kuala Terengganu | 2/3/4 | 3 |
| 9. | Seri Suasana DBKL@PD, Port Dickson **:-** | | |
| | *Apartment Type* A | 3 | 14 |
| | *Apartment Type* B | 2 | 12 |
| | *Apartment Type* C | 3 | 2 |
| | *Apartement Type* D (*President Suite*) | 3 | 1 |
| | Banglo A | 3 | 1 |
| | Banglo B | 7 | 1 |
| 10. | Teres Semi D, Taman Bayu Puteri, Johor Bahru | 5 | 1 |
| 11. | Kondominium Taman Nusa Jaya, Johor Bahru ( Dalam Pembinaan) | 7 | 2 |
| | **JUMLAH UNIT** | | **59** |

Senarai Rumah Rehat

**8.3. Statistik Penganugerahan Darjah Kebesaran, Pingat Wilayah Persekutuan**

| BIL. | JAWATAN | PINGAT | BIL. CALON | BIL. PENERIMA |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pengurusan Tertinggi | PWM | - | - |
| 2. | Ketua Jabatan (Jusa C) | PMW | 2 | 2 |
| | | JMW | 3 | - |
| | | KMW | 1 | - |
| 3. | Gred 54 | JMW | - | 3 |
| | | KMW | 6 | - |
| 4. | Gred 41-48 | KMW | - | 1 |
| | | AMW | 3 | 1 |
| 5. | Gred 36-38 | AMW | 13 | 4 |
| 6. | Gred 1 -32 | PPW | 24 | 6 |
| **JUMLAH** | | | **52** | **17** |

Senarai Penerima

## 9.0. INSTITUT LATIHAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**9.1. Penyediaan Prospektus Latihan 2015 - Persiapan Kursus Mengikut Peratusan Kumpulan Sasaran**

Persiapan kursus adalah mengikut kumpulan sasaran iaitu Pengurusan dan Professional (P&P), Kumpulan Sokongan I dan Sokongan II.

i. Kursus yang dirangka perlu merujuk kepada Pelan Operasi Latihan IDB yang dilaksanakan berdasarkan 3 tahap tempoh perkhidmatan seperti berikut:

  a. Pra-Penempatan - Asas (kurang dari 3 tahun)
  b. Pertengahan (pembangunan & peningkatan) - (3 – 4 tahun / 5 – 10 tahun)
  c. Lanjutan (lebih 10 tahun) - Peralihan (2 tahun sebelum bersara)

ii. Kursus berbentuk “Khusus” adalah berbentuk kemahiran dan teknikal, manakala kursus “Umum” merujuk kepada kemahiran/pemahaman untuk kakitangan yang bukan teknikal.

### 9.2. Laporan Prospektus Latihan 2015

| BIL. | BIDANG | CADANGAN PROSPEKTUS | | BILANGAN SIRI |
|---|---|---|---|---|
| | | KHUSUS | UMUM | |
| 1. | Arkitek, Bangunan dan Ukur Bahan | 21 | 15 | 36 |
| 2. | Kesihatan dan Alam Sekitar | 64 | 7 | 71 |
| 3. | Kejuruteraan | 51 | 10 | 61 |
| 4. | Kewangan dan Harta | 30 | 5 | 35 |
| 5. | Landskap dan Hortikultur | 53 | 5 | 58 |
| 6. | Pengurusan | 55 | 82 | 137 |
| 7. | Perancangan Bandar | 39 | 10 | 49 |
| 8. | Perundangan dan Penguatkuasaan | 170 | 20 | 190 |
| 9. | Teknologi Maklumat | 15 | 15 | 30 |
| **JUMLAH** | | **498** | **169** | **667** |

Jumlah Mengikut Bidang

### 6.4. Analisa Pencapaian Kursus Tahun 2015

Analisa pencapaian kursus adalah seperti berikut:

- Jumlah peserta yang ditawarkan berkursus seramai 15,304 orang.
- Jumlah peserta yang hadir seramai 11,929 (78%)
- Jumlah hari berkursus adalah 42,846 hari

### 6.5. Kursus DBKL dan Anda

| BIL | KURSUS | TARIKH | KUMP SASARAN | JUM PESERTA | JUM HADIR | % HADIR | KOS (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Kursus DBKL & Anda Siri 2/2015 | 14-18 Dis | Sokongan I & Sokongan II | 65 | 39 | 60% | 10,800 |

Statistik Kursus DBKL dan Anda

### 6.7. Program Transformasi Minda (PTM)

| BIL | KURSUS | TARIKH | KUMP SASARAN | JUM PESERTA | JUM HADIR | % HADIR | KOS (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Program Transformasi Minda Siri 1/ 2015 | 26.1.2015-30.1.2015 | P&P dan Sokongan I (B) | 49 | 46 | 93.88 | 17,094.00 |
| 2. | Program Transformasi Minda Siri 2/ 2015 | 23.3.015-27.3.2015 | Sokongan I (C) dan II | 66 | 66 | 100 | 22,237.50 |
| 3. | Program Transformasi Minda Siri 3/ 2015 | 8.6.2015-12.6.2015 | Sokongan I (C) dan II | 58 | 52 | 89.66 | 26,237.00 |
| 4. | Program Transformasi Minda Siri 4/ 2015 | 5.10.2015-9.10.2015 | P&P dan Sokongan I (B) | 49 | 36 | 73.47 | 26.237.00 |

Program Transformasi Minda (PTM)

Seramai 222 orang peserta yang ditawarkan berkursus ini. Jumlah kehadiran ialah 200 peserta (90%). Jumlah hari berkursus ialah 20 hari.

### 6.9. Hasil Pendapatan IDB

| BIL | PERKARA | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Yuran Penyertaan Kursus | 10,927.00 |
| 2. | Yuran Peperiksaan | 3,520.00 |
| 3. | Bayaran Kemudahan IDB | 117,520.00 |
| 4. | Sewa Sri *Damai Food Services* (Katerer IDB) | 23,492.40 |
| | **JUMLAH** | **155,504.40** |

## 7.0. AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIADAKAN OLEH JABATAN




Majlis Meraikan Pesara-Pesara DBKL




Sesi Rundingan Teknikal bersama pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (KWP)




Bengkel Pengurusan Buku Perkhidmatan di Rumah Rehat Seri Suasana




Minggu HRMIS dan Lawatan Kerja ke Sektor Perkhidmatan, UITM

# JABATAN PENTADBIRAN

Jabatan Pentadbiran pada awalnya dikenali sebagai Urusetia Bandaraya ditubuhkan pada tahun 1970. Pada 1 Januari 1996, Bahagian Pentadbiran dan Urusetia Bandaraya bersama Jabatan Personel telah digabungkan dan diwujudkan menjadi Jabatan Pengurusan Organisasi.

Pada 15 Ogos 2003, Jabatan Pentadbiran berfungsi dengan sendirinya yang menggabungkan 4 bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Perpustakaan, Bahagian Pengurusan Perolehan serta Unit Urus Bangunan, Jawatankuasa Tindakan. Pada awal Januari 2006, Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa telah diletakkan di bawah Jabatan ini sehingga pertengahan bulan Disember 2006. Pada awal Januari 2007 Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa diletakkan semula di bawah Jabatan Pentadbiran.

Selepas penstrukturan semula DBKL pada Julai 2011, Unit Komunikasi dan Korporat, Unit Reprografi dan Perpustakaan Kuala Lumpur telah dipisahkan daripada  Jabatan Pentadbiran. Kini Jabatan Pentadbiran mempunyai 4 bahagian utama sahaja iaitu Bahagian Pentadbiran & Keurusetiaan, Bahagian Pengurusan Perolehan, Bahagian Pengurusan Aset & Bangunan dan Bahagian Pengurusan Rekod.

## FUNGSI UTAMA

Jabatan Pentadbiran mempunyai empat bahagian utama iaitu:

i) Bahagian Pentadbiran & Keurusetiaan
ii) Bahagian Pengurusan Perolehan
iii) Bahagian Pengurusan Aset & Bangunan
iv) Bahagian Pengurusan Rekod

Jabatan Pentadbiran mempunyai fungsi-fungsi utama seperti berikut :-

1. Keurusetiaan Mesyuarat - mesyuarat utama seperti Mesyuarat Lembaga Penasihat, Mesyuarat Ketua - ketua Jabatan, Mesyuarat PEMUDAH dan perjumpaan Datuk Bandar dan Ahli Parlimen WPKL.
2. Menyelaras jawapan pertanyaan Parlimen peringkat DBKL.
3. Menguruskan pengurusan perolehan dan pelupusan harta Datuk Bandar berdasarkan perintah tetap Perolehan Bekalan Perkhidmatan dan Kerja Datuk Bandar Kuala Lumpur Bil.1/2012 dan kaedah perolehan yang diterimapakai serta peraturan-peraturan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.
4. Memastikan pengurusan aset alih Datuk Bandar Kuala Lumpur mengikut Tatacara Perintah Tetap, Pengurusan Aset Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur tahun 2009.
5. Menguruskan Bangunan Menara 1,2,3 dan Pusat Perdagangan Jalan Bonus@PT80.
6. Menyelaras Acara Rasmi di Peringkat DBKL, Wilayah Persekutuan dan Kebangsaan.
7. Menyelaras perkhidmatan panel kontraktor untuk *caterer, billboard*, bunting dan pakaian seragam (majlis keagamaan).
8. Menyediakan Laporan Tahunan DBKL.
9. Menguruskan hal ehwal pentadbiran dan kewangan Jabatan.
10. Mengurus penghantaran dan penerimaan surat-surat dan bungkusan.
11. Merancang, membangun dan merangka penggubalan dasar-dasar mengenai pembangunan dan pengurusan rekod, perkhidmatan maklumat dan pengdokumentasian.

## 1.0. BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEURUSETIAAN

Bahagian ini berperanan untuk menyelaras program-program rasmi di peringkat DBKL, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kebangsaan. Bahagian ini terbahagi kepada tiga (3) unit utama iaitu Unit Pentadbiran & Kewangan, Unit Penyelarasan Acara dan Unit Keurusetiaan.

### 1.1. Fungsi-Fungsi Utama

**i. Unit Pentadbiran dan Kewangan**.

a) Menyelaras program-program rasmi peringkat DBKL.
- Perhimpunan Bulanan
- Sambutan Hari Pekerja
- Majlis Berbuka Puasa
- Majlis Rumah Terbuka bagi perayaan utama (Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas)

b) Menyelaras urusan tuntutan pembelian dan pembayaran bil telefon pegawai DBKL.

c) Menyelaras penyediaan Laporan Tahunan DBKL.

d) Menyelaras penyediaan kad e-akses pegawai/kakitangan DBKL.

e) Mengurus perolehan, inventori dan asset jabatan termasuk Jawatankuasa Pelupusan Harta Jabatan.

**ii. Unit Penyelarasan Acara**

a) Menyelaras pelantikan panel kontraktor bagi:-
- Katerer
- Pemasangan bunting dan *billboard*
- Pakaian seragam bagi Sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah.

b) Menyelaras urusan jamuan/aktiviti sosial peringkat DBKL/KWP.

c) Menyelaras program-program rasmi di peringkat DBKL/ KWP/ Kebangsaan/ Antarabangsa.
- Sambutan Hari Kemerdekaan
- Sambutan Hari Keputeraan YDP Agong
- Kempen Kibar Bendera Wilayah sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan
- Lain-lain acara atau program rasmi yang diarahkan dari masa ke semasa

d) Menyelaras program-program keagamaan peringkat DBKL dan kebangsaan.
- Mengurus & menyelia aktiviti keagamaan di surau-surau DBKL.
- Ahli Jawatankuasa dalam sambutan & majlis-majlis rasmi peringkat kebangsaan seperti Tilawah Al-Quran, Sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah.

f) Menyelaras Program *My Best Buy.*

g) Menyelaras pengagihan dan memantau pemasangan bendera Wilayah Persekutuan dan Jalur Gemilang.

h) Urusetia sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan

iii. **Unit Keurusetiaan**

- Menyelaras dan mengurus Mesyuarat Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, Ketua-ketua Jabatan, Mesyuarat PEMUDAH dan Perjumpaan Datuk Bandar dengan Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Sepanjang tahun 2015, unit ini telah menyelaraskan lima kali Mesyuarat Lembaga Penasihat, lapan siri Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan, sekali Mesyuarat PEMUDAH dan empat kali Perjumpaan Datuk Bandar dengan Ahli Parlimen WPKL.

### 1.2. Aktiviti – Aktiviti Utama Sepanjang Tahun 2015




Perhimpunan Bulanan yang diadakan di Auditorium DBKL






Majlis Berbuka Puasa dan Rumah Terbuka bagi perayaan-perayaan utama
(Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavalli dan Krismas)





Program-program rasmi dan keagamaan di peringkat DBKL dan Kebangsaan

## 2.0. BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN

### 2.1. Fungsi-Fungsi Utama

**2.1.1.** Menguruskan perolehan tender supaya selaras dengan kaedah perolehan yang ditetapkan.

**2.1.2.** Menguruskan perolehan sebutharga dan undi supaya selaras dengan kaedah perolehan yang ditetapkan.

**2.1.3.** Menguruskan pentadbiran kontrak seperti berikut **:-**

a) Arahan Perubahan

b) Lanjutan Masa Kontrak

c) Penamatan Kontrak / Kontraktor Bermasalah

d) Rundingan Harga

e) Perkhidmatan Perunding

- Pendaftaran dan Penyenaraian Perunding
- Pemilihan dan Pelantikan Perunding
- Penyelarasan *Fees* Khidmat Perunding

### 2.2. PRESTASI AKTIVITI-AKTIVITI FUNGSI UTAMA

**2.2.1. Perolehan Tender, Sebutharga Dan Kerja Undi.**

Sepanjang tahun 2015, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengeluarkan sebanyak **776** tawaran merangkumi perolehan tender, sebutharga dan kerja undi. Daripada perolehan tersebut, sebanyak **256** perolehan **tender**, **237** perolehan **sebutharga** dan **283** perolehan **kerja undi** telah dijalankan.

| BIL. | KATEGORI PEROLEHAN | BILANGAN PEROLEHAN |
|---|---|---|
| 1. | Tender | 256 |
| 2. | Sebutharga | 237 |
| 3. | Kerja Undi | 283 |
| | **JUMLAH** | **776** |

Bilangan Kaedah Perolehan




| BIL. | KATEGORI PEROLEHAN | BILANGAN AWARD | NILAI(RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | Tender | 153 | |
| 2. | Sebutharga | 147 | 72,280,414.11 |
| 3. | Kerja Undi | 283 | 19,422,733.91 |
| | **JUMLAH** | **583** | **794,792,909.79** |







Bilangan Perolehan yang dilantik

# 3.0. BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN BANGUNAN

## 3.1. Tugas dan Tanggungjawab Unit Pengurusan Aset dan Fasiliti

**3.1.1.** Unit Pengurusan Aset bertanggungjawab untuk menguruskan semua Aset Alih/ Jabatan meliputi:-

a) Penerimaan;
b) Pendaftaran;
c) Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan;
d) Penyelenggaraan;
e) Pelupusan; dan
f) Kehilangan dan Hapus Kira.

**3.1.2.** Menguruskan pelantikan Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Jawatankuasa Penyiasat Kehilangan.

**3.1.3.** Menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPA) DBKL.

**3.1.4.** Menyelaras Laporan Suku Tahun daripada Kementerian/ Jabatan/PTJ untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JKPAK yang akan diadakan setiap tiga (3) bulan sekali.

**3.1.5.** Menyediakan dan mengemukakan Laporan Eksekutif Pengurusan Aset Kerajaan ke Jabatan Kewangan sebelum 28 Februari tahun berikutnya.

## 3.2. Tugas dan Tanggungjawab Unit Urus Bangunan

Memberi perkhidmatan dan menguruskan bangunan Menara DBKL 1,2,3, Pusat Perdagangan Jalan Bunus@PT80, Dataran Merdeka, Dataran DBKL dan harta hak milik Datuk Bandar di bawah seliaan Jabatan.

### 3.2.1. Fungsi Utama Unit Urus Bangunan

i. Aktiviti utama Pengurusan Bangunan (Tempat Letak Kereta, Kawalan Keselamatan, Pembersihan, Pengurusan Landskap dan lain-lain).
ii. Perkhidmatan Bangunan (Penyewaan *venue*).
iii. Perkhidmatan Logistik.
iv. Menyemak permohonan projek ubahsuai yang diterima oleh jabatan mengikut keperluan semasa.
v. Memantau pelaksanaan projek ubahsuai mengikut perancangan, prestasi semasa dan selepas pelaksanaan projek di bawah seliaan Jabatan.

### 3.2.2. Fungsi Utama Unit Reprografi

i. Menguruskan hal ehwal percetakan.
ii. Menyelenggara mesin-mesin percetakan

| BIL. | LOKASI | JUMLAH PERMOHONAN | LULUS | TOLAK |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Dewan Megapuri | 220 | 210 | 10 |
| 2. | Bilik Lembaga | 160 | 160 | 0 |
| 3. | Bilik Mesyuarat | 180 | 175 | 5 |
| 4. | Bilik Gerakan | 110 | 95 | 15 |
| 5. | Bilik Putra | 120 | 120 | 0 |
| 6. | Auditorium | 80 | 75 | 5 |
| 7. | Dataran Merdeka | 58 | 55 | 3 |
| 8. | Jalan Raja | 25 | 21 | 4 |
| 9. | Dataran DBKL | 45 | 40 | 5 |
| 10. | Lobi Menara 1 | 30 | 29 | 1 |

**Statistik Penyewaan dan Penggunaan Venue di bawah tanggungjawab Bahagian Pengurusan Aset dan Bangunan dari tarikh 1/1/2015 – 31/12/2015**

## LAPORAN TAHUNAN HARTA MODAL DAN INVENTORI TAHUN 2015 DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

| BIL | JABATAN / UNIT / PEJABAT CAWANGAN | BILANGAN KEW.PA-2 | JUMLAH HARTA MODAL (RM) | BILANGAN KEW.PA-3 | JUMLAH INVENTORI(RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Pejabat Datuk Bandar | 0 | 0.00 | 7 | 3,510.00 |
| 2 | Pejabat Ketua Pengarah | 1 | 3,960.00 | 3 | 2,965.00 |
| 3 | Pejabat Pengarah Eksekutif (Pengurusan) | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 4 | Pejabat Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosio-Ekonomi) | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 5 | Pejabat Pengarah Eksekutif (Perancangan) | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 6 | Pejabat Pengarah Eksekutif (Pelaksanaan Projek & Penyenggaraan) | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 7 | Kewangan | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 8 | Undang-Undang & Pendakwaan | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 9 | Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar (JKAWS) | 12 | 53,472.00 | 111 | 55,528.00 |
| 10 | Perancangan Bandaraya (Perancang Bandar) | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 11 | Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar (JPB) | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 12 | Perancangan Bandaraya (Perancang Fizikal) | 0 | 0.00 | 38 | 17,779.12 |
| 13 | Pelesenan & Pengurusan Penjaja | 30 | 117,000.00 | 158 | 213,375.00 |
| 14 | Pengurusan Sumber Manusia | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 15 | Penilaian dan Pengurusan Harta | 12 | 84,142.00 | 155 | 47,286.00 |
| 16 | Pelaksanaan Projek & Penyelenggaraan Bangunan | 9 | 50,220.00 | 3 | 1,253.00 |
| 17 | Perancangan Korporat | 2 | 16,415.00 | 4 | 3,300.00 |
| 18 | Perancangan Ekonomi & Penyelarasan Pembangunan | 0 | 0.00 | 21 | 7,060.27 |
| 19 | Audit Dalam | 0 | 0.00 | 30 | 18,205.00 |
| 20 | Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan | 4 | 5,532.00 | 285 | 62,995.00 |
| 21 | Pentadbiran | 0 | 0.00 | 150 | 29,153.00 |
| 22 | Pengurusan Maklumat | 0 | 0.00 | 5 | 1,583.00 |

| BIL | JABATAN / UNIT / PEJABAT CAWANGAN | BILANGAN KEW.PA-2 | JUMLAH HARTA MODAL (RM) | BILANGAN KEW.PA-3 | JUMLAH INVENTORI(RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 23 | Landskap & Rekreasi | 0 | 0.00 | 49 | 22,123.40 |
| 24 | Kawalan Bangunan dan Pengawasan Bangunan | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 25 | Pengurusan Perumahan & Pembangunan Komuniti | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 26 | Ukur Bahan | 9 | 21,440.00 | 1 | 2,320.00 |
| 27 | Penguatkuasaan | 486 | 4,384,369.50 | 382 | 433,409.00 |
| 28 | Kesihatan dan Alam Sekitar | 18 | 294,316.50 | 906 | 185,234.00 |
| 29 | Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal | 83 | 10,491,331.99 | 521 | 204,010.90 |
| 30 | Perancangan Infrastruktur | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 31 | Unit Pelancongan | 2 | 21,024.00 | 127 | 856,938.02 |
| 32 | Unit Pengurusan Hartanah Korporat | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 33 | Unit Muzik | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 34 | Perpustakaan Kuala Lumpur | 0 | 0.00 | 1729 | 990,416.70 |
| 35 | Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB) | 0 | 0.00 | 94 | 15,114.00 |
| 36 | Pejabat Cawangan Lembah Pantai | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 37 | Pejabat Cawangan Batu | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 38 | Pejabat Cawangan Wangsa Maju | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 39 | Pejabat Cawangan Segambut | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 40 | Pejabat Cawangan Seputeh | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 41 | Pejabat Cawangan Bukit Bintang | 8 | 21,127.50 | 204 | 25,382.00 |
| 42 | Pejabat Cawangan Kepong | 0 | 0.00 | 75 | 31,825.00 |
| 43 | Pejabat Cawangan Titiwangsa | 3 | 3,240.00 | 31 | 18,150.00 |
| 44 | Pejabat Cawangan Cheras | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 45 | Pejabat Cawangan Bandar Tun Razak | 0 | 0.00 | 8 | 2,550.00 |
| 46 | Pejabat Cawangan Setiawangsa | 0 | 0.00 | 18 | 20,960.00 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **679** | **15,567,590.49** | **5115** | **3,272,425.41** |

# 4.0. BAHAGIAN PENGURUSAN REKOD

## 4.1. Fungsi Utama

i. Merangka dasar, prosedur dan garis panduan berkaitan pengurusan rekod di DBKL.
ii. Memastikan rekod DBKL diuruskan dengan sistematik dan berkesan mengikut peraturan dan piawaian yang telah ditetapkan agar rekod dapat dipelihara dan diakses semula.
iii. Memantau aktiviti pelupusan rekod DBKL dilaksanakan secara sistematik dan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia.
iv. Memastikan rekod penting dan rekod yang mengandungi nilai-nilai sejarah DBKL dan Kuala Lumpur umumnya diurus dan dipelihara dengan teratur dan selamat.
v. Memastikan pelan tindakan bencana rekod DBKL disediakan dan dilaksanakan.

Bahagian ini terbahagi kepada tiga (3) unit iaitu: Unit Pengurusan Rekod, Unit Repositori dan Unit ICT & Infrastruktur.

## 4.2. Unit Pengurusan Rekod

- Unit ini berperanan untuk memastikan Rekod Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa diurus dengan teratur dan sistematik. Fungsi utama unit ini adalah seperti berikut:-
- Menyediakan peraturan, panduan dan manual mengenai Pengurusan Rekod.
- Memberi khidmat konsultansi pengurusan rekod DBKL Pewujudan, Penggunaan & Penyenggaraaan.
- Menyelaras dan mengurus pembangunan Klasifikasi Fail DBKL.
- Menyelaras dan mengurus penyediaan Jadual Pelupusan Rekod DBKL.
- Merancang dan menyelia Inspektorat Pengurusan Rekod ke atas rekod-rekod DBKL.
- Merancang dan menguruskan program pengurusan rekod secara berkala.
- Menyelaras dan mengurus penyediaan Pelan Tindakan Bencana Rekod DBKL.
- Mengemaskini pelantikan/ pertukaran Pegawai Rekod Jabatan (PRJ)/ Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ).
- Menguruskan pelantikan baru/ pertukaran Pendaftar Rahsia DBKL.

**Aktiviti-aktiviti Unit Pengurusan Rekod Sepanjang Tahun 2015**



Kursus Pengurusan Rekod untuk Ketua-ketua Jabatan pada 12 dan 13 Februari 2015



Kursus Pengurusan Rekod untuk Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) pada 27 hingga 29 Januari 2015



Kursus Pengurusan Rekod untuk Pembantu Tadbir Rekod Jabatan pada 9 hingga 11 Februari 2015



Bengkel Pengharmonian Klasifikasi Fail, pada 26 Februari hingga 1 Mac 2015





Lawatan Kerja ke *Big Dataworks Management Sdn. Bhd*.
Petaling Jaya Selangor pada 11 Mei 2015





Cakna Pengurusan Rekod DBKL 2015 pada 7 Oktober 2015




Inspektorat Pengurusan Rekod Arkib Negara Malaysia
pada 15 Oktober 2015




Anugerah Penghargaan Pengurusan Rekod Terbaik Peringkat Dewan / Majlis Bandaraya, Arkib Negara Malaysia, pada 2 Disember 2015

## 4.3. Unit Repositori

Unit ini berperanan untuk memastikan Rekod Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa dipelihara dan dijaga dengan teratur dan sistematik. Fungsi unit ini adalah seperti berikut:-

- Menyediakan polisi, prosedur, peraturan dan panduan berkaitan pemindahan dan penyimpanan kekal rekod awam DBKL di OASIS@DBKL;
- Membantu jabatan mengenalpasti rekod-rekod penting dan mengandungi nilai sejarah untuk dipelihara dengan selamat untuk simpan kekal di OASIS@DBKL melalui khidmat nasihat;
- Merancang dan mengurus penerimaan rekod yang diputuskan pindah dari jabatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kepada jagaan dan kawalan piawaian OASIS@ DBKL;
- Mengurus dan melaksana kerja-kerja pemprosesan rekod awam DBKL untuk simpan kekal di OASIS@DBKL;

### 4.3.1. Penerimaan Rekod dari jabatan untuk simpan kekal di OASIS@DBKL.

Sehingga Disember 2015, Unit Repositori telah menerima sebanyak 1, 385 buah rekod permohonan untuk simpanan kekal. Hanya 1,225 buah rekod sahaja telah diterima untuk simpanan kekal. Selebihnya sebanyak 157 buah rekod telah dipulangkan kembali ke jabatan atas sebab-sebab tertentu seperti rekod belum capai tempoh simpanan di jabatan dan rekod tidak mempunyai nilai-nilai untuk simpanan kekal. Pecahan penerimaan rekod tahun 2015 mengikut jenis rekod adalah seperti di rajah 1.




Penerimaan rekod untuk simpanan kekal

### 4.3.2. Pemprosesan Rekod-rekod awam untuk simpanan kekal

Kerja-kerja pemprosesan rekod awam merujuk kepada beberapa aktiviti seperti penyisihan habuk, pewasapan rekod, pembersihan rekod, kemasukan data ke sistem *COMPASS* dan penglokasian kotak ke gedung simpanan.




**4.4. Unit ICT dan Infrastruktur**

Unit ini berperanan untuk memberi sokongan teknikal ICT, aplikasi dan penyelanggaraan bangunan kepada Bahagian Pengurusan Rekod bagi memastikan kemudahan dan perkhidmatan ICT dapat digunakan sebaiknya dalam membantu jabatan menjalankan fungsi-fungsinya dengan cekap dan berkesan.

**4.5. Aktiviti Utama Yang Telah Dilaksanakan**

i. **Program Memorandum Of Understanding (MOU) Sistem Compass diantara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Arkib Negara Malaysia (ANM).**

Pada 9 Mac 2015 telah berlangsung Majlis Menandatangani *Memorandum of Understanding (M.O.U)* antara Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Arkib Negara Malaysia (ANM) berkaitan penggunaan sistem **COMPASS** di Pusat Rekod Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Majlis ini dihadiri oleh YBhg.Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib Datuk Bandar Kuala Lumpur dan YBrs.Encik Azemi Abdul Aziz Ketua Pengarah *Arkib* Negara Malaysia.





Majlis Menandatangani *Memorandum of Understanding (M.O.U*) antara Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Arkib Negara Malaysia (ANM)

ii. **Penyediaan keperluan perabot, kelengkapan pejabat dan ICT untuk OASIS@DBKL.**

Sepanjang tahun, unit ini telah menyediakan segala keperluan dari segi perabut, kelengkapan pejabat, ICT dan juga mesin-mesin berkaitan untuk kegunaan pengoperasian OASIS@DBKL. Ianya bertujuan agar OASIS@DBKL akan berfungsi sebaiknya dalam usaha untuk memastikan rekod Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang mempunyai nilai berkepentingan dipelihara dan menyediakan perkhidmatan rujukan yang terbaik kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

# JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

## 1.0. LATAR BELAKANG

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta bertanggungjawab bagi memastikan semua hartanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dinilai bagi maksud kadaran dengan adilnya berpandukan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976. Di samping bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat bagi maksud nilai pasaran, sewa pasaran, caj pembangunan dan kajian kemungkinan kepada lain-lain jabatan dalaman.

Di samping itu, Jabatan juga menguruskan hal ehwal hartanah Datuk Bandar Kuala Lumpur dari segi hakmilik strata, pemilikan hartanah, pengambilan balik tanah, perolehan harta dan insuran kebakaran dengan cekap dan berkualiti.

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta juga berperanan melaksanakan fungsi Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur di bawah peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

## 2.0. FUNGSI JABATAN

a) Membuat penilaian sumbangan membantu kadar ke atas harta milik Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun.

b) Membuat penilaian caj pembangunan mengikut permintaan dari Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan DBKL.

c) Membuat penilaian nilai pasaran, nilai pampasan, nilai sewa, nilai pajakan, nilai insuran dan kajian kemungkinan bagi harta-harta milik DBKL atau yang dicadang dibeli/disewa/diambil semula oleh DBKL.

d) Mengurus permohonan tanah, sewaan tanah dan bayaran cukai tahunan bagi tanah-tanah milik DBKL

e) Mengurus permohonan hakmilik strata bagi perumahan awam jual milik DBKL.

f) Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur *(Commissioner of Buildings)* mengikut Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)

## 3.0. BAHAGIAN SENARAI NILAIAN

Bahagian ini bertanggungjawab merekod, mengemaskini dan menyimpan kesemua maklumat harta persendirian yang dinilai dan dikenakan cukai pintu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah harta yang dinilai sehingga 31 Disember 2015 ialah 534,127 harta. Jumlah nilai tahunan pada tahun 2015 ialah RM15,429,038,239.06 berbanding RM14,929,845,125.02 pada tahun 2014 iaitu pertambahan sebanyak RM499,193,114.04 atau 3.34%. Maklumat harta ini direkod direkod menggunakan Sistem Penilaian e-PBT. Maklumat penting yang direkodkan ialah Nilai Tahunan setiap pegangan di samping butir-butir pegangan serta nama dan alamat pemilik yang telah dikemaskini.

Seperti tahun sebelumnya, kerja-kerja utama di Bahagian ini ialah mematuhi undang-undang bagi menguatkuasakan kerja-kerja pindaan Nilai Tahunan yang dibuat 4 (empat) kali setahun iaitu berkuatkuasa setiap Januari, April, Julai dan Oktober setiap tahun. Pindaan Nilai Tahunan adalah tertakluk kepada pegangan yang mengalami perubahan sahaja seperti bangunan baru, bangunan yang diubahsuai, diroboh atau dibesarkan, pecahan sempadan, penyatuan lot atau pun keluaran hakmilik baru serta perubahan perancangan.

### 3.1. Pertambahan Nilai Tahunan

Perbandingan jumlah Nilai Tahunan serta pertambahannya di antara tahun 2013 hingga tahun 2015 adalah seperti berikut : -

| Tahun | Jumlah Nilai Tahunan (RM) | Pertambahan Nilai Tahunan (RM) | Peratus Kenaikan (%) |
|---|---|---|---|
| 2013 | 9,759,186,268.00 | 344,206,771.00 | 3.65 |
| 2014 | 14,929,845,125.02 | 5,170,658,857.02 | 52.98 |
| 2015 | 15,429,038,239.06 | 499,193,114.04 | 3.34 |

Jumlah Nilai Tahunan pada **tahun 2014** ialah **RM14,929,845,125.02** berbanding **RM15,429,038,239.06** pada **tahun 2015** iaitu pertambahan sebanyak **RM499,193,114.04** atau **3.34%.**



### 3.2. Bilangan Bantahan

Bilangan bantahan terhadap Senarai Nilaian bagi tahun 2013 hingga tahun 2015 dapat diringkaskan seperti berikut: -

| Tahun | Jumlah Pindaan | Jumlah Bantahan | Peratus Bantahan (%) |
|---|---|---|---|
| 2013 | 16,325 | 473 | 2.90 |
| 2014 | 12,249 | 2,216 | 18.09 |
| 2015 | 40,842 | 2,464 | 6.03 |

Jumlah pindaan yang dibuat pada **tahun 2014** ialah **12,249** pindaan dan jumlah pindaan pada **tahun 2015** ialah **40,842** pindaan. Jumlah bantahan pada **tahun 2014** dan **tahun 2015** masing-masing **berjumlah 2,216** dan **2,464**, di mana peratusan bantahan berbanding jumlah pindaan didapati menurun daripada **18.09%** pada **tahun 2014** kepada **6.03%** pada **tahun 2015.** Bilangan bantahan ini adalah bagi kes-kes pindaan penilaian (*current work*) sahaja.

### 3.3. Peratus Kadaran

Peratus kadaran yang dikenakan bagi **tahun 2015** adalah berbeza dari tahun sebelumnya, di mana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan kelulusan Menteri Wilayah Persekutuan telah membuat kajian semula terhadap peratus kadaran bagi mengimbangi kenaikan Nilai Tahunan dan jumlah Cukai Taksiran yang dikenakan. Peratus kadaran cukai taksiran baru yang telah ditetapkan bagi **tahun 2015** adalah seperti yang berikut :

| Bil. | Kegunaan | Dalam Kawasan 36 Batu Persegi | Luar Kawasan 36 Batu Persegi |
|---|---|---|---|
| 1. | Bangunan Perdagangan | 10 | 8 |
| 2. | Servis Apartment | 7 | 5 |
| 3. | Tanah Kosong Perdagangan | 7 | 5 |
| 4. | Tanah Kosong Kediaman | 5 | 5 |
| 5. | Bangunan Kediaman | 4 | 4 |
| 6. | Kediaman Kos Rendah | 2 | 2 |
| 7. | Bangunan Di Kampung-kampung | 2 | 2 |
| 8. | Tanah Kosong Di Kampung-kampung | 1 | 1 |
| 9. | Kampung Baru, Kampung Melayu Segambut, Sungai Penchala | 1 | 1 |

Jumlah pendapatan yang sepatutnya diperolehi bagi **tahun 2015** adalah berjumlah **RM1,085,850,922.60.**

### 3.4. Notis Menyemak Semula Senarai Nilaian

Notis Kenyataan Pindaan Senarai Nilaian (mengikut Seksyen 144, Akta Kerajaan Tempatan 1976) bagi Kerja Semasa 1.10.2014 telah dihantar pada Ogos 2014 kepada semua pemilik hartanah yang terlibat dengan Pindaan terhadap Senarai Nilaian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Notis tersebut di hantar bagi tujuan sesiapa yang tidak berpuashati dengan cadangan kenaikan Nilai Tahunan seperti di atas berdasarkan alasan yang dinyatakan dalam Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 boleh mengemukakan bantahan secara bertulis. Sehubungan itu, sebanyak 12,249 Notis Kenyataan Pindaan Senarai Nilaian dikeluarkan dan sebanyak 2,216 (18.09%) Surat Bantahan bertulis diterima semula.

## 4.0. SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK)

Sumbangan Membantu Kadar adalah satu bentuk percukaian yang dikenakan terhadap harta-harta yang dimiliki dan diduduki oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta Badan-badan Berkanun menurut Perkara 156, Perlembagaan Persekutuan.

Prinsip penilaiannya adalah sama seperti penilaian cukai pintu, kecuali cara penguatkuasaan dan kutipan cukainya adalah berbeza dan tersendiri. Di mana Nilai Tahunan sesuatu harta itu adalah bergantung kepada rundingan dan persetujuan yang dicapai di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun serta bayarannya dikutip sekali setahun.

Sebagaimana Bahagian Senarai Nilaian yang bertanggungjawab mengemaskini maklumat harta yang dikenakan cukai pintu, Bahagian ini juga bertanggungjawab menyedia dan mengemaskini maklumat harta-harta Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun yang dikenakan **Sumbangan Membantu Kadar.**

Tiga program utama telah dijalankan oleh Bahagian ini sepanjang tahun 2015 iaitu:-

i) Penyediaan tuntutan Sumbangan Membantu Kadar harta-harta Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun bagi akaun tahun penilaian 2015.

ii) Mengemaskinikan senarai utama Sumbangan Membantu Kadar harta-harta Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun.

iii) Menyelaras kerja-kerja Penilaian Semasa Sumbangan Membantu Kadar berkuatkuasa mulai 1 Januari 2015.

Persetujuan Nilai Tahunan bagi kerja-kerja Penilaian Semasa harta-harta Sumbangan Membantu Kadar yang mana **berkuatkuasa mulai dari 1 Januari 2015** telah dicapai di antara DBKL dengan pihak Kerajaan Persekutuan. Jumlah Sumbangan bagi Kerajaan Persekutuan menunjukkan peningkatan sebanyak **0.73 %** iaitu daripada **RM37,223,881.20** mulai 1 Januari 2014 kepada **RM37,497,049.20** mulai 1 Januari 2015.

Manakala Jumlah Sumbangan Badan Berkanun dan Kerajaan Negeri tidak berubah, iaitu sebagaimana tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya Jumlah Sumbangan Membantu Kadar berkuatkuasa 1 Januari 2015 ini telah meningkat sebanyak **0.48%** berbanding dengan tahun sebelumnya sebagaimana ditunjukkan pada jadual (**Lampiran A – C**). Memastikan Borang C (harta Kerajaan Persekutuan) bagi Penilaian Semasa berkuatkuasa mulai 1 Januari 2015 dikemukakan kepada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Wilayah Persekutuan untuk pengesahan kadar dan ditandatangani sebelum dipanjangkan ke Jabatan Kewangan DBKL untuk tuntutan selanjutnya.

## Lampiran A

### RINGKASAN SENARAI NILAIAN HARTA-HARTA PERKARA 156, PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015

| Bil. | Pembayar Sumbangan | Bil. Fail | Jumlah Nilai Tahunan Mulai 1.1.2015 (RM) | Jumlah Nilai Tahunan Mulai 1.1.2014 (RM) | Kenaikan Nilai Tahunan (%) | Jumlah Sumbangan Mulai 1.1.2015 (RM) | Jumlah Sumbangan Mulai 1.1.2014 (RM) | Peratus Kenaikan Sumbangan (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Kerajaan Persekutuan | 1,935 | | | | | | |
| | I) Harta Awam | | 355,699,176.00 | 350,978,256.00 | 1.34% | 37,497,049.20 | 37,223,881.20 | 0.73% |
| | Ii) Harta Angkatan Tentera Malaysia | | 175,004,160.00 | 175,004,160.00 | 0.00% | 8,564,337.00 | 8,564,337.00 | 0.00% |
| 2. | Harta Kerajaan Negeri | 15 | 2,644,080.00 | 2,644,080.00 | 0.00% | 247,996.80 | 247,996.80 | 0.00% |
| 3. | Harta Badan Berkanun | 197 | 100,976,040.00 | 100,976,040.00 | 0.00% | 10,856,118.00 | 10,856,118.00 | 0.00% |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **2,147** | **634,323,456.00** | **629,602,536.00** | **0.75** | **57,165,501.00** | **56,892,333.00** | **0.48%** |

**Lampiran B**

## MAKLUMAT MENGENAI NILAI TAHUNAN DAN PENDAPATAN SUMBANGAN MEMBANTU KADAR BAGI KERAJAAN NEGERI TAHUN 2015

| Bil. | Pembayar Sumbangan | Jumlah Nilai Tahunan Mulai 1.1.2015 (RM) | Jumlah Nilai Tahunan Mulai 1.1.2014 (RM) | Kenaikan Nilai Tahunan (%) | Jumlah Sumbangan Mulai 1.1.2015 (RM) | Jumlah Sumbangan Mulai 1.1.2014 (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Johor | 42,000.00 | 42,000.00 | - | 2,520.00 | 42,000.00 |
| 2. | Kedah | 276,000.00 | 276,000.00 | - | 16,560.00 | 276,000.00 |
| 3. | Pahang | 100,200.00 | 100,200.00 | - | 6,012.00 | 100,200.00 |
| 4. | Perak | 53,400.00 | 53,400.00 | - | 3,204.00 | 53,400.00 |
| 5. | Perlis | 159,600.00 | 159,600.00 | - | 9,576.00 | 159,600.00 |
| 6. | Pulau Pinang | 47,400.00 | 47,400.00 | - | 2,844.00 | 47,400.00 |
| 7. | Sabah | 45,600.00 | 45,600.00 | - | 2,736.00 | 45,600.00 |
| 8. | Selangor | 1,657,800.00 | 1,657,800.00 | - | 188,820.00 | 1,657,800.00 |
| 9. | Terengganu | 262,080.00 | 262,080.00 | - | 15,724.80 | 262,080.00 |
| | **Jumlah** | **2,644,080.00** | **2,644,080.00** | - | **247,996.80** | **247,996.80** |

**Lampiran C**

# MAKLUMAT MENGENAI NILAI TAHUNAN DAN PENDAPATAN SUMBANGAN MEMBANTU KADAR BAGI BADAN BERKANUN TAHUN 2015

| Bil. | Pembayar Sumbangan | Jumlah Nilai Tahunan Mulai 1.1.2015 (RM) | Jumlah Nilai Tahunan Mulai 1.1.2014 (RM) | Kenaikan Nilai Tahunan (%) | Jumlah Sumbangan Mulai 1.1.2015 (RM) | Jumlah Sumbangan Mulai 1.1.2014 (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Bank Negara Malaysia | 21,671,280.00 | 21,671,280.00 | - | 2,543,976.00 | 2,543,976.00 |
| 2. | Bank Simpanan Nasional | 7,942,920.00 | 7,942,920.00 | - | 953,150.40 | 953,150.40 |
| 3. | FELCRA | 2,313,360.00 | 2,313,360.00 | - | 221,280.00 | 221,280.00 |
| 4. | FELDA | 11,711,040.00 | 11,711,040.00 | - | 1,404,280.80 | 1,404,280.80 |
| 5. | Tabung Haji | 4,135,800.00 | 4,135,800.00 | - | 496,296.00 | 496,296.00 |
| 6. | MARA | 742,920.00 | 742,920.00 | - | 42,434.40 | 42,434.40 |
| 7. | MAIWP | 1,766,880.00 | 1,766,880.00 | - | 192,433.20 | 192,433.20 |
| 8. | Kraftangan | 1,562,400.00 | 1,562,400.00 | - | 187,488.00 | 187,488.00 |
| 9. | RISDA | 4,208,280.00 | 4,208,280.00 | - | 497,613.60 | 497,613.60 |
| 10. | LGM (RRIM) | 3,516,120.00 | 3,516,120.00 | - | 387,626.40 | 387,626.40 |
| 11. | UKM | 1,111,560.00 | 1,111,560.00 | - | 70,375.20 | 70,375.20 |
| 12. | UTM | 2,555,640.00 | 2,555,640.00 | - | 156,888.00 | 156,888.00 |
| 13. | UM | 11,075,520.00 | 11,075,520.00 | - | 787,514.40 | 787,514.40 |
| 14. | Yayasan Selangor | 427,800.00 | 427,800.00 | - | 25,668.00 | 25,668.00 |
| 15. | LPPKN | 3,100,680.00 | 3,100,680.00 | - | 372,081.60 | 372,081.60 |
| 16. | KTM BHD. | 11,112,840.00 | 11,112,840.00 | - | 1,074,492.00 | 1,074,492.00 |
| 17. | Open University | 27,000.00 | 27,000.00 | - | 3,240.00 | 3,240.00 |
| 18. | Suruhanjaya Syarikat M'sia | 11,994,000.00 | 11,994,000.00 | - | 1,439,280.00 | 1,439,280.00 |
| **Jumlah** | | **100,976,040.00** | **100,976,040.00** | **-** | **10,856,118.00** | **10,856,118.00** |

## 5.0. BAHAGIAN CAJ PEMBANGUNAN

Bahagian ini bertanggungjawab untuk menyediakan penilaian caj pembangunan yang mengikut permintaan dari Pengarah Jabatan Perancangan Bandaraya. Penilaian caj pembangunan adalah berdasarkan kenaikan nilai tanah akibat dari kelulusan menukar kegunaan tanah, menambah ketumpatan penduduk dan lebihan luas lantai. Jumlah caj pembangunan yang dikenakan adalah selaras dengan Jadual Pertama, Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Caj Pembangunan) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2013.

Sepanjang tahun 2015, sejumlah 277 kes penilaian telah disiapkan dan dihantar jawapan ke Jabatan Perancangan Bandaraya, berbanding dengan 213 kes pada tahun 2014.

Bilangan jumlah kes Caj Pembangunan telah bertambah sebanyak 23% berbanding dengan tahun 2014. Pertambahan bilangan kes yang diterima daripada Jabatan Perancangan Bandaraya pada tahun 2015 susulan pertambahan permohonan yang diterima pada masa tersebut.

Sepanjang tahun 2015, didapati bilangan kes melebihi RM 1 juta mencatatkan 139 kes (50%) daripada keseluruhan permohonan penilaian caj pembangunan yang diterima. Manakala baki 138 kes (50%) melibatkan penilaian caj pembangunan tidak melebihi RM 1 juta.

Seterusnya perbandingan jumlah caj pembangunan antara tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti berikut:-

| Bil. | Perkara | 2013 (RM) | 2014 (RM) | 2015 (RM) | Peratus Perbezaan Di Antara Tahun 2014 - 2015 |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Tukar Guna Tanah | 412,194,000 | 659,611,000 | 1,015,716,936 | + 35% |
| 2. | Menambah Kepadatan Penduduk | 101,105,000 | 96,285,000 | 120,864,000 | + 20% |
| 3. | Lebihan Luas Lantai | 109,530,000 | 221,630,000 | 331,733,000 | + 33% |
| 4. | Sumbangan Akibat Pengecualian Penyediaan Ruang Penjaja | 3,600,000 | 3,024,000 | 5,578,000 | + 46% |
| 5. | Sumbangan Akibat Pengecualian Penyediaan 10% Kawasan Lapang Berpusat | 333,000 | 1,570,000 | 9,228,000 | + 83% |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **626,762,000** | **982,120,000** | **1,483,119,936** | **+ 34%** |

Perbandingan Permohonan Penilaian Caj Pembangunan Dari Tahun 2013 – 2015

| Bil. | Perkara | Bil. Kes |
|---|---|---|
| 1. | Penukaran Zon Kegunaan Tanah | 45 |
| 2. | Menambah Kepadatan Penduduk | 70 |
| 3. | Lebihan Luas Lantai | 21 |
| 4. | Sumbangan Pengecualian Penyediaan Ruang Penjaja | 2 |
| 5. | Sumbangan Pengecualian Penyediaan Kawasan Lapang Berpusat | 1 |
| **Jumlah Kes Melebihi 1 Juta** | | **139** |

Penilaian Caj Pembangunan Yang Melebihi 1 Juta

Nota : Peratusan penilaian caj pembangunan yang melebihi 1 juta pada tahun 2015 adalah 50% (139/277)

## 6.0. BAHAGIAN PENGECUALIAN CUKAI

Bahagian ini bertanggungjawab menyelaraskan harta-harta yang layak diperakukan untuk kelulusan YB. Menteri Wilayah Persekutuan bagi maksud pengecualian ataupun pengurangan kadar di bawah Seksyen 134 dan 135 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Secara umumnya pengecualian ataupun pengurangan kadar boleh diberi kepada pegangan ataupun sebahagian pegangan yang digunakan semata-mata sebagai tempat awam untuk sembahyang, tanah perkuburan, sekolah awam, bagi maksud khairat, sains, sastera, rekreasi, sosial ataupun kebajikan serta hendaklah tidak bermotifkan keuntungan.

Bagi maksud pengecualian kadar, pegangan terlibat diasingkan kepada tiga (3) bahagian seperti berikut:-

i. Bahagian A iaitu pengecualian penuh ke atas keseluruhan harta menurut seksyen 134.
ii. Bahagian B iaitu pengecualian penuh ke atas sebahagian harta menurut seksyen 134.
iii. Bahagian C iaitu pengecualian penuh atau sebahagian ke atas harta-harta rekreasi, sosial atau kebajikan menurut seksyen 135.

Terdapat 207 harta yang disyorkan untuk diberi pengecualian atau pengurangan cukai taksiran di bawah Seksyen 134 dan 135, Akta Kerajaan Tempatan 1976 melibatkan sejumlah RM3,087,588.58. Bagi tahun 2015, jabatan telah mempertimbangkan 7 permohonan baru bagi disyorkan pengecualian dan pengurangan cukai taksiran untuk tahun 2015. Ringkasan pengecualian dan pengurangan cukai taksiran bagi tahun 2015 seperti jadual dibawah:-

| Bahagian | Bilangan Harta | | Jumlah Pengecualian Cukai Taksiran | | +/- Cukai Taksiran | Catitan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2013 | 2014 | 2013 (RM) | 2014 (RM) | | |
| A | 89 | 87 | 537,371.40 | 545,448.80 | (+) 8,077.40 | 2 kes baru |
| B | 17 | 18 | 54,706.80 | 55,211.20 | (-) 504.40 | |
| C | 105 | 102 | 2,653,540.65 | 2,486,928.58 | (-) 166,612.07 | 5 kes baru |
| **Jumlah** | **211** | **207** | **3,245,618.85** | **3,087,588.58** | **(-) 158,030.27** | **-** |

Selain daripada permohonan baru seperti perkara 4 di atas, jabatan ini telah menyemak semula senarai harta-harta sedia ada yang telah diberi pengecualian atau pengurangan cukai taksiran. Sebanyak **12 harta** disyorkan dikeluarkan dari senarai pengecualian dan pengurangan cukai taksiran. Untuk makluman YBhg. Datuk syor dikeluarkan dari senarai tersebut dibuat berdasarkan kegunaan semasa harta dan kelayakan status pemohon.

## 7.0. BAHAGIAN PERMOHONAN DAN KAWALAN TANAH

Bahagian ini bertanggungjawab mengurus dan mentadbir segala perkara yang berkaitan dengan hal ehwal tanah seperti permohonan tanah kerajaan, rekod dan kawalan tanah-tanah Datuk Bandar Kuala Lumpur, tanah rizab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, tanah kerajaan yang diluluskan Lesen Menduduki Sementara kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta lain-lain urusan tanah kepentingan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

### 7.1. Butir-Butir Permohonan Tanah

Sejumlah permohonan tanah bagi maksud hakmilik, rizab dan Lesen Menduduki Sementara telah dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 2015 adalah seperti berikut :-

| Bil. | Jenis Permohonan | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|
| 1. | Hakmilik | 34 | 58 |
| 2. | Lesen Menduduki Sementara | 128 | 73 |
| 3. | Rizab | 20 | 37 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **182** | **168** |

### 7.2. Butir-Butir Kelulusan Permohonan Tanah Tahun 2015

Maklumat 95 permohonan yang telah menerima kelulusan pemilikan, pewartaan dan Lesen Menduduki Sementara daripada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 2015 adalah seperti berikut :-

| Bil. | Jenis Kelulusan | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|
| 1. | Hakmilik | 21 | 18 |
| 2. | Lesen Menduduki Sementara | 25 | 43 |
| 3. | Rizab | 21 | 34 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **67** | **95** |

## 8.0. BAHAGIAN REKOD TANAH DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Bahagian Rekod Tanah Datuk Bandar Kuala Lumpur bertanggungjawab merekod, mengemaskini dan menyimpan maklumat tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur termasuk butiran pemilikan. Selain itu, bahagian ini juga bertanggungjawab dalam mengawal selia hakmilik asal bagi tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Selaras dengan kemajuan teknologi, jabatan ini giat melakukan penambahbaikan melalui pembangunan sistem e-PBT dan G-Aset. Sistem e-PBT kini sedang digunapakai oleh kakitangan jabatan bagi mempercepat dan melancarkan proses kerja harian terutamanya dalam membuat semakan maklumat tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur. Sistem G-Aset pula masih dalam peringkat pembangunan di mana jabatan ini bertindak sebagai pembekal data tanah untuk dijadikan kemudahan rujukan oleh jabatan dalaman DBKL pada masa akan datang.

## 9.0. BAHAGIAN PENGAMBILAN TANAH

Bahagian ini bertanggungjawab mengurus dan menyelaras segala perkara yang berkaitan dengan pengambilan tanah menurut Akta Pengambilan Tanah 1960, bagi setiap projek DBKL termasuk projek-projek usahasama dengan pihak swasta. Tindakan menyediakan laporan penilaian dan lain - lain perkara berkaitan dengan pengambilan balik tanah adalah dibuat berdasarkan permintaan dari jabatan-jabatan lain di DBKL seperti Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Penyelarasan Pembangunan, Jabatan Perancangan Infrastruktur dan sebagainya. Jabatan ini bertindak sebagai penasihat kepada jabatan-jabatan tersebut bagi menentukan peruntukan kos pengambilan tanah dan menyediakan laporan penilaian untuk dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Galian apabila terdapat tanah - tanah milik DBKL yang diambil balik bagi projek - projek kerajaan.

Sejumlah 17 kes yang melibatkan 87 lot yang berkaitan dengan Bahagian Pengambilan Tanah telah dikendalikan adalah seperti berikut:-

| Bil. | Perkara | Jumlah Kes | | Jumlah Lot | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2014 | 2015 | 2014 | 2015 |
| 1. | Penyediaan laporan & anggaran awal | 15 | 17 | 56 | 87 |
| 2. | Penetapan Kadar Sewa. | - | - | - | - |
| 3. | Mengemukakan permohonan ke PTG untuk penwartaan. | 5 | 2 | 8 | 2 |
| 4. | Penyediaan laporan penilaian menentukan pampasan | 1 | 1 | 1 | 1 |
| 5. | Jumlah kes baru yang dirujuk ke Mahkamah | 1 | - | 1 | - |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **22** | **20** | **66** | **90** |

Bahagian ini juga menguruskan serta mengendalikan hal-hal yang bersangkutan dengan prosedur-prosedur pengambilan balik tanah termasuk urusan surat menyurat, pengendalian tuntutan bayaran pampasan, borang-borang yang berkaitan dengan pengambilan balik dan sebagainya bagi kesemua kes termasuk kes lama dan baru.

## 10.0. BAHAGIAN PENGURUSAN ASET

Bahagian Harta Bandaraya bertanggungjawab mengurus dan mentadbir rekod harta-harta milik Datuk Bandar Kuala Lumpur. Fungsi utama bahagian ini adalah untuk membuat penilaian nilai pasaran, penilaian sewa dan penilaian insurans ke atas harta-harta milik Datuk Bandar Kuala Lumpur, sekiranya terdapat permintaan daripada jabatan-jabatan dalaman DBKL.

Sejajar dengan fungsi dan tugasnya yang utama, aktiviti bahagian ini sepanjang tertumpu kepada aktiviti penilaian untuk kadar sewa pasaran dan nilaian pasaran harta adalah seperti berikut:-

| Bil. | Keterangan | Tahun 2014 | Tahun 2015 |
|---|---|---|---|
| | | Bil.Harta | Bil.Harta |
| 1. | Nilai Insuran yang disemak semula | - | 5 harta |
| 2. | Aktiviti Penilaian nilai sewa pasaran | 16 Harta | 17 Harta |
| 3. | Aktiviti Penyerahan Harta kepada Jabatan Pengguna | 13 Harta | - |
| 4. | Aktiviti nilai hartanah bagi tujuan wang sumbangan IWK | 2 Harta | - |
| 5. | Aktiviti Penyewaan Bangunan | 1 Harta | 1 |

Berikut adalah ringkasan butir-butir aktiviti yang telah dibuat sepanjang tahun 2015 :-

## i. Ringkasan Aktiviti Penilaian Untuk Nilai Sewa Pasaran

| Bil. | Perkara | Jumlah unit | Nilai Sewa Pasaran (RM) | Tarikh Surat |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penilaian Kadar Sewa 1 Unit Gerai Cenderahati di Tempat Letak Kereta di Jalan Cenderawasih, Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur. | 4 | 1) Luas Lantai – 182 Seunit(kp)<br>2) Kadar Sewa – RM5.00 skp<br>3) Kadar Sewa Bulanan-RM900.00 Seunit<br>4) Jumlah Kadar Sewa Bulanan-RM3,600.00 Sebulan | 26 Januari |
| 2. | Penilaian Kadar Sewa 1 Unit Gerai Cenderahati di Tempat Letak Kereta di Jalan Cenderawasih, Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur | 1 | 1) Luas Lantai – 2,422 Seunit(kp)<br>2) Kadar Sewa – RM2.3 skp<br>3) Kadar Sewa Bulanan-RM5,600.00 Seunit<br>4) Jumlah Kadar Sewa Bulanan-RM5,600.00 Sebulan | 26 Januari |
| 3. | Penilaian Kadar Sewa bagi "*Pocket Park*" Jalan Silang Kuala Lumpur | 1 | 1) Luas Lantai – 63 Seunit(kp)<br>2) Kadar Sewa – RM 8.50 skp<br>3) Jumlah Kadar Sewa Bulanan-RM 535.00 Sebulan<br><br>1) Luas Lantai – 158Seunit(kp)<br>2) Kadar Sewa – RM 4.25 skp<br>3) Jumlah Kadar Sewa Bulanan-RM 670.00 Sebulan | 5 Februari |
| 4. | Permohonan Menentukan Anggaran Kadar Sewa Aset HB di Perpustakaan 1Malaysia (P1M) Yang dalam Peringkat Akhir Pembinaan | 1<br>Kafeteria<br>601kp | - RM 3.00 seunit kp<br>- RM1,800.00 sebulan | 16 Februari |
| 5. | Permohonan Untuk Mendapatkan Kadar Sewaan Baru Bagi Perjanjian Penyewaan Tapak di Bumbung Bangunan Hakmilik DBKL Kepada *Tetuan Packet One Networks* (Malaysia)Sdn. Bhd. | | | 16 Februari |
| | 1) Menara DBKL 3<br>2) PA Sri Selangor | 1<br>1 | - RM3,100.00 Sebulan | |
| | 3) Menara DBKL 1<br>4) Menara DBKL 2<br>5) PPR Air Panas<br>6) PPR Pekan Batu<br>7) PPR Setapak Jaya<br>8) PPR Gombak Setia<br>9) PPR Tioman 1<br>10) Kompleks Belia, Cheras<br>11) PPR Sg. Bonus/Air Jernih<br>12) PA Negeri Sembilan | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 | RM3,000 Sebulan | |
| | 13) Dewan Serbaguna Kampong Baru | 1 | RM3,000.00 Sebulan | |

| Bil. | Perkara | Jumlah unit | Nilai Sewa Pasaran (RM) | Tarikh Surat |
|---|---|---|---|---|
| 6. | Penilaian Kadar Sewa bagi Ruang Pejabat Tingkat 11 Menara DBKL 3, Jalan Raja Abdullah | 1 Ruang Pejabat | Ruang Pejabat<br>Luas : 7382 kp @ RM 4<br>Sebulan : RM 29500.00 | 20 Mac |
| 7. | Permohonan Kadar Sewa Tapak Dan Dokumen Perjanjian Untuk Lokasi Sementara Tetuan Chendrasari *Enterprise* Sdn. Bhd. | 1 Kafeteria Tkt. 2, Menara DBKL 2 504kp | RM500.00 | 6 April |
| 8. | Rayuan Pengurangan Kadar Sewa Ruang Pejabat Yayasan Wilayah Persekutuan, Di Tingkat 11, Menara DBKL 3, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur | 1 Ruang Pejabat | Kadar Sewa RM29,500.00 sebulan<br>Pengurangan Sewa<br>RM15,00.00 sebulan<br><br>Surat Bertarikh 20 Mac 2013 dan 27 Julai 2013 | 14 April |
| 9. | Permohonan Menentukan Anggaran Kadar Sewa Aset HB Di Mini UTC Keramat Mall,<br>Kuala Lumpur<br>- Empat Ruang Bilik NGO | Bilik 2 & 4<br>170kp | 1) Nilai Sewa<br>- RM3.00 seunit kp<br>- RM510.00 sebulan<br><br>2) Caj Penyelenggaraan<br>- RM0.70 seunit kp<br>- RM119.00 sebulan<br><br>3) Jumlah Sewa – RM650.00 sebulan | |
| | | Bilik 1 & 3<br>190kp | 1) Nilai Sewa<br>- RM3.00 seunit kp<br>- RM570.00 sebulan<br><br>2) Caj Penyelenggaraan<br>- RM0.70 seunit kp<br>- RM133.00 sebulan<br><br>3) Jumlah Sewa –RM700.00 sebulan | |

| Bil. | Perkara | Jumlah unit | Nilai Sewa Pasaran (RM) | Tarikh Surat |
|---|---|---|---|---|
| 10. | Penilaian Kadar Sewa Pasaran Gerai Makanan, Pasar Basah dan Kedai Di Kompleks Perniagaan Bersepadu (ICC) Di Atas Lot Pt 123 dan Pt 125, Seksyen 62, Jalan 1/77C ,<br>Kuala Lumpur | LG | ***Lower Ground***<br>Barang Runcit(Berkunci)<br>Luas : 135kp @ RM 4<br>Sebulan : RM 540<br><br>Barang Runcit(Berkunci)<br>Luas : 108kp @ RM 4<br>Sebulan : RM 430<br><br>Pakaian (Berkunci)<br>Luas :85.5kp @ RM 4<br>Sebulan : RM 340<br><br>Ayam<br>Luas : 162kp @ RM 3<br>Sebulan : RM 480<br><br>Ikan<br>Luas :85.5kp @ RM 3<br>Sebulan : RM 250<br><br>Daging<br>Luas : 85.5kp @ RM 3<br>Sebulan : RM 250<br><br>Buah-buahan<br>Luas : 85.5kp @ RM 3<br>Sebulan : RM 250<br><br>Sayuran<br>Luas : 85.5kp @ RM 3<br>Sebulan : RM 250<br><br>Daging Khinzir<br>Luas : 85.5kp @ RM 3<br>Sebulan : RM 250<br>Luas : 90 @ RM 3<br>Sebulan : RM 270<br>Luas : 99 @ RM 3<br>Sebulan : RM 300<br><br>Lain-lain<br>Luas : 85.5kp @ RM 3<br>Sebulan : RM 250<br><br>***Ground Floor***<br>*Food Court*<br>Luas : 85.5 @ RM 4<br>Sebulan : RM 340<br><br>Shop Lot<br>Luas : 4,395.66 @ RM 3.50<br>Sebulan : RM 15,400<br><br>Shop Lot<br>Luas : 2,930.47@ RM 3.50<br>Sebulan : RM 10,250 | 26 Mei |

| Bil. | Perkara | Jumlah unit | Nilai Sewa Pasaran (RM) | Tarikh Surat |
|---|---|---|---|---|
| 11. | Penilaian Kadar Sewa Bagi Penyewaan Ruang Mesin ATM di Lobi Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur Oleh Tetuan CIMB Bank Berhad | | Mesin ATM<br>Lokasi : Tkt Bawah Menara DBKL 1<br>Luas Per Mesin :10.5kp<br>Sewa Bulanan : RM 1,100.00 | 6 Jun |
| 12. | Penilaian Kadar Sewa bagi Pasar Terbuka PPR Desa Rejang Setapak Kuala Lumpur | 1 | Luas : 36 Seunit (kp)@ RM 2.80<br>Sebulan : RM 100 | 29 Jun |
| 13. | Penilaian Kadar Sewa bagi PPR Sg. Bonus & PPR Seri Alam | 10 | Luas : 90 Seunit (kp)@ RM 1.70<br>Sebulan : RM 150.00 | 30 Jun |
| 14. | Penilaian Kadar Sewa bagi Gerai Berkunci Lorong Haji Hussein 1 Kg. Baru | 48 | Luas : 64 Seunit (kp)@ RM 5.00<br>Sebulan : RM 320.00 | 4 Ogos |
| 15. | Penilaian Kadar Sewa bagi Pusat Pengurusan Pengangkutan ITIS Bukit Jalil | - | **Tingkat Bawah**<br>Luas : 423 Seunit (kp)@ RM 2.50<br>Sebulan : RM 1000.00<br>**Tingkat Atas**<br>Luas : 203 Seunit (kp)@ RM 2.50<br>Sebulan : RM 500.00 | 14 September |
| 16. | Penilaian Kadar Sewa bagi Gerai Makan Jalan Sultan Abdul Samad Off Jalan Tun Sambanthan Brickfields, Kuala Lumpur | 2<br>2<br>1 | Luas : 49 Seunit (kp)@ RM 5.00<br>Sebulan : RM 250.00<br>Luas : 70 Seunit (kp)@ RM 5.00<br>Sebulan : RM 350.00<br>Luas : 140 Seunit (kp)@ RM 5.00<br>Sebulan : RM 700.00 | 2 Oktober |
| 17. | Penilaian Kadar Sewa bagi Gerai Penjaja PPR Muhibbah Batu 7, Jalan Puchong di atas Lot 11253 Mukim Petaling | 24 | Luas : 114 Seunit (kp)@ RM 2.30<br>Sebulan : RM 250.00 | 9 Disember |

**ii. Ringkasan aktiviti penyerahan Harta kepada Jabatan Pengguna Sepanjang Tahun 2015 adalah seperti berikut:-**

| Bil. | Nama Harta | Tarikh Serahan | Jabatan Pengguna | Tarikh Surat |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penyerahan Pasar Satu Tingkat di Atas Sebahagain Lot 200540 Persiaran Rejang Mukim Setapak, Kuala Lumpur | 18.2.2015 | Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti | 23 Feb |
| 2. | Penyerahan Aras 5B Hingga Aras Bumbung, Bangunan Perdagangan 16 Tingkat Di Atas Lot PT 80, Plot A & Plot B dan Lot 302, Lorong Bonus 4, Seksyen 40, Kuala Lumpur | 26.2.2015 | Unit Pengurusan Hartanah Korporat | 12 Mac |
| 3. | Penyerahan Bangunan The Pines Bazaar di Atas PT 24, Jalan Tun Sambanthan dan Jalan Tun Sambanthan 1, Brickfields Kuala Lumpur | 23.3.2015 | Pejabat Cawangan Lembah Pantai | 14 April |
| 4. | Penyerahan Bangunan 2 Tingkat Dewan Masyarakat Desa Pandan di atas Lot 11482 Jalan 3/76B Desa Pandan, Kuala Lumpur | 27.4.2015 | Pejabat Cawangan Titiwangsa | 28 April |
| 5. | Penyerahan Kiosk Laman Sejahtera PPR Sg. Bonus, di atas Lot 28425 Mukim Setapak, Kuala Lumpur | 29.5.2015 | Jabatan Perlesenan dan Pengurusan Penjaja | 30 Jun |
| 6. | Penyerahan Surau Di PPR KG Muhibbah di Atas Sebahagian Lot 11253, Batu 7, Jalan Puchong, Mukim Petaling Kuala Lumpur | 24 Jun | Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti | 1 Julai |
| 7. | Penyerahan Dewan Masyarakat Dan Sebuah Rumah Sampah, Lot 41336, Jalan Damai Rasa 8, Taman Damai Rasa, Alam Damai, Cheras, Mukim Petaling | 6 Ogos | Pejabat Cawangan Bandar Tun Razak | 13 Ogos |
| 8. | Penyerahan Bangunan DBKL 2 Tingkat (11 Jalan Tangsi) Dan Tempat Letak Kereta Di Atas Lot 7,8,9 Dan 11, Kuala Lumpur | 30 Oktober | Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan | 5 November |
| 9. | Penyerahan Surau PPR Sg. Bonus Di Sebahagian Lot 28425, Off Jalan Ayer Keroh, Mukim Setapak, Kuala Lumpur | 11 November | Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti | 24 November |
| 10. | Penyerahan 24 Unit Gerai Penjaja 1 Tingkat PPR Kg. Muhibbah Di Atas Sebahagian Lot 11253, Batu 7, Jalan Puchong, Mukim Petaling | 30 November | Jabatan Pengurusan Perumahan Dan Pembangunan Komuniti | 2 Disember |
| 11. | Penyerahan Ruang Pejabat Dan Stor 1 Tingkat Di Atas Sebahagian Lot 58593, Jalan Loke Yew, Cheras | 22 Disember | Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar | 31 Disember |

### iii. Aktiviti Pembelian Aset Untuk Datuk Bandar Kuala Lumpur

| Bil. | Maklumat Harta | Harga Ditawarkan | Jabatan Pengguna |
|---|---|---|---|
| 1. | Penyewaan Jangka Panjang Sumai Hotel Apartment Lot 4479,<br>Jalan Persinggahan, Kuala Terengganu | 1 Unit Superior (RM 2,450/Bulan)<br><br>1 Unit Deluxe Apt (RM 1,200/Bulan)<br><br>1 Unit Standard (RM 800/Bulan) | Jabatan Pengurusan Sumber Manusia |

## 11.0. BAHAGIAN STATISTIK DAN PENYELIDIKAN

Sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2015 Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mencatatkan kira-kira 16,977 tansaksi hartanah. Ianya meliputi 16,865 transaksi hartanah kategori tanah dan bangunan serta 112 transaksi tanah kosong. Keadaan ini menunjukkan penurunan transaksi iatu sebanyak 4,242 atau 20.00% atau dalam tempoh yang sama seperti tahun sebelumnya.

Transaksi tanah dan bangunan telah menurun sebanyak 4,201 atau 19.94% berbanding tahun sebelumnya. Manakala transaksi tanah kosong pula telah menurun sebanyak 41 atau 26.80% berbanding tahun sebelumnya. Perincian transaksi ditunjukkan dalam Jadual 1.

| Bulan | Tanah dan Bangunan | Tanah Kosong | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Januari | 1,505 | 5 | 1,510 |
| Februari | 1,145 | 5 | 1,150 |
| Mac | 1,643 | 2 | 1,645 |
| April | 1,850 | 11 | 1,861 |
| Mei | 1,357 | 7 | 1,364 |
| Jun | 1,556 | - | 1,556 |
| Julai | 1,142 | 13 | 1,155 |
| Ogos | 1,418 | 13 | 1,431 |
| September | 1,174 | 19 | 1,193 |
| Oktober | 1,490 | 21 | 1,511 |
| November | 1,265 | 14 | 1,279 |
| Disember | 1,320 | 2 | 1,322 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **16,865** | **112** | **16,977** |

Transaksi Hartanah 2015

## 12.0. BAHAGIAN HAKMILIK STRATA

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyelia kerja-kerja ukur tanah untuk penyediaan hakmilik tanah meliputi perlantikan jurukur, penyediaan pelan pra-hitungan, penarikan *kaveat* serta lain-lain keperluan pengeluaran hakmilik sementara dan hakmilik tetap sebelum permohonan pecah bahagi bangunan bagi pengeluaran hakmilik strata dapat dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTG WPKL) selaras dengan peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985.

Dua (2) kelulusan telah diterima bagi permohonan serah balik dan beri milik semula tanah untuk tujuan persempadanan Perbadanan Pengurusan (MC) skim-skim perumahan berikut :-

i. PPR Wahyu (948 unit).

ii. PPR Beringin (1,896 unit)

Sehingga Disember 2015, sebanyak 4 skim (5,190 unit) telah dikemukakan permohonan pecah bahagi bangunan ke PTG WPKL. Manakala kelulusan yang diperolehi pada tahun yang sama adalah sebanyak 8 skim (10,156 unit). Butiran skim perumahan yang dipohon dan yang diluluskan adalah seperti berikut :-

| Bil. | Nama Skim | Bil. Unit | Catitan |
|---|---|---|---|
| 1. | PPR Sg. Bonus | 2,212 | • Mohon pada 4 Mei 2015.<br>• Pelan Strata disahkan teratur oleh JUPEM pada 18 Januari 2016<br>• Belum lulus. |
| 2. | PPR Gombak Setia | 912 | • Mohon pada 2 Mac 2015.<br>• Lulus pada 30 Sept. 2015. |
| 3. | PPR Kerinchi | 1,896 | • Mohon pada 15 Mei 2015.<br>• Lulus pada 21 Ogos 2015. |
| 4. | Lembah Pantai | 172 | • Mohon pada 11 Sept. 2015.<br>• Lulus pada 27 Okt. 2015. |
| 5. | PA Jalan Loke Yew | 2,844 | Lulus pada 30 April 2015. |
| 6. | (Blok Melor & Mawar) | 632 | Lulus pada 15 Jun 2015. |
| 7. | PPR Kg. Muhibbah | 632 | Lulus pada 4 Sept. 2015. |
| 8. | PPR Seri Malaysia | 936 | Lulus pada 4 Sept. 2015. |
| 9. | PPR Salak Selatan | 2,132 | Lulus pada 30 Sept. 2015 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **10,156** | - |

Statistik bagi permohonan hakmilik strata di bawah tanggungjawab Bahagian Strata, JPPH sehingga Disember 2015 adalah seperti berikut :-

| Bil. | Perkara | Jumlah Skim | Bil. Unit |
|---|---|---|---|
| 1. | Telah ada hakmilik strata. | 33 | 28,515 |
| 2. | Telah lulus (menunggu pendaftaran hakmilik strata). | 8 | 10,156 |
| 3. | Telah mohon strata (menunggu kelulusan). | 1 | 2,212 |
| 4. | Belum mohon hakmilik strata. | 15 | 13,256 |
| **Jumlah** | | **57** | **54,139** |

Kelulusan yang diperolehi bagi permohonan pecah bahagi bangunan sehingga Disember 2015 adalah berjumlah 38,671 unit sebagaimana yang dipaparkan pada Carta 1.1 dan Carta 1.2 di bawah :-




Carta 1.1 : Pecahan dan peratusan permohonan hakmilik strata di bawah tanggungjawab JPPH, DBKL sehingga tahun 2015.




Jumlah kelulusan hakmilik strata yang telah diperolehi oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dari tahun 1998 sehingga tahun 2015.

## 13.0. BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK

Bahagian Pengurusan Projek, JPPH bertanggungjawab menyelaras penyediaan hal ehwal tanah dan penilaian bagi projek-projek penswastaan dan pembangunan sosio-ekonomi DBKL. Penyelarasan dibuat di peringkat Jabatan bersama Jabatan Perancangan Ekonomi & Pembangunan DBKL.

Penilaian yang disediakan bagi projek-projek penswastaan DBKL merangkumi aspek berkaitan pulangan & daya maju sesebuah projek yang mana merupakan penilaian awal untuk tujuan perbincangan di peringkat Jabatan. Penilaian dimuktamadkan setelah dirujuk kepada Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia yang menyediakan laporan penilaian. Manakala penilaian yang disediakan bagi projek-projek pembangunan sosio-ekonomi DBKL pula merangkumi penilaian kadar sewa untuk tujuan perbincangan di peringkat Jabatan dalaman DBKL. Antara penilaian yang telah disediakan oleh Jabatan ini pada tahun 2015 adalah seperti berikut :-

| Bil. | Perkara | Tarikh Nilaian | Nilai Pasaran / Kadar Sewa |
|---|---|---|---|
| 1. | Penilaian nilai pasaran bagi cadangan pembangunan 12 unit kedai pejabat 4 tingkat (Blok K3), Desa Sri Puteri, Kuala Lumpur. | 24.2.2015 | **Nilai Pasaran**<br>Unit Tengah (10 unit) :-<br>- 5,042 kp seunit @ RM160 skp<br>- RM810,000 seunit<br>- RM8,100,000 (10 unit)<br>Unit Hujung (2 unit) :-<br>- 7,422 kp seunit @ RM135 skp<br>- RM1,000,000 seunit<br>- RM2,000,000 (2 unit) |
| 2. | Penilaian kadar sewa pajakan ke atas tapak sembelihan ayam di atas tanah milik DBKL, Pasar Borong Selayang, Jalan Ipoh, Mukim Batu, Kuala Lumpur. | 2.4.2015 | **Kadar Sewa**<br>- Kadar sewa tahunan : RM355,000.<br>- Kadar sewa bulanan : RM30,000.<br>- Kadar sewa skp : RM0.35 |
| 3. | Penilaian nilai pasaran Perumahan Awam Seri Tioman 1 bagi maksud penjualan. | 2.12.2015 | **Nilai Pasaran**<br>3 blok (420 unit) :-<br>- 538 kp seunit @ RM176 skp<br>- RM95,000 seunit |

## 14.0. BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR

Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COB KL) merupakan satu entiti yang diletakkan sebagai satu sektor di bawah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta(JPPH), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). COB KL adalah pelaksana kepada keseluruhan seksyen di dalam Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) iaitu dengan fungsi utama mengawal selia pengurusan dan penyenggaraan bangunan berstrata milik persendirian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015 terdiri daripada 153 peruntukan berbanding dengan 68 peruntukan dalam akta sebelum ini (Akta Bangunan dan Harta Bersama (Pengurusan dan Penyenggaraan) 2007 (Akta 663) serta Bahagian VI dan VII Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318)).

## Visi, Misi dan Objektif

| VISI | MISI | OBJEKTIF |
|---|---|---|
| • Memastikan kehidupan yang berkualiti, harmoni, dan selesa bagi pemajuan berstrata. | • Semua kawasan pemajuan berstrata mempunyai Badan Pengurusan yang dapat menjalankan pengurusan dan penyenggaraan bangunan dan harta bersama dengan baik. | • Memastikan pemilik, pemaju, JMB dan MC melaksanakan dan menguatkuasakan segala peruntukan Akta 663 dan Akta 318 serta Akta 757 yang mula dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015. |

**FUNGSI PESURUHJAYA BANGUNAN APABILA AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757) BERKUATKUASA**

Secara umumnya skop dan tugas COB KL adalah untuk melaksanakan pentadbiran peruntukan Akta 663 dan Bahagian VI dan VII Akta 318 dan apabila akta baru bagi menggantikan Akta 663 dan Akta 318 telah dilaksanakan, skop dan tugas COB KL akan menjurus kepada melaksanakan pentadbiran Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

Di antara tugas-tugas yang perlu dijalankan oleh COB KL berdasarkan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) adalah seperti di Jadual 1.

| Bil. | Seksyen | Peruntukan |
|---|---|---|
| 1. | 6 | **Jadual petak hendaklah difailkan dengan Pesuruhjaya sebelum penjualan mana-mana petak**<br>• Urusan pemfailan dan mempamerkan jadual petak |
| 2. | 7 | **Pemakaian Bahagian Ini**<br>• Pengurusan strata sebelum kewujudan Perbadanan Pengurusan – permohonan lanjutan tempoh |
| 3. | 8 | **Unit syer yang diumpukkan**<br>• Memastikan unit syer diumpukkan jika tiada |
| 4. | 9 | **Kewajipan dan kuasa pemaju semasa tempoh pengurusan**<br>• Pemantauan secara keseluruhan bagi memastikan peruntukan Akta ini dipatuhi |
| 5. | 10 | **Pemaju hendaklah menubuhkan akaun penyenggaraan**<br>• Pemantauan pembukaan akaun penyenggaraan |
| 6. | 11 | **Pemaju hendaklah menubuhkan akaun kumpulan wang penjelas**<br>• Pemantauan pembukaan akaun kumpulan wang penjelas |

| Bil. | Seksyen | Peruntukan |
|---|---|---|
| 7. | 12 | **Pembeli dan pemaju hendaklah membayar Caj, dan caruman kepada Kumpulan Wang Penjelas**<br>• Menerima permohonan kajian semula amaun Caj<br>• Menentukan atau mengarahkan pemaju mengemukakan laporan yang berkaitan bagi tujuan penentuan caj |
| 8. | 13 | **Larangan pemungutan wang sebelum akaun dibuka**<br>• Memantau dan memastikan akaun penyenggaraan dan akaun Kumpulan Wang Penjelas telah dibuka dan milikan kosong petak telah diserahkan sebelum pemungutan wang dilaksanakan. |
| 9. | 14 | **Kewajipan pemaju berhubung dengan akaun**<br>• Pemfailan salinan akaun teraudit<br>• Memeriksa akaun dan rekod jika perlu |
| 10. | 15 | **Penyerahan oleh pemaju kepada badan pengurusan bersama**<br>• Pemantauan proses penyerahan kepada badan pengurusan bersama<br>• Memastikan salinan jadual petak atau jadual petak yang dipinda difailkan, jika terpakai |
| 11. | 18 | **Kewajipan pemaju untuk mengadakan mesyuarat agung pertama bagi badan pengurusan bersama**<br>• Memantau dan memastikan mesyuarat AGM pertama diadakan |
| 12. | 19 | **Mesyuarat agung tahunan pertama bagi Badan Pengurusan Bersama**<br>• Jika berlaku keadaan seperti di bawah Sek. 19(2), menetapkan tarikh baru untuk pemilihan jawatankuasa atau melantik ejen pengurusan |
| 13. | 20 | **Kewajipan badan pengurusan bersama untuk memaklumkan namanya kepada Pesuruhjaya**<br>• Pengeluaran sijil perakuan penubuhan JMB |
| 14. | 26 | **Kewajipan badan pengurusan bersama berhubung akaun**<br>• Memantau dan memeriksa akaun beraudit JMB<br>• Melantik juruaudit syarikat yang diluluskan untuk menyiasat akaun dan rekod akaun jika perlu<br>• Merangka format penyata dan laporan akaun |
| 15. | 27 | **Pembubaran badan pengurusan bersama**<br>• Pemantauan pembubaran JMB |
| 16. | 29 | **Kewajipan pemaju berkenaan dengan caj bagi bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak yang disiapkan sebelum permulaan kuat kuasa Akta**<br>• Memantau penyerahan akaun beraudit oleh pemaju |

| Bil. | Seksyen | Peruntukan |
|---|---|---|
| 17. | 32 | **Undang-undang kecil bagi bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak**<br>• Urusan penfailan undang-undang kecil |
| 18. | 35 | **Mendapatkan jumlah wang**<br>• Mengeluarkan waran penahanan dalam borang A Jadual Ketiga<br>• Memantau dan membantu proses perlaksanakan waran penahanan |
| 19. | 39 | **Ejen pengurusan yang sedia ada**<br>• Perlantikan ejen pengurusan |
| 20. | 48 | **Kewajipan dan kuasa pemaju untuk menyenggara dan mengurus**<br>• Memantau kerja-kerja penyenggaraan dan pengurusan pemaju. |
| 21. | 49 | **Sekatan semasa tempoh pengurusan permulaan**<br>• Memantau kerja-kerja penyenggaraan dan pengurusan yang dilakukan oleh pemaju |
| 22. | 50 | **Pemaju hendaklah menubuhkan akaun penyenggaraan atas nama perbadanan pengurusan**<br>• Memantau pembukaan akaun penyenggaraan oleh pemaju<br>• Meluluskan kadar elaun dan perbelanjaan bagi anggota jawatankuasa pengurusan (Sek 50(3)(l) |
| 23. | 51 | **Pemaju hendaklah menubuhkan akaun kumpulan wang penjelas atas nama perbadanan pengurusan**<br>• Memantau pembukaan akaun kumpulan wang penjelas oleh pemaju |
| 24. | 52 | **Pemilik hendaklah membayar Caj, dan caruman kepada kumpulan wang penjelas**<br>• Menerima permohonan kajian semula amaun caj<br>• Menentukan atau mengarahkan pemaju mengemukakan laporan yang berkaitan bagi tujuan caj |
| 25. | 54 | **Kewajipan pemaju berhubung dengan akaun**<br>• Memantau dan memeriksa akaun beraudit yang disediakan pemaju<br>• Melantik juruaudit syarikat yang diluluskan untuk menyiasat akaun dan rekod akaun jika perlu<br>• Merangka format penyata dan laporan akaun |
| 26. | 53 | **Larangan pemungutan wang bagi penyenggaraan daripada pemilik**<br>• Memantau dan memastikan akaun penyenggaraan dan akaun Kumpulan Wang Penjelas telah dibuka dan milikan kosong petak telah diserahkan sebelum pemungutan wang dilaksanakan. |

| Bil. | Seksyen | Peruntukan |
|---|---|---|
| 27. | 57 | **Kewajipan pemaju untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan pertama**<br>• Memantau dan memastikan pemaju mengadakan mesyuarat agung tahunan pertama |
| 28. | 62 | **Kewajipan perbadanan pengurusan berhubung dengan akaun**<br>• Memantau dan memeriksa akaun beraudit MC<br>• Urusan Pemfailan akaun<br>• Melantik juruaudit syarikat yang diluluskan untuk menyiasat akaun dan rekod akaun jika perlu<br>• Merangka format penyata dan laporan akaun |
| 29. | 70 | **Undang-undang kecil bagi mengawal selia bangunan dan tanah yang dipecah bahagi**<br>• Urusan pemfailan undang-undang kecil |
| 30. | 71 | **Undang-undang kecil bagi harta bersama terhad**<br>• Urusan pemfailan undang-undang kecil bagi harta bersama terhad |
| 31. | 72 | **Daftar Strata**<br>• Merangka bentuk format daftar strata |
| 32. | 76 | **Pelantikan pentadbir bagi perbadanan pengurusan**<br>• Urusan pemfailan salinan perintah mahkamah bagi pelantikan, pemecatan atau penggantian pentadbir |
| 33. | 79 | **Mendapat jumlah wang melalui penahanan harta alih**<br>• Mengeluarkan waran penahanan dalam Borang A Jadual Ketiga<br>• Memantau dan membantu proses perlaksaan waran penahanan |
| 34. | 86 | **Perlantikan ejen pengurusan oleh Pesuruhjaya**<br>• Melantik ejen pengurusan jika tiada JMC dipilih semasa mesyuarat AGM pertama JMB ( Seksyen 19(2)(b)<br>• Melantik ejen pengurusan jika setelah siasatan sewajarnya dijalankan didapati penyeggaraan dan pengurusan tidak dijalankan dengan sempurna dan menguruskan proses perlantikan ejen pengurusan |
| 35. | 88 | **Ejen pengurusan hendaklah menyerah simpan bon**<br>• Merangka bentuk format pengurusan penyimpanan bon |
| 36. | 89 | **Kuasa dan kewajipan ejen pengurusan**<br>• Memantau kerja penyenggaraan dan pengurusan ejen dan urusan penfailan penyata yang diserah oleh ejen (Sek 89(4)) |

| Bil. | Seksyen | Peruntukan |
|---|---|---|
| 37. | 91 | **Penamatan perjanjian pengurusan**<br>• Urusan pemfailan akaun belum audit atau teraudit dan senarai lengkap asset dan liabiliti<br>• Melantik ejen pengurusan yang lain |
| 38. | 92 | **Pemaju hendaklah membayar deposit untuk membaiki kecacatan pada harta bersama**<br>• Merangka dan menyediakan format penyerahan deposit untuk membaiki kecacatan pada harta bersama<br>• Memantau kerosakan yang berlaku pada harta bersama |
| 39. | 125 | **Kuasa penyiasatan**<br>• Menyiasat pelakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta 757 |
| 40. | 126 | **Penggeledahan dan penyitaan dengan Waran**<br>• Mendapatkan waran pengeledahan dan penyitaan<br>• Menjalankan penggeledahan dan penyitaan bagi maksud menyiasat kesalahan dan memeriksa mana-mana orang yang berada di premis setelah waran dikeluarkan oleh mahkamah |
| 41. | 127 | **Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran**<br>• Menjalankan pengeledahan dan penyitaan bagi maksud menyiasat kesalahan dan memeriksa mana-mana yang berada di premis |
| 42. | 129 | **Senarai benda yang disita**<br>• Menyediakan senarai benda yang disita dan menyerahkan kepada penghuni premis dan menampal senarai benda yang disita pada premis sekiranya tidak berpenghuni |
| 43. | 130 | **Pelepasan benda yang disita**<br>• Menyerahkan semua benda yang disita sekiranya difikirkan tidak dikehendaki untuk prosiding di bawah Akta<br>• Menyediakan rekod bertulis dan menghantar salinan kepada Pendakwa Raya atau Ketua Polis Negara |
| 44. | 131 | **Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes**<br>• Memohon perintah mahkamah memohon kahadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes |
| 45. | 132 | **Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes**<br>• Menyoal siasat secara lisan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes |

| Bil. | Seksyen | Peruntukan |
|---|---|---|
| 46. | 134 | **Kehendaki supaya menyediakan terjemahan**<br>• Meminta pihak yang mempunyai milikan, jagaan atau kawalan terhadap buku, daftar, dokumen atau rekod lain yang disita untuk menyediakan terjemahan |
| 47. | 135 | **Pengkompaunan kesalahan**<br>• Mengkompaunkan mana-mana kesalahan yang dilakukan dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki melakukan kesalahan dengan amaun wang tidak melebihi 50% daripada denda maksimum<br>• Semua jumlah wang hasil daripada pengkompaunan kesalahan perlu didepositkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri atau Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan |

Jadual 1: Senarai Tugas dan Tanggungjawab COB Berdasarkan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)

**Data Bangunan Berstrata Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

**Jadual 2** menunjukkan pecahan status dan jumlah pihak pengurusan bangunan berstrata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL). Pemilik bangunan berstrata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang pada masa kini terdapat lebih daripada **400,000** unit petak strata dengan anggaran jumlah penghuni seramai **1.2 juta** orang. Terdapat **5,762** kawasan pemajuan berstrata, yang mana **615** daripadanya adalah pemaju, **844** telah menubuhkan Badan Pengurusan Bersama (JMB), **3,046** daripadanya telah menubuhkan MC dan selebihnya **1,257** tidak dapat dikenal pasti. Status pengurusan bangunan tersebut tidak dapat dikenal pasti kerana terdiri daripada bangunan-bangunan lama seperti flat lima tingkat dan bangunan kedai lama yang telah tiada pemaju dan pihak pengurusan. Ironinya, semakin bertambah bangunan berstrata di WPKL, semakin bertambah juga bilangan pihak pengurusan dan seterusnya tugas dan tanggungjawab Pesuruhjaya Bangunan dalam memastikan keharmonian kehidupan di bangunan berstrata akan turut meningkat.

| Pihak Pengurusan | Jumlah |
|---|---|
| Pemaju | 615 |
| Badan Pengurusan Bersama (JMB) | 844 |
| Perbadanan Pengurusan (MC) | 3,046 |
| Lain-Lain | 1,257 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **5,762** |

Jadual 2: Pecahan Status dan Jumlah Pihak Pengurusan Bangunan Berstrata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur




**Aduan Awam**

Dalam melaksanakan fungsi Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur, Bahagian COB bertanggungjawab mengawal selia dan memantau pengurusan dan penyenggaraan bangunan bertingkat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sehubungan itu, pelbagai jenis aduan diterima daripada orang awam khususnya pemilik petak, Badan Pengurusan Bersama serta Perbadanan Pengurusan dan juga Pemaju. Aduan ini antaranya berkisar kepada pengurusan dan penyelenggaraan bangunan serta harta bersama bagi bangunan berstrata tersebut. Walau bagaimanapun, bagi memudahkan pemantauan, aduan-aduan ini dikelaskan kepada beberapa kategori seperti Mesyuarat, Pentadbiran dan Pengurusan, Penyenggaraan dan Kerosakan, Isu Kewangan, Khidmat Nasihat dan Penguatkuasaan.  Statistik aduan ini juga akan dikemukakan kepada Cawangan Pengurusan Strata, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

**Jadual 3** menunjukkan statistik aduan yang diterima dan diselesaikan oleh COB KL tahun 2008 sehingga 2015. Statistik tersebut tidak termasuk aduan secara bersemuka yang mana dianggarkan secara purata sebanyak sepuluh (10) orang awam dari pelbagai kawasan pemajuan hadir ke Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur untuk mengemukakan aduan mereka terhadap pihak berkepentingan dalam pemajuan berstrata dan meminta pandangan undang-undang serta khidmat nasihat daripada COB KL.

| Bil. | Aduan Awam | Jumlah Diterima |
|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat | 254 |
| 2. | Pentadbiran dan Pengurusan | 62 |
| 3. | Penyenggaraan dan Kerosakan | 85 |
| 4. | Isu Kewangan | 351 |
| 5. | Khidmat Nasihat | 44 |
| 6. | Penguatkuasaan COB | 31 |
| 7. | Lain-lain<br>(penubuhan JMB/MC, penyalahgunaan harta bersama, kecurian kabel, deposit air/elektrik) | 79 |
| **Jumlah Keseluruhan Tahun 2015** | | **906** |

Jadual 3: Aduan Bangunan Berstrata Yang Diterima dan Diselesaikan Oleh COB Kuala Lumpur

**Program Anjuran Sektor Pesuruhjaya Bangunan Sepanjang Tahun 2015**

Sebanyak sepuluh (10) sesi latihan yang merangkumi seminar, bengkel dan kursus berkaitan Pengurusan Bangunan Berstrata telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015.

| Bil. | Aktiviti/Program |
|---|---|
| 1. | Kursus Pengurusan Strata 2015<br>“Amalan Pengurusan Dan Penyenggaraan Bangunan Terbaik” Siri 1 |
| 2. | Kursus Pengurusan Strata 2015<br>“Amalan Pengurusan Dan Penyenggaraan Bangunan Terbaik” Siri 2 |
| 3. | Kursus Asas Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) |
| 4. | Kursus Pengurusan Aduan dan Tindakan Penguatkuasaan Mengikut Perundangan |
| 5. | Seminar Komuniti Strata Wilayah Persekutuan 2015 “Ke Arah Komuniti Strata Yang Mampan” Siri 1 |
| 6. | Seminar Komuniti Strata Wilayah Persekutuan 2015 “Ke Arah Komuniti Strata Yang Mampan” Siri 2 |
| 7. | Seminar Komuniti Strata Wilayah Persekutuan 2015 “Ke Arah Komuniti Strata Yang Mampan” Siri 3 |
| 8. | Lawatan Kerja Bersama Kementerian Wilayah Persekutuan, Badan Pengurusan Bersama (JMB) Dan Perbadanan Pengurusan (MC) Ke Rumah Pangsa Sri Orkid Serta Lawatan Ke Bahagian Pesuruhjaya Bangunan Johor Bahru |
| 9. | Bengkel Pemantapan Prosedur Dan Tatacara Kerja Berkenaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) |
| 10. | Bengkel Penambahbaikan Penganjuran Seminar Komuniti Strata Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2015 Dan 2016 |

Program Anjuran Sektor Pesuruhjaya Bangunan

# JABATAN PENGURUSAN MAKLUMAT

## 1.0. PROFAIL JABATAN

Jabatan ini ditubuhkan pada 1 Julai 2002 yang dikenali sebagai Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan pada 1 Julai 2011 jabatan ini telah ditukar nama kepada Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM). Jabatan ini diperkuat seramai 98 orang kakitangan daripada pelbagai jawatan. Jabatan ini mempunyai tiga (3) bahagian yang besar dan disokong oleh unit-unit di bawah bahagian tersebut. Bahagian-bahagian yang dimaksudkan adalah :

**1.1. Bahagian Dasar dan Pembangunan Aplikasi**

Bahagian ini diketuai oleh Pegawai Teknologi Maklumat Gred F52. Bahagian ini bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dasar dan polisi ICT serta menguruskan pembangunan sistem ICT *in house* dan *out source.*

**1.2. Bahagian Pengurusan Data, Rangkaian dan Sokongan Teknikal**

Bahagian ini diketuai oleh Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48. Bahagian ini bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal berkaitan infrastruktur ICT DBKL seperti perkhidmatan rangkaian, server, perkakasan dan telekomunikasi.

**1.3. Bahagian Multimedia dan GIS**

Bahagian ini diketuai oleh Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48. Bahagian ini bertanggungjawab untuk mengurus dan mengemaskini Portal dan Intranet DBKL. Bahagian ini juga memberi khidmat rundingan mengenai pembangunan produksi multimedia.

## 2.0. FUNGSI Jabatan Pengurusan Maklumat

Jabatan ini menyediakan infostruktur serta infrastruktur Komunikasi dan Teknologi Maklumat (ICT) di DBKL berasaskan Pelan Strategik ICT DBKL. Ini meliputi penggubalan dasar dan polisi ICT, pembangunan sistem aplikasi dan multimedia, penyediaan dan pembekalan perkakasan serta perisian ICT, pengurusan data, rangkaian, *back-up* dan pemulihan bencana serta keselamatan ICT bagi memastikan sistem ICT DBKL beroperasi 24 jam di mana-mana sahaja tanpa gangguan. Fungsi ini dilaksanakan selaras dengan matlamat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan DBKL di tahap cemerlang sejajar dengan visi menjadikan ibu kota Kuala Lumpur bandaraya bertaraf dunia.

## 3.0. OBJEKTIF Jabatan Pengurusan Maklumat

3.1. Melaksana dan memantau teknologi ICT yang terbaik di DBKL sejajar dengan Dasar ICT Kerajaan khususnya Agenda ICT Kebangsaan (NITA) dan Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Coridor).*

3.2. Merancang, melaksana dan memantau Pelan Strategik ICT (ISP) yang menyokong Visi, Misi dan Objektif DBKL.

3.3. Melaksanakan khidmat sokongan sistem ICT yang terbaik bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan DBKL kepada warga kota Kuala Lumpur.

3.4. Melaksanakan khidmat sokongan teknikal ICT yang terbaik kepada jabatan-jabatan pengguna.

3.5. Melaksana dan memantau perkhidmatan rangkaian DBKLnet supaya beroperasi dengan selamat dan sepenuh masa (24jam x 7 hari).

3.6. Melaksana dan memantau sistem latihan teknikal untuk staf DBKL supaya mencapai tahap penggunaan ICT 100% selepas penyerahan sistem yang dibangunkan.

3.7. Melaksanakan program pembangunan staf JPM yang dilengkapi dengan maklumat teknologi ICT terkini dalam usaha menyediakan kemahiran dan kepakaran bagi memberi sokongan dan nasihat terbaik kepada jabatan pengguna di DBKL.

3.8. Melaksanakan penambahbaikan berterusan ke atas sistem aplikasi supaya penyampaian perkhidmatan DBKL sentiasa berada di tahap terbaik.

3.9. Melaksana dan menyokong program-progam pembangunan ICT DBKL.

## 4.0. PIAGAM PELANGGAN DBKL

Memastikan semua perkhidmatan *online* dapat dicapai secara berterusan (24jam x 7 hari)

### 4.1. PIAGAM PELANGGAN Jabatan Pengurusan Maklumat

4.1.1. Permohonan lengkap pembangunan sistem aplikasi dan multimedia akan dikaji dalam tempoh 30 hari bekerja.

4.1.2. Pembangunan produksi multimedia akan dilaksanakan dalam tempoh 14 hari bekerja setelah mendapat maklumat lengkap dari Jabatan Pengguna.

4.1.3. Semua aduan, pertanyaan ICT dan masalah perkakasan, perisian, sistem serta rangkaian yang dihadapi oleh pengguna akan diberi maklumbalas awal dalam tempoh satu (1) hari bekerja.

4.1.4. Mengemaskini semua portal dan laman web DBKL dalam tempoh 3 hari bekerja selepas maklumat lengkap diterima.

4.1.5. Memastikan perkhidmatan semua operasi server dan rangkaian dapat dicapai secara berterusan (24jam x 7hari).

4.1.6. Memastikan *preventive maintenance* untuk penyenggaraan server, rangkaian, sistem aplikasi dan perkakasan dilaksanakan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali.

## 5.0. PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN JABATAN

### 5.1. BAJET MENGURUS - (S5400)

#### 5.1.1. Statistik Peruntukan dan Perbelanjaan Bajet Mengurus

| Statistik | Emolumen | Perkhidmatan & Bekalan Aset | Aset ( Inventori ) | JUMLAH KESELURUHAN |
|---|---|---|---|---|
| | ( RM ) | | | |
| **Peruntukan** | 5,281,000.00 | 19,825,800.00 | 24,300.00 | 25,131,100.00 |
| **Perbelanjaan** | 5,048,795.65 | 16,492,409.64 | 11,298.00 | 21,552,503.29 |
| **Baki** | **232,204.35** | **3,333,390.36** | **13,002.00** | **3,578,596.71** |

Peruntukan dan perbelanjaan mengurus

**Rajah 1: PERUNTUKAN BELANJAWAN MENGURUS BAGI TAHUN 2015**




### 5.1.2. Statistik Perbandingan Perbelanjaan Mengurus bagi Tahun 2014 Dan 2015

| Statistik | Emolumen | Perkhidmatan & Bekalan Aset | Aset ( Inventori ) | JUMLAH KESELURUHAN |
|---|---|---|---|---|
| | ( RM ) | | | |
| Perbelanjaan 2015 | 5,048,795.65 | 16,492,409.64 | 11,298.00 | **21,552,503.29** |
| **2014** | 5,196,891.60 | 14,406,552.31 | 12,699.00 | **19,616,142.91** |

Perbandingan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2014 dan 2015.

## 5.2. BAJET PEMBANGUNAN




### 5.2.1. STATISTIK PERUNTUKAN BELANJAWAN PEMBANGUNAN

| Perkara | Peruntukan Induk 2015 | Peruntukan Tambahan 1/2015 | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| | ( RM ) | | |
| Pembelian Pukal ( 60913/001 ) | * 1,591,530.00 | 196,470.00 | 1,788,000.00 |
| Pembangunan Sistem ( 60913/002 ) | * 8,954,800.00 ( 28 projek) | 5,046,000.00 (11 projek) | 14,000,800.00 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 15,788,800.00 |

** setelah potongan dibuat sebanyak RM 2,816,270 bagi pembelian pukal dan RM 12,809,600 bagi pembangunan sistem untuk tujuan penjimatan*




Peruntukan belanjawan pembangunan

### 5.2.2. STATISTIK PERBELANJAAN BELANJAWAN PEMBANGUNAN

| Perkara | Peruntukan Induk 2015 | Peruntukan Tambahan 1/2015 | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| | ( RM ) | | |
| Pembelian Pukal ( 60913/001 ) | 1,235,549.90 | 216,778.00 | 1,452,327.90 |
| Pembangunan Sistem ( 60913/002 ) | 8,466,890.00 | 4,264,195.55 | 12,731,085.55 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 14,183,413.45 |




Peruntukan belanjawan pembangunan tahun 2015

## 7.0. RUMUSAN

Secara keseluruhan, JPM menerima peruntukan sebanyak **RM 40,919,900.00** iaitu merangkumi bajet mengurus dan pembangunan bagi tahun 2015. Sebanyak **RM 35,735,916.74** perbelanjaan dicatatkan pada tahun 2015 iaitu **87%** daripada jumlah peruntukan tahun semasa dengan masing-masing sebanyak 90% di bawah Bajet Pembangunan dan 86% di bawah Bajet Mengurus. Prestasi perbelanjaan jabatan pada tahun 2015 adalah meningkat sebanyak 11% berbanding pada tahun 2014.

# 8.0. PROGRAM / AKTIVITI UTAMA JABATAN

## 8.1. *Joint Intenational Geoinformation Conference 2015*




*Joint Intenational Geoinformation Conference* (JIGC) 2015

Pada 28 hingga 30 Oktober 2015 yang lalu Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM) sebagai peserta kepada acara *Joint Intenational Geoinformation Conference* (JIGC) 2015. Acara ini berlansung di Hotel Istana, Kuala Lumpur dan disertai sebanyak 400 peserta daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Tujuan JPM menyertai acara ini adalah untuk memperkenalkan serta mempromosikan Sistem GIS DBKL iaitu *Kuala Lumpur Information System (KULSYS).*

## 8.2. 33 Jam *Hackatho*n Data Terbuka Sektor Awam

Pada 9 hingga 10 September 2015 yang lalu **Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM) telah menghantar satu (1) pasukan untuk menyertai satu pertandingan 33 Jam *Hackathon* Data Terbuka Sektor Awam** anjuran MAMPU**.** Pertandingan ini diadakan di TM Innovation Centre, Cyberjaya dan objektif pertandingan adalah untuk mencipta produk menggunakan data terbuka sektor awam. Pertandingan ini disertai sebanyak 140 penyertaan daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta dan institut pengajian tinggi dan JPM tersenarai dalam 10 pasukan terbaik untuk ke peringkat akhir.



Pembentangan Kumpulan wakil JPM, DBKL

**8.3. Program *My Second Chance***

Pada 4 dan 5 April 2015 yang lalu JPM telah menyertai satu program *My Second Chance* anjuran Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bertempat di Putra *World Trade Center (PWTC)* Kuala Lumpur. Dalam program tersebut, JPM menyediakan Sistem Penguatkuasaan Jabatan (SPJ) untuk memberi kemudahan kepada warga kota untuk menyemak dan menjelaskan kompaun. Dalam program ini, DBKL berjaya mengutip sebanyak RM 11,370.00 daripada jumlah notis sebanyak 346.

### 8.4. Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Sistem *COMPASS* Antara DBKL Dengan Arkib Negara Malaysia

Pada 9 Mac 2015 yang lalu berlangsungnya satu majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Sistem *COMPASS* Antara DBKL Dengan Arkib Negara Malaysia. Melalui kerjasama ini, DBKL menjadi pihak berkuasa tempatan pertama mempunyai sistem terkini bagi menguruskan rekod serta mengendalikan aliran kerja dalam memproses dan menyimpan bahan-bahan fail dan bukan fail. JPM secara langsung dalam membantu sokongan teknikal bagi Sistem *COMPASS* tersebut.




Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Sistem *COMPASS*
Antara DBKL Dengan Arkib Negara Malaysia



Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Sistem *COMPASS*
Antara DBKL Dengan Arkib Negara Malaysia

### 8.5. Pelancaran Sistem *KL Cares*




Majlis Perasmian Sistem KL *Cares*

Pada 8 Julai 2015 yang lalu berlangsungnya satu Majlis Perasmian Sistem *KL Cares* yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur. Sistem ini merupakan satu aplikasi mudah alih bagi menguruskan aduan warga kota. Selaras dengan pembangunan teknologi ICT, DBKL mengambil langkah proaktif dalam membina sistem yang terbaik kepada warga kota. Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui telefon pintar.

"Bersedia Menyumbang Bandaraya Cemerlang"




# SEKTOR PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI

# JABATAN PELESENAN DAN PEMBANGUNAN PENJAJA

Pada Disember 2012, nama Jabatan ditukarkan ke Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja. Bagaimanapun, pada September 2015 nama Jabatan sekali lagi ditukarkan ke Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja.

## 1.0. OBJEKTIF

Memastikan proses permohonan dan keputusan bagi semua jenis lesen perniagaan dilaksanakan mengikut piagam pelanggan serta memastikan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang dijalankan secara sistematik dalam membantu membangunkan perkembangan perniagaan secara terkawal.

## 2.0. FUNGSI JABATAN

2.1. Mencadangkan penggubalan dasar dan melaksanakan dasar pelesenan yang telah ditetapkan oleh Pentadbiran DBKL.

2.2. Memproses dan mengeluarkan lesen premis perniagaan, penjaja, peniaga kecil, lesen iklan, lesen hiburan, minuman keras dan lesen pelbagai berpandukan kepada syarat dan peraturan DBKL sebagai penguasa tempatan.

2.3. Menguatkuasakan undang-undang dan syarat-syarat semua lesen yang dikeluarkan oleh jabatan untuk mewujudkan aktiviti dan komuniti perniagaan yang lebih berdisiplin dan bertanggungjawab.

2.4. Mengawal dan memastikan amalan budaya sihat dalam komuniti perniagaan.

2.5. Merancang serta menggalakkan pertumbuhan sektor perniagaan bagi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi disamping mewujudkan suasana perniagaan yang bersih, sihat dan teratur serta mengekalkan keindahan Kuala Lumpur.

2.6. Merancang keperluan dan pembangunan pasar dan pusat penjaja yang seragam, teratur dan serba lengkap bagi mewujudkan sistem perniagaan kecil yang lebih sistematik dan bertaraf tinggi.

2.7. Bertindak sebagai sebuah Jabatan pemungut hasil DBKL dan kerajaan persekutuan melalui kutipan fi lesen dan cukai hiburan.

## 3.0. PERUNTUKAN BELANJAWAN MENGURUS

| PRESTASI BELANJAWAN JABATAN | | | |
|---|---|---|---|
| Bulan | Perbelanjaan Bulan | | Bajet Sebenar |
| | RM | % | RM |
| Januari | 3,656,971.71 | 10.32 | 35,459,900.00 |
| Februari | 4,268,240.88 | 12.04 | 35,459,900.00 |
| Mac | 2,829.212.71 | 7.98 | 35,459,900.00 |
| April | 2,614,787.49 | 7.37 | 35,943,400.00 |
| Mei | 3,103,656.27 | 8.75 | 35,943,400.00 |
| Jun | 4,669,647.41 | 13.17 | 35,847,200.00 |
| Julai | 715,001.57 | 2.02 | 36,699,900.00 |
| Ogos | 3,366,635.05 | 9.49 | 36,975,200.00 |
| September | 3,393,485.92 | 9.57 | 38,281,790.00 |
| Oktober | 1,863,781.84 | 5.26 | 39,462,820.00 |
| November | 5,207,860.66 | 12.4 | 41,913,220.00 |
| Disember | 5’361,209.90 | 13.1 | 40,988,320.00 |
| **Jumlah Terkumpul** | **38,221,248.70** | **93.25 %** | **40,988,320.00** |

## 4.0. KUTIPAN HASIL SEWAAN GERAI PASAR/PUSAT PENJAJA DBKL

| Bulan | KUTIPAN (RM) | | Jumlah Kutipan (RM) |
|---|---|---|---|
| | Semasa | Tunggakan Sewa | |
| Jan | 1,352,909.30 | 496,613.40 | 1,849,522.70 |
| Feb | 828,432. 30 | 310,483.59 | 1,138,915.89 |
| Mac | 885,102.80 | 511,147.34 | 1,396,250.14 |
| Apr | 847,181.14 | 481,545.28 | 1,328,726.42 |
| Mei | 643,536.88 | 302,004.34 | 945,541.22 |
| Jun | 571,450.68 | 274,659.05 | 846,109.73 |
| Jul | 743,729.09 | 394,575.15 | 1,138,304.24 |
| Ogos | 945,708.10 | 887,186.57 | 1,832,894.67 |
| Sept | 730,912.05 | 565,546.78 | 1,296,458.83 |
| Okt | 668,754.75 | 521,002.72 | 1,189,757.47 |
| Nov | 593,723.10 | 432,189.89 | 1,025,912.99 |
| **Jumlah** | **8,811,440.19** | **5,176,954.11** | **13,988,394.30** |

# 5.0. PENGURUSAN ADUAN

5.1. Statistik Terimaan Aduan

| Bil | Saluran/Sumber Aduan | Jumlah |
|---|---|---|
| 1. | Telefon | 156 |
| 2. | Surat | 7 |
| 3. | I-Spaaa | 741 |
| 4. | Hadir Bersemuka | 83 |
| 5. | *Facebook* | 0 |
| 6. | Akhbar | 0 |
| 7. | Lain-Lain | 2 |
| **Jumlah** | | **989** |

5.3. Statistik Aduan Mengikut Tempoh Tindakan

| BIL | KATEGORI ADUAN | JUMLAH ADUAN MENGIKUT TEMPOH TINDAKAN | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 1–3 HARI | 1–7 HARI | 1–14 HARI | >14 HARI |
| 1. | Penjaja Tanpa Lesen | 296 | - | - | - |
| 2. | Halangan | 134 | - | - | - |
| 3. | Kebersihan – Gerai kotor | 52 | - | - | - |
| 4. | Penjaja warga asing | 97 | - | - | - |
| 5. | Kacau ganggu/ bunyi bising | 77 | 2 | - | - |
| 6. | Membina sambungan haram | 5 | - | - | - |
| 7. | Saiz gerai melebihi had dibenarkan | 4 | - | - | - |
| 8. | Berniaga melebihi waktu dibenarkan | 12 | - | - | - |
| 9. | Menyewakan gerai | 4 | - | - | - |
| 10. | Tiada suntikan Ty2 | 0 | - | - | - |
| 11. | Tidak puas hati dengan tindakan DBKL | 21 | - | - | - |
| 12. | *Billboard* tanpa kelulusan | 24 | - | - | - |
| 13. | Lain-lain | 220 | - | - | - |
| | JUMLAH | 946 | 2 | - | - |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **948** | | | |

# 6.0. PEMBANGUNAN PENJAJA

6.1. Kursus Pembangunan Penjaja

| Tarikh | Perkara | Jumlah Peserta |
|---|---|---|
| 24.2.2015 | Kursus  Penjaja PT80 | 65 orang |
| 26.3.2015 | Kursus Penjaja di Dewan Komuniti Bandar Tun Razak | 110 orang |
| 7.4.2015 | Program Kursus Transformasi Bersama Persatuan Pasar Malam | 30 orang |
| 7.5.2015 | Kursus Penjaja di Dewan Komuniti Lembah Pantai | 300 orang |
| 3.6.2015 | Taklimat Bazar Ramadhan di Dewan Mestika, IDB | 465 orang |
| 11.6.2015 | Kursus Penjaja di Dewan Komuniti Sentul Perdana | 152 orang |
| 27.8.2015 | Kursus Penjaja di Bandar Tun Razak | 260 orang |
| 18.11.2015 | Taklimat Undian Penjaja Pasar Harian Selayang | 714 orang |
| **Jumlah** | | **2096 orang** |




Kursus Penjaja pada 27 Ogos 2015 di Bandar Tun Razak

6.3. Rundingan Awam

| Tarikh | Perkara | Jumlah Kehadiran |
|---|---|---|
| 28.1.2015 | Rundingan berkenaan Bazar Larut Malam | 25 orang |
| 4.2.2015 | Rundingan berkenaan Penjaja Taman Botani bersama Datuk Bandar KL | 10 orang |
| 5.2.2015 | Rundingan Mendengar bersama Penjaja Leboh Ampang | 35 orang |
| 12.2.2015 | Rundingan Awam bersama Datuk Bandar KL di Kenanga *Wholesale City* | 131 orang |
| 14.2.2015 | Rundingan bersama wakil penjaja *Uptown* Danau Kota bersama TKP (SE) | 10 orang |
| 27.2.2015 | Rundingan berkenaan Penjaja Pasar TTDI | 10 orang |

| Tarikh | Perkara | Jumlah Kehadiran |
|---|---|---|
| 23.3.2015 | Rundingan berkenaan Penjaja *Uptown* Pudu | 20 orang |
| 28.1.2015 | Rundingan berkenaan Bazar Larut Malam | 25 orang |
| 10.4.2015 | Rundingan berkenaan Bazar Ramadhan | 55 orang |
| 10.4.2015 | Perbincangan bersama Penjaja Pasar Raja Bot dan persatuan berkenaan *mockup* gerai buah dan gerai sayur | 50 orang |
| 18.4.2015 | Rundingan bersama Penjaja Jalan Duta | 7 orang |
| 20.4.2015 | Rundingan Awam bagi Cadangan Pemindahan Penjaja di Jalan Bonus, Off Jalan Raja Laut | 25 orang |
| 28.4.2015 | Rundingan Persatuan Penjaja Pasar Pudu bersama Penjaja Penjual Khinzir | 50 orang |
| 8.5.2015 | Rundingan Awam bagi Cadangan Pemindahan Penjaja di Jalan Bonus, Off Jalan Raja Laut | 26 orang |
| 18.5.2015 | *PRA-Engagement* Pasar Jalan Raja Bot | 25 orang |
| 26.5.2015 | *PRA-Engagement* Pasar Harian Selayang | 25 orang |
| 29.5.2015 | Rundingan dengan MPPP Wangsa Maju | 30 orang |
| 4.6.2015 | Rundingan Penjaja Bukit Bintang bersama Penjaja BPA | 20 orang |
| 9.6.2015 | Rundingan Awam bersama Peniaga Ayam Pasar Jalan Raja Bot | 25 orang |
| 10.6.2015 | Rundingan Awam bersama Peniaga Ayam Pasar Jalan Raja Bot | 47 orang |
| 13.6.2015 | Lawatan tapak bersama penjaja mengenai sembelihan ayam | 30 orang |
| 16.6.2015 | Rundingan Awam Pasar Karat di Auditorium DBKL | 115 orang |
| 29.6.2015 | Rundingan Awam bersama Persatuan dan Penjaja Bazaria Larut Malam Sri Rampai | 20 orang |
| 6.7.2015 | *PRA Engagement* Taman Tenaga Cheras | 30 orang |
| 7.7.2015 | Sesi Rundingan Awam Bersama Penjaja Jalan Pekeliling | 30 orang |
| 7.7.2015 | Sesi Rundingan Awam Bersama Penjaja Medan Selera Damai, Jalan Batu Bata Kuala Lumpur | 15 orang |
| 7.7.2015 | Sesi Rundingan Awam Jalan Rotan, Kg. Attap | 15 orang |
| 8.7.2015 | *PRA Engagement* Pasar Bukit Bintang | 15 orang |
| 9.7.2015 | Sesi Rundingan Awam Bersama Penjaja Gerai Tepi Jalan, Jalan Desa Jaya, Taman Desa Kuala Lumpur | 22 orang |
| 14.7.2015 | Sesi Rundingan Awam bersama penjaja bagi pelaksanaan perniagaan bergerak menggunakan caravan di Kuala Lumpur | 46 orang |

| Tarikh | Perkara | Jumlah Kehadiran |
|---|---|---|
| 24.7.2015 | Sesi Rundingan Awam bersama penjaja bagi pelaksanaan perniagaan bergerak menggunakan ***caravan*** di Kuala Lumpur (Jalan Tengah) | 30 orang |
| 24.7.2015 | Sesi Rundingan Awam bersama penjaja bagi pelaksanaan perniagaan bergerak menggunakan ***caravan*** di Kuala Lumpur (Jalan Dungun) | 30 orang |
| 4.8.2015 | Lawatan tapak dan perbincangan di Pusat Penjaja Jalan Jejaka Persatuan bersama TKSU | 25 orang |
| 7.8.2015 | Rundingan bersama Persatuan Penduduk Kecil Desa Tasik | 38 orang |
| 26.8.2015 | Sesi pundingan bersama penjaja-penjaja di Medan Bonus | 20 orang |
| 3.9.2015 | Sesi Rundingan Awam bersama penjaja yang terlibat dalam Projek Pembangunan Pusat Penjaja PPR Muhibbah | 27 orang |
| 8.9.2015 | Lawatan Deligasi Program KLRTC Pekan Sungai Besi | 45 orang |
| 14.9.2015 | Sesi Rundingan Awam bersama Penjaja Pasar Pagi Sri Petaling | 95 orang |
| 23.9.2015 | Sesi Rundingan Awam bersama penjaja Jalan Madrasah, Taman Melati, Kuala Lumpur | 35 orang |
| 13.10.2015 | Sesi Rundingan Awam bersama penjaja PT80 | 125 orang |
| 13.10.2015 | Majlis Dialog Timbalan Menteri bersama penganjur pasar malam | 200 orang |
| 3.11.2015 | Rundingan Awam bersama penduduk dan persatuan pasar pagi Bandar Tun Razak | 15 orang |
| 5.11.2015 | Rundingan Awam bersama Penjaja Lorong Tunku Abdul Rahman | 25 orang |
| 17.11.2015 | Rundingan Awam bersama Penjaja Pasar Tani Setiawangsa | 15 orang |
| 3.12.2015 | Pengurusan Program Bazar Larut Malam Dataran Wangsa | 20 orang |
| 7.12.2015 | Taklimat bersama Penganjur PMWKL | 15 orang |
| 10.12.2015 | Rundingan Awam bersama peniaga penyembelih ayam | 30 orang |
| 14.12.2015 | Majlis Dialog bersama Penjaja Lorong Haji Taib | 210 orang |
| | **JUMLAH** | **1914 orang** |




*Engagement* Datuk Bandar di *Kenanga Wholesale* pada 3.3.2015

7.5. Penempatan Semula Penjaja

**Pembangunan Naik Taraf penjaja tepi jalan ke dalam bangunan**

| Lokasi Asal | Bil. Penjaja | Tarikh | Lokasi Baru |
|---|---|---|---|
| Penjaja Jalan *Cochrane* | 16 | 7.1.2015 | Medan Penjaja Jalan *Cochrane* |
| Pasar (Tapak Sementara Perumahan Awam Desa Rejang) | 57 | 12.3.2015 | Bangunan Besar Pasar PPR Desa Rejang |
| Penjaja Jalan Pekeliling dan Jalan Pangkor | 25 | 30.11.2015 | Medan Selera Damai Jalan Batu Bata |
| Penjaja asal tapak *Pines* Bazar | 10 | 31.12.2015 | *Pines Bazar* |

Penempatan Semula Penjaja *Pines Bazar*



Lokasi Asal



Lokasi Baru

**Menaiktaraf Gerai Penjaja Tepi Jalan**

| Lokasi Sasaran | Jumlah Penjaja | Tarikh |
|---|---|---|
| Taman Desa | 30 | 1.11.2015 |
| Taman Tenaga | 50 | 1.11.2015 |
| Taman Wahyu | 14 | 30.11.2015 |
| Pasar Karat Lorong Petaling | 90 | 17.6.2015 |

**Program Naik Taraf Gerai Penjaja Tepi Jalan**





Pembinaan Tembok Batu di Pusat Penjaja Taman Tenaga pada Oktober 2015

**Program *KL Food Truck Feast* Jalan Raja Kuala Lumpur.**

Program *KL Food Truck Feast* di Jalan Raja dilaksanakan untuk membendung gejala rempit oleh remaja bermotosikal yang akan melalui jalan tersebut dari arah Dataran Merdeka. Perjanjian program ini dilaksanakan dengan jalinan kerjasama *Batu Road Retaiters Association (BARRA).*

Program ini melibatkan usahawan-usahawan sedia ada yang menjalankan perniagaan menggunakan kenderaan bergerak *(Food Truck)* dengan pelbagai menu dan jenis makanan serta minuman.







**Program *KL Food Truck Feast* Jalan Raja Kuala Lumpur**

## LAB PROGRAM BAZAR MUSIM PERAYAAN SEKITAR KUALA LUMPUR

1. Satu Program LAB Program Bazar Musim Perayaan sekitar Kuala Lumpur telah diadakan pada 24 hingga 27 November 2015 bertempat di Hotel *Grand Bluewave*, Johor Bharu.
2. Seramai 43 orang peserta yang terlibat di dalam program ini iaitu Pegawai DBKL, Jabatan Imigresen Wilayah Persekutuan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Persatuan Penjaja di Kuala Lumpur.
3. Antara tujuan Lab dan Lawatan tersebut diadakan adalah seperti berikut:-
   - 3.1 Mengenalpasti permasalahan yang berlaku sepanjang tempoh penjajaan pada bulan Ramadhan.
   - 3.2 Membuat semakan semula keatas syarat-syarat pendaftaran dan pengeluaran lesen Bazar Perayaan.
   - 3.3 Menyediakan langkah-langkah penambahbaikan untuk dilaksanakan pada pengurusan Bazar Ramadhan pada tahun hadapan.
   - 3.4 Melihat dengan lebih dekat dari segi aspek pengurusan dan aktiviti Bazar Ramadhan menerusi lawatan kerja sambil belajar ke Geylang, Singapura yang menjadi *"benchmark"* atau rujukan kepada pelaksanaan aktiviti perniagaan Bazar Ramadhan di Kuala Lumpur.



**Program Bancian Sifar Penjaja tepi jalan menjelang tahun 2020**

1. Program Bancian ini telah dijalankan pada 15 Mei 2015 hingga 31 Oktober 2015.
Jabatan pada asalnya dikenali sebagai Bahagian Kebudayaan, Pelancongan dan Sukan yang terletak di bawah Jabatan Perancangan Ekonomi dan Kemudahan Sosial. Ia telah dinaiktaraf sebagai sebuah jabatan pada 1 April 2003 dan dikenali sebagai **JABATAN KEBUDAYAAN, KESENIAN, PELANCONGAN DAN SUKAN.** Penstrukturan baru DBKL berkuatkuasa pada 1 Julai 2011 di mana Unit Pelancongan telah ditubuhkan dan dikeluarkan fungsinya daripada jabatan ini. Bermula daripada tarikh tersebut juga, jabatan ini dikenali sebagai **JABATAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN SUKAN.**

Pada Ogos 2015 Unit Pelancongan dan Unit Muzik digabungkan semula dengan jabatan ini dan dikenali sebagai **JABATAN KEBUDAYAAN, KESENIAN, PELANCONGAN DAN SUKAN.**

## 1.0. OBJEKTIF

1. Memupuk dan memperkembangkan warisan seni negara melalui nyanyian, muzik tradisional, muzik orkestra, tarian dan teater
2. Menyedia dan menguruskan kemudahan sukan dan rekreasi ke satu tahap yang sempurna dan selesa kepada warga kota Kuala Lumpur.
3. Mempertingkatkan kesedaran dan penglibatan wargakota Kuala Lumpur dan kegiatan bersukan dan rekreasi ke arah mengamalkan gaya hidup sihat.
4. Memberi kerjasama kepada institusi belia dan sukan, persatuan, NGO di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.
5. Bekerjasama dengan semua pihak bagi menjayakan program dan aktiviti berkaitan kebudayaan, kesenian, sukan dan rekreasi.

## 2.0. FUNGSI

Jabatan ini bertanggungjawab di dalam merancang, mengurus, menyelaras serta menggalakkan dan mempertingkatkan aktiviti-aktiviti kebudayaan, kesenian dan aktiviti sukan dan rekreasi di peringkat WPKL, kebangsaan dan antarabangsa. Di samping itu juga menguruskan permohonan penggunaan, penyelenggaraan dan naik taraf kemudahan sukan, pusat komuniti dan dewan serbaguna.

## 3.0. PENGURUSAN KEWANGAN

Peruntukan dan Perbelanjaan Tahun 2015 adalah seperti berikut:-

| KOD (Program Perkhidmatan Bandar) | 2015 | |
|---|---|---|
| | PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN (RM) |
| 03450 (Aktiviti Jabatan) | 32,402,000.00 | 31,791,294.01 |
| **JUMLAH** | 32,402,000.00 | 31,791,294.01 |

## 4.0. PERJAWATAN 2015

Bilangan Perjawatan Tahun 2015 adalah seperti berikut:-

| Bil. | Bahagian | Bilangan |
|---|---|---|
| 1. | Pengurusan & Profesional | 10 |
| 2. | Sokongan I | 214 |
| 3. | Sokongan II (Kumpulan D dan IMG) | 183 |
| **JUMLAH** | | **407** |

## 5.0. PENGURUSAN *VENUE* KEMUDAHAN SUKAN

Kemudahan sukan disediakan untuk kemudahan wargakota. Dijangkakan bilangan kemudahan sukan ini akan bertambah dari tahun ke tahun selaras hasrat DBKL untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat sukan bertaraf antarabangsa.

Bilangan Kemudahan Sukan Tahun 2015 adalah seperti berikut:-

| ***Venue*** | **Pengurusan (Sedia Ada)** |
|---|---|
| Stadium | 4 |
| *Velodrom* | 1 |
| Kelab Sukan | 1 |
| Kompleks Renang | 1 |
| Pusat Komuniti | 12 |
| Kompleks Sukan | 9 |
| Dewan Serbaguna | 17 |
| Gelanggang Rakyat | 1 |
| *KL International Radio Control Circuit* | 1 |
| **JUMLAH** | **47** |

## 6.0 SENARAI AKTIVITI BAHAGIAN SUKAN

| Bil. | Program | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1. | Program Senam Sihat DBKL Bersama Wargakota | Setiap Ahad | Taman Tasik Titiwangsa |
| | | | Taman Tasik Pudu Ulu |
| | | | Taman Tasik Permaisuri |
| | | | Taman Tasik Manjalara |
| | | | Taman Bukit Kiara |
| | | | Taman Bukit Jalil |
| | | | Taman Datuk Keramat |
| | | | Taman Metropolitan, Kepong |
| | | | Taman Tasik Ampang Hilir |
| 2. | Program '*Kuala Lumpur Car Free Morning*' | Setiap Ahad minggu pertama dan minggu ketiga | Dataran DBKL & Dataran Merdeka |
| 3. | *Sports TOTO – FTKLAA Cross Country 2015* | 25 Januari | Padang Merbok, Kuala Lumpur |
| 4. | *NIKE WE RUN KL 21 K 2015* | 1 Februari | Stadium Merdeka |
| 5. | Kejohanan Badminton MAKSWIP | 9 – 12 Februari | Pusat Komuniti Bandar Baru Sentul |
| 6. | Kejohanan Badminton Sirkit Kebangsaan MAYBANK Terbuka Kuala Lumpur | 11 – 15 Februari | Stadium Badminton KL |
| 7. | Program Kenduri 1 Wilayah Persekutuan | 14 Februari | Padang Bolasepak PA Sri Melaka |
| 8. | Kejohanan Kabaddi Antara Bandaraya 2015 | 19 – 22 Februari | Stadium Titiwangsa |
| 9. | Kejohanan Lawan Pedang Terbuka 2015 | 12 – 15 Mac | Stadium Titiwangsa |
| 10. | Kejohanan Bola Sepak Pekak Malaysia Ke 7 | 13 – 19 Mac | Padang Bola Sepak Taman Pudu Ulu |
| 11. | Perlumbaan *Le Tour De Langkawi 2015* | 15 Mac | Dataran Merdeka |
| 12. | Kejohanan Bola Jaring Remaja Kebangsaan 2015 | 18 – 22 Mac | Stadium Juara Bukit Kiara |
| 13. | Karnival PALAPES Peringkat Zon Tengah Siri 1/2015 | 20 – 22 Mac | Selangor |
| 14. | Kejohanan Davis Cup Zon Asia Oceania Kumpulan III 2015 | 22 – 29 Mac | Kompleks Tenis Tun Razak |
| 15. | Kejohanan Tenpin Boling (Individu) MAKSWIP 2015 | 22 – 29 Mac | *Megalanes Endah Parade* |
| 16. | Kejohanan Terbuka Sepaktakraw Wilayah Persekutuan 2015 | 27 – 29 Mac | Stadium Titiwangsa |

| BIL. | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 17. | Kejohanan Ragbi *VI Premier* 10'S Edisi Ketujuh 2015 | 11 – 12 April | Padang Ragbi *Victoria Institution* |
| 18. | Sambutan Ulangtahun ke 99 Pandu Puteri '*Girl Guides World Thinking Day & Program* '*Brisk Walk' with Mayor* | 12 April | Taman Tasik Botani Perdana |
| 19. | Kejohanan Sirkit Badminton Remaja Kebangsaan 100 Plus 2015- Zon B (Melaka) Peringkat 2 | 15 – 19 April | Dewan Badminton Gan Hong Hoe, Melaka |
| 20. | Kejohanan *Petanque* Antarabangsa Piala Datuk Bandar Kuala Lumpur | 18 – 19 April | Taman Pudu Ulu |
| 21. | Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen DBKL ke SUKANUN 2015 | 22 April | Auditorium DBKL |
| 22. | Karnival Sukan Pusat Latihan Gurney 2015 | 24 – 26 April | Brickfields Kuala Lumpur |
| 23. | Kejohanan Karate Terbuka Malaysia MILO ke 16 - 2015 | 15 – 17 Mei | Stadium Badminton Kuala Lumpur |
| 24. | *KL Tower International Towerthon Challenge 2015* | 17 Mei | Menara Kuala Lumpur |
| 25. | Kejohanan Silat Peringkat Negeri Wilayah Persekutuan | 18 – 22 Mei | Stadium Titiwangsa |
| 26. | *World Marching Band* | 11 – 15 Jun | Stadium Hoki Kuala Lumpur |
| 27. | Aktiviti ZUMBA Perdana KLOBS 2015 | 9 & 6 Ogos | Taman Tasik Perdana |
| 28. | FUN RUN KLOBS 2015 | 16 Ogos | Taman Tasik Perdana |
| 29. | Kejohanan Tenis Terbuka Kuala Lumpur | 27 – 31 Ogos | Kompleks Sukan Taman Tasik Titiwangsa |
| 30. | Program MySilat MyFest 2015 | 29 Ogos | Stadium Merdeka |
| 31. | Kejohanan Ragbi Antarabangsa 10'S 2015 | 7 – 8 September | Kelab Sukan DBKL |
| 32. | Kejuaraan Silat Antarabangsa Terbuka Malaysia 2015 | 9 -12 September | Stadium Titiwangsa |
| 33. | Kejohanan F3000 *Power Boat & Remote Control* | 19 – 20 September | Taman Tasik Metropolitan, Kepong |
| 34. | Program *Pocket Bike Challenge* Edisi Bermotor 2015 | 31 Oktober | Dataran Merdeka |
| 35. | Kejohanan *Soccer Kidz* | 7 – 8 November | Stadium Mini Setiawangsa |
| 36. | Kejohanan *Soccer Kidz* | 21 – 22 November | Stadium Mini Setiawangsa |
| 37. | Karnival Sukan Antara Jabatan DBKL 2015 | 4 – 6 Disember | Kelab Sukan DBKL |
| 38. | Kejohanan *Soccer Kidz* | 12 – 13 November | Kelab Sukan DBKL |

Senarai Aktiviti Bahagian Sukan Tahun 2015






Program '*Kuala Lumpur Car Free Morning*', Januari-Disember 2015, Dataran DBKL







Jelajah Pancing, 29 Ogos 2015, Taman Tasik Ampang Hilir

## 7.0. SENARAI AKTIVITI BAHAGIAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN TAHUN 2015

| BIL. | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 1. | Festival Kesenian @ *KL Car Free Morning* | Ahad Minggu Pertama dan Ketiga | Dataran DBKL |
| 2. | Hiburan Rakyat Senandung Budaya | Setiap Sabtu | Lanai Warisan Seni |
| 3. | *KL Street Jam* (Persembahan Kebudayaan & Kombo Budaya) | Setiap Hari Sabtu (Minggu ke2 & Ke4) | Dataran Medan Pasar |
| 4. | Mesyuarat Agung PUSPANITA KWP | 20 Januari | Auditorium |
| 5. | Majlis Makan Malam CIMB *Foundation 17$^{th}$ Asian Junior Team Championship* | 27 Januari | *The Boulevard- St Giler Premier Hotel* |
| 6. | Majlis Makan Malam *'Alcultural Show Performance' For Master Builders Association Malaysia* | 5 Februari | *The Ritz Carlton* Kuala Lumpur |
| 7. | Majlis Pelancaran Komuniti Ceria Wilayah Persekutuan | 8 Februari | Kompleks Sogo |

| BIL. | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 8. | Majlis Makan Malam Sempena Perhimpunan *Asia Organisation Of Supreme Audit Institution (ASOSAI)* Tahun 2015 | 12 Februari | Taman Botani Perdana |
| 9. | Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Kementerian Wilayah Persekutuan 2015 | 5 Mac | Dataran DBKL |
| 10. | Majlis Ramah Mesra Gong Xi Fa Chai Sempena Tahun Baru Cina | 14 Mac | Taman Permainan JDS3 |
| 11. | Majlis Persandingan Anakanda YM Tengku A'zran bin Tengku Azlan | 28 Mac | *Mandarin Oriental* Kuala Lumpur |
| 12. | Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 30 & 31 Mac | PICC Putrajaya |
| 13. | Mesyuarat Agung Tahunan AKRAB DBKL 2015 | 1 April | Auditorium Tan Sri Elyas Omar, Perpustakaan Kuala Lumpur |
| 14. | Majlis Penghargaan Meraikan Ahli PUSPANITA yang bersara dari Perkhidmatan DBKL | 8 April | Perpustakaan Kuala Lumpur |
| 15. | Semarak Bangsawan | 6 – 12 April | Auditorium DBKL |
| 16. | Majlis Makan Malam Sempena *Senior Officials Of ASEAN Capitals* | 19 April | Hotel Hilton |
| 17. | *Senior Officials Of ASEAN Capitals 2015 – Farewell Dinner* | 20 April | *Le Meridean Hotel* |
| 18. | Program Kemeriahan Transformasi Pusat Penjaja dan Seminar Khas Penjaja dan Peniaga Kecil WP 2015 Bil. 4/2015 | 24 – 26 April | Keramat Mall |
| 19. | Mesyuarat AGM Puspanita DBKL | 28 April | Auditorium DBKL |
| 20. | Majlis Sempena Anugerah Sukan Negara (ASN) 2014 | 28 April | *Hotel Dorsett*, Subang |
| 21. | *World Youth Festival (WYJF) 2015* | 30 April – 3 Mei | Jalan Mesui |
| 22. | Majlis Makan Malam ***International** Fire Exhibition IFCEM 2015* | 4 – 5 Mei | PWTC Kuala Lumpur |
| 23. | Majlis Perasmian Hartanah Bumiputera (BPEX) | 9 Mei | Pusat Pameran MidValley (MVEC) |
| 24. | Majlis Sambutan Hari Ibu 2015 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 10 Mei | Siar Kaki(Hadapan Kompleks SOGO) |
| 25. | Persembahan Kebudayaan Pembukaan Tarian 1 Malaysia Sempena *V Conference* 2015 | 13 Mei | *Spice Arena*, Pulau Pinang |

| BIL. | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 26. | Majlis Penutup Seminar Ikatan DBKL 2015 | 13 Mei | *Hotel Renaissance* Kuala Lumpur |
| 27. | Festival Kebudayaan dan Kesenian Amerika Latin | 17 Mei | *Plaza Low Yat* Bukit Bintang |
| 28. | Festival Pergelaran Budaya Hari Jadi Kota Binjai Tahun 2015 – Sempena Hari Jadi Kota Binjai ke 143 | 17 – 19 Mei | Provonsi Sumatra Urata, Indonesia |
| 29. | Majlis Sumbangan Kepada Persatuan Penduduk WPKL 2015 | 12 Mei | Stadium Titiwangsa |
| 30. | Majlis Perasmian Mesyuarat Agong Tahunan Koperasi DBKL ke-57 | 18 Mei | Stadium Titiwangsa |
| 31. | *KL Big Kitchen Festival* | 20 – 31 Mei | Dataran Merdeka |
| 32. | Majlis Makan Malam Bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur Sempena *FIABCI 66$^{th}$ World Real Estate Congress* Kuala Lumpur | 28 Mei | *Hotel Berjaya Time Square,* KL |
| 33. | Festival Bunga dan Taman Putrajaya 2015 | 30 Mei – 7 Jun | Putrajaya |
| 34. | Penggambaran Program TANWEER Siri 2 | 7 & 13 Jun | Dataran Medan Pasar dan Dataran Merdeka |
| 35. | Persembahan Untuk Majlis Penutupan Sukan SEA ke 28 Singapura 2015 | 16 Jun | Singapura |
| 36. | Program Memasak dan Pengagihan Bubur Lambuk Sempena *KL Car Free Morning* | 5 Julai | Dataran DBKL |
| 37. | Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Peringkat Wilayah Persekutuan | 4 Ogos | Dataran DBKL |
| 38. | Majlis Aidilfitri MAKSWIP 2015 | 6 Ogos | Rumah MAKSWIP |
| 39. | *KL Orchid and Bonsai Show* | 7 – 16 Ogos | Taman Botani Perdana |
| 40. | Majlis Ulang Tahun Yang ke-125 Kelab Perdana Diraja | 16 Ogos | *Royal Lake Club* Kuala Lumpur |
| 41. | Majlis Persatuan Pesara Kakitangan Malaysia | 17 Ogos | Hotel *Grand Season* Kuala Lumpur |
| 42. | Majlis Hari Raya Aidilfitri IKATAN & PERKASA 2015 | 19 Ogos | Hotel *Concorde* Kuala Lumpur |
| 43. | Majlis Makan Malam Sempena *8$^{th}$ Congress of Asian Society For Child and Adolescent Psychiatry and Allied Professions (ACAPAP 2015)* | 21 Ogos | Restoran D'Saji Tasik Titiwangsa |

| BIL | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 44. | Festival *Food Truck* dan Buah-Buahan Kuala Lumpur | 28 – 31 Ogos | Dataran DBKL |
| 45. | Majlis Makan Malam Persidangan ke-36 *Asean Inter-Parliamentary Assembly (AIPA)* | 9 September | *Everly Hotel*, Putrajaya |
| 46. | Majlis Meraikan Pesara DBKL Bagi Bil 2/2015 | 15 September | *Pacific Ballroom* |
| 47. | Majlis Makan Malam Sempena Mesyuarat Lembaga *Internasional Council For Research And Innovation In Building And Construction* | 19 Oktober | *Pullman Lakeside, Putrajaya* |
| 48. | *The 3rd Meeting Of Governors/Mayors Of Asean Capitals 2015* | 20 Oktober | *Hotel Shangri La* Kuala Lumpur |
| 49. | *Majlis Perasmian Pertandingan 'Battle Of The Tarik'* | 24 Oktober | *Quill Mall,* Kuala Lumpur |
| 50. | *Majlis Welcoming Ceremony 40th Asean Senior Transport Officials Meeting (STOM)* | 2 November | Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur |
| 51. | *Majlis Perasmian 21th Aean Transport Ministers Meeting (ATM)* | 5 November | PWTC, Kuala Lumpur |
| 52. | *Festival Gendang dan Tari Nusantara (KL Genta 2015)* | 16 – 21 Disember | Dataran Merdeka |

Antara aktiviti  yang di adakan Bahagian Sukan dan Kesenian






*KL Street Jam*, Setiap Hari Sabtu (Minggu ke 2 dan Ke 4),Dataran Medan Pasar



*KL GENTA 2015*, Dataran Merdeka Kuala Lumpur





Bengkel Asas Tari, 12 hingga 20 Mac 2015, Studio Latihan Blok A, Tasik Perdana



Bengkel Asas Muzik Gamelan, 12 hingga 20 Mac 2015,
Studio Latihan Blok A, Tasik Perdana

## 9.0. SENARAI AKTIVITI ORKESTRA KUALA LUMPUR

| BIL. | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 1. | Persembahan Sempena Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan Tahun 2015 | 1 Februari | Istana Negara |
| 2. | Perhimpunan Bulanan | Sekali setiap bulan | Auditorium DBKL |
| 3. | Majlis Makan Malam Sempena Perhimpunan *Asian Organisation of Supreme Audit Institution* | 12 Februari | Taman Botani Perdana |
| 4. | Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2014 KWPKB Bersama Agensi | 31 Mac | PICC Putrajaya |
| 5. | Konsert Orkestra Kuala Lumpur | 22 Mei | Auditorium DBKL |
| 6. | *KL Big Kitchen* | 29, 30 dan 31 Mei | Dataran Merdeka |
| 7. | Majlis Jamuan Teh DiRaja Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda YDPA XIV | 7 Jun | Istana Negara |
| 8. | Sambutan Hari Jadi TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang kali ke 77 | 6 September | *Hotel Olive Tree* Pulau Pinang |
| 9. | Sambutan Hari Jadi TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang kali ke 77 | 6 September | *Hotel Olive Tree* Pulau Pinang |
| 10. | Konsert Selasihku Sayang | 20 September | Dewan *Filharmonik* Petronas |
| 11. | Pertandingan Lagu 'Sayangi Kuala Lumpur' | 28 November | Auditorium DBKL |
| 12. | Majlis Jamuan Amal Ulang Tahun Yayasan Anak-Anak Yatim Sultanah Hamimah (YAYSH) Ke-4 Bagi Tahun 2015 | 15 Disember | *Shangri-La Hotel* Kuala Lumpur |




Klinik Muzik kepada anak-anak kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan anak-anak penghuni Perumahan Awam DBKL




Pertandingan Mencipta Lagu “Sayangi Kuala Lumpur “




Konsert Selasihku Sayang pada 20 September 2015 bertempat di Dewan *Philharmonic KLCC*

# JABATAN PERKHIDMATAN KAWASAN

Pada tahun 2015 menyaksikan penubuhan Jabatan Perkhidmatan Kawasan hasil dari penstrukturan semula organisasi DBKL. Jabatan Perkhidmatan Kawasan ditubuhkan dengan melibatkan penyusunan semula 11 buah Pejabat Cawangan yang diletakkan di bawah satu jabatan yang diketuai oleh seorang Pengarah Gred N54. Sebelum penstrukturan semula ini, Pejabat-pejabat Cawangan diletakkan secara terus di bawah Ketua Pengarah.

Rentetan penubuhan Pejabat Cawangan DBKL bermula pada tahun 1975 dengan pembukaan Pejabat Kecil Jinjang yang diletakkan di bawah Pejabat Datuk Bandar Kuala Lumpur. Pada tahun 1982 sehingga 2000, kewujudan Pejabat Cawangan DBKL terus berkembang dengan pembukaan beberapa buah Pejabat Cawangan iaitu Setapak, Kepong, Damansara (Taman Tun Dr Ismail), Bandar Tun Razak, Jalan Kelang Lama, Sri Petaling dan Pusat Bandar.

Pada tahun 2003, selaras dengan persempadanan semula Kawasan Parlimen pilihanraya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, maka Pejabat Cawangan disusun semula kepada 11 buah mengikut kawasan Parlimen iaitu Bukit Bintang, Titiwangsa, Setiawangsa, Wangsa Maju, Batu, Kepong, Segambut, Lembah Pantai, Seputeh, Bandar Tun Razak dan Cheras.

Maklumat asas kawasan parlimen setiap Pejabat Cawangan adalah seperti berikut:

| Kawasan Parlimen (Pejabat Cawangan) | Keluasan Kawasan ($Km^2$) | * Jumlah Penduduk (Orang) | ** Jumlah Pengundi Berdaftar (Orang) |
|---|---|---|---|
| Bandar Tun Razak | 38.16 | 202,300 | 67,241 |
| Wangsa Maju | 13.91 | 152,900 | 50,682 |
| Batu | 23.25 | 187,300 | 67,652 |
| Lembah Pantai | 23.25 | 155,400 | 56,562 |
| Segambut | 51.69 | 161,500 | 57,349 |
| Setiawangsa | 16.94 | 133,500 | 51,536 |
| Seputeh | 20.61 | 135,200 | 74,702 |
| Cheras | 14.44 | 120,600 | 67,794 |
| Titiwangsa | 14.41 | 116,500 | 52,017 |
| Kepong | 11.42 | 101,600 | 60,273 |
| Bukit Bintang | 16.25 | 62,000 | 65,112 |

Catatan: * Banci penduduk tahun 2000. ** Daftar pilihanraya tahun 2004.

## Peta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengikut kawasan Parlimen



## 1.0. FUNGSI-FUNGSI JABATAN

1.1. Merangka strategi pelaksanaan sebagai medium perantara dan agen pelaksanaan dasar Kerajaan.
1.2. Melaksanakan *quide* bagi meningkatkan produktiviti dalam penyampaian perkhidmatan.
1.3. Merangka mekanisme bagi memelihara harta benda Datuk Bandar.
1.4. Merancang dan melaksanakan program sosial dan kemasyarakatan.
1.5. Merancang, melaksana dan memantau kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur awam jalan dan longkang berskala kecil di kawasan parlimen.
1.6. Menyelaras dan membuat siasatan ke atas aduan awam.
1.7. Menyelaras dan melaksanakan aktiviti gotong-royong dan kemasyarakatan.
1.8. Mengenalpasti, merancang dan memantau pelaksanaan projek kecil yang disalurkan kepada penduduk dan supaya memberikan impak kepada pelaksanan dasar DBKL.
1.9. Menyelaras tindakan penguatkuasaan secara bersepadu dengan pelbagai jabatan dan agensi berkaitan.
1.10. Menerima bayaran bil setempat, lesen, bayaran perumahan DBKL, sewa dewan dan bayaran kompaun.
1.11. Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang diwakilkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.
1.12. Menyelaras dan memantau program dan aktiviti Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) diperingkat Zon dan Sub Zon.

## 2.0. PETUNJUK ARAS PRESTASI (KPI)

KPI telah disediakan oleh pihak Pengurusan DBKL dan pencapaian adalah seperti berikut:

| Bil. | Petunjuk Prestasi Utama | Sasaran | Pencapaian |
|---|---|---|---|
| 1. | Kehadiran 7 hari berkursus setahun kepada semua wargakerja Jabatan | Semua pegawai dan kakitangan | 236 orang hadir kursus (57.9%) |
| 2. | Mengekalkan persijilan MS ISO 9001:2008 | Memastikan skop persijilan dan prosedur kualiti dipatuhi tanpa pengeluaran NCR | Tiada NCR dalam sesi audit SIRIM (100%) |

## 3.0. PRESTASI BAJET DAN KEWANGAN

Jabatan Perkhidmatan Kawasan melalui Pejabat-pejabat Cawangan telah diperuntukan sebanyak RM47,560,000.00 dalam Bajet 2015 bagi tujuan bekalan dan perkhidmatan. Pada tahun 2015, Pejabat-pejabat Cawangan telah mempamerkan prestasi perbelanjaan keseluruhan yang baik iaitu RM41,927,194.58 atau 88.15% seperti berikut:

| Bil. | Pejabat Cawangan | Jumlah Peruntukan (RM) | Jumlah Perbelanjaan (RM) | Peratus (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bandar Tun Razak | 4,338,500.00 | 3,722,221.56 | 85.79 |
| 2. | Seputeh | 4,294,700.00 | 3,831,584.20 | 89.21 |
| 3. | Batu | 4,598,800.00 | 4,293,047.17 | 93.35 |
| 4. | Lembah Pantai | 4,706,900.00 | 4,237,016.59 | 90.01 |
| 5. | Cheras | 4,553,900.00 | 3,800,028.13 | 83.44 |
| 6. | Titiwangsa | 4,688,100.00 | 4,142,145.88 | 88.35 |
| 7. | Segambut | 4,167,500.00 | 3,729,818.09 | 89.49 |
| 8. | Kepong | 4,235,300.00 | 3,899,209.16 | 92.06 |
| 9. | Wangsa Maju | 4,496,400.00 | 3,780,350.91 | 84.07 |
| 10. | Bukit Bintang | 3,126,800.00 | 2,657,745.22 | 84.99 |
| 11. | Setiawangsa | 4,353,100.00 | 3,834,027.67 | 88.06 |
| | **Jumlah** | **47,560,000.00** | **41,927,194.58** | **88.15** |

## 4.0. LAPORAN AKTIVITI-AKTIVITI PEJABAT CAWANGAN

### 4.1. Program Sosial dan Gotong-Royong

Jabatan Perkhidmatan Kawasan telah melaksanakan atau membantu melaksanakan sebanyak 2,961 program kemasyarakatan pada tahun 2015 dimana 2,555 program sosial dan 406 program gotong-royong.

| Bil. | Pejabat Cawangan | Program Sosial | Gotong-royong | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bandar Tun Razak | 349 | 76 | 425 |
| 2. | Seputeh | 153 | 20 | 173 |
| 3. | Batu | 354 | 35 | 389 |
| 4. | Lembah Pantai | 181 | 29 | 210 |
| 5. | Cheras | 155 | 39 | 194 |
| 6. | Titiwangsa | 283 | 37 | 320 |
| 7. | Segambut | 187 | 39 | 226 |
| 8. | Kepong | 85 | 18 | 103 |
| 9. | Wangsa Maju | 251 | 47 | 298 |
| 10. | Bukit Bintang | 158 | 24 | 182 |
| 11. | Setiawangsa | 357 | 55 | 412 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **2,555** | **406** | **2,961** |

Bagi melaksanakan dan membantu melaksanakan program-program tersebut sebanyak RM8,766,586.26 telah dibelanjakan pada tahun 2015 dimana bantuan bekalan logistik sebanyak RM5,718,137.18, bekalan lembu/kambing sebanyak RM373,058.05 dan bekalan makanan sebanyak RM2,675,391.03.

| Bil | Pejabat Cawangan | BekalanLogistik (RM) | Bekalan Lembu/ Kambing (RM) | Bekalan Makanan (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bandar Tun Razak | 683,840.20 | 12,397.50 | 422,283.50 |
| 2. | Seputeh | 470,514.60 | 6,460.00 | 416,097.50 |
| 3. | Batu | 721,811.12 | 119,062.55 | 242,897.84 |
| 4. | Lembah Pantai | 493,114.40 | 52,899.90 | 129,935.60 |
| 5. | Cheras | 271,158.76 | 7,988.00 | 91,683.08 |
| 6. | Titiwangsa | 314,554.20 | 20,378.00 | 128,034.88 |
| 7. | Segambut | 403,516.84 | 70,093.25 | 421,470.60 |
| 8. | Kepong | 356,014.00 | - | - |
| 9. | Wangsa Maju | 625,840.00 | 19,527.50 | 221,488.30 |
| 10. | Bukit Bintang | 857,445.58 | 1,615.00 | 174,564.38 |
| 11. | Setiawangsa | 520,327.48 | 62,636.35 | 426,935.35 |
| Jumlah | | 5,718,137.18 | 373,058.05 | 426,935.35 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **RM8,766,586.26** | | |

**4.2. Projek Kecil (Bekalan dan Infrastruktur)**

Jabatan Perkhidmatan Kawasan telah menerima permohonan dan memantau pelaksanaan serta pembekalan projek kecil (infrastruktur dan bekalan) iaitu sebanyak 297 projek kecil bekalan dan 58 projek kecil infrastruktur. Aktiviti ini dilaksanakan oleh Jabatan-jabatan pelaksana seperti Jabatan Kerja Awam dan Pengangkutan Bandar, Jabatan Pembangunan Lanskap dan Rekreasi, Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan yang diselaraskan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Penyelarasan Pembangunan.

| Bil. | Pejabat Cawangan | Projek Kecil Diluluskan | |
|---|---|---|---|
| | | Bekalan | Infrastruktur |
| 1. | Bandar Tun Razak | 40 | 24 |
| 2. | Seputeh | 11 | 9 |
| 3. | Batu | 8 | 10 |
| 4. | Lembah Pantai | 7 | 8 |
| 5. | Cheras | 3 | 7 |
| 6. | Titiwangsa | 51 | 0 |
| 7. | Segambut | 5 | 0 |
| 8. | Kepong | 98 | 0 |
| 9. | Wangsa Maju | 31 | 0 |
| 10. | Bukit Bintang | 5 | 0 |
| 11. | Setiawangsa | 38 | 0 |
| **Jumlah** | | **297** | **58** |

### 4.3. Pemantauan Kawasan

Pada tahun 2015, sebanyak 17,272 kes pemantauan telah dikesan dan dilaporkan kepada Jabatan/Agensi berkaitan yang disalurkan melalui sistem aduan iSPAA kepada Jabatan pelaksana atau tindakan terus oleh Pejabat Cawangan.

| Bil. | Pejabat Cawangan | Jumlah Kes |
|---|---|---|
| 1. | Bandar Tun Razak | 1,582 |
| 2. | Seputeh | 1,130 |
| 3. | Batu | 1,029 |
| 4. | Lembah Pantai | 2,947 |
| 5. | Cheras | 2,122 |
| 6. | Titiwangsa | 3,188 |
| 7. | Segambut | 1,252 |
| 8. | Kepong | 630 |
| 9. | Wangsa Maju | 2,243 |
| 10. | Bukit Bintang | 119 |
| 11. | Setiawangsa | 1,030 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **17,272** |

### 4.4. Penurunan Iklan Haram

Pemasangan iklan-iklan haram dalam pelbagai bentuk dan kedudukan di sekitar Kuala Lumpur telah mencacatkan pemandangan dan kebersihan. Jabatan Perkhidmatan Kawasan turut mengambil tindakan membersihkan kawasan persekitaran dengan menggunakan tenaga kerja *Flying Squad* masing-masing yang mengambil tindakan pada setiap hari. Di sepanjang tahun 2015, sebanyak 1,231,296 iklan haram telah diturunkan.

| Bil. | Pejabat Cawangan | Jumlah Iklan |
|---|---|---|
| 1. | Bandar Tun Razak | 187,800 |
| 2. | Seputeh | 109,814 |
| 3. | Batu | 89,366 |
| 4. | Lembah Pantai | 104,570 |
| 5. | Cheras | 194,455 |
| 6. | Titiwangsa | 53,231 |
| 7. | Segambut | 74,662 |
| 8. | Kepong | 102,194 |
| 9. | Wangsa Maju | 123,800 |
| 10. | Bukit Bintang | 109,393 |
| 11. | Setiawangsa | 82,011 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **1,231,296** |

### 4.5. Permit Khemah Sementara

Jabatan Perkhidmatan Kawasan juga adalah bertanggungjawab mengeluarkan permit khemah sementara kepada pelbagai pihak bagi tujuan menjalankan aktiviti-aktiviti sosial seperti mengadakan majlis kenduri, majlis sambutan perayaan, upacara kematian dan majlis pembukaan premis dimana pada tahun 2015 sebanyak 479 permohonan permit khemah telah dikeluarkan oleh Pejabat Cawangan.

| Bil. | Pejabat Cawangan | Jumlah Permohonan Permit |
|---|---|---|
| 1. | Bandar Tun Razak | 67 |
| 2. | Seputeh | 52 |
| 3. | Batu | 98 |
| 4. | Lembah Pantai | 12 |
| 5. | Cheras | 28 |
| 6. | Titiwangsa | 31 |
| 7. | Segambut | 42 |
| 8. | Kepong | 83 |
| 9. | Wangsa Maju | 56 |
| 10. | Bukit Bintang | 1 |
| 11. | Setiawangsa | 9 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **479** |

**4.6. Aduan Awam**

Pada tahun 2015, sebanyak 1,490 kes aduan awam yang telah diterima oleh Jabatan Perkhidmatan Kawasan dimana aduan yang diterima akan disemak sebelum disalurkan kepada Jabatan pelaksana melalui Sistem iSPAA.

| Bil. | Pejabat Cawangan | Jumlah Aduan (Kes) |
|---|---|---|
| 1. | Bandar Tun Razak | 81 |
| 2. | Seputeh | 219 |
| 3. | Batu | 120 |
| 4. | Lembah Pantai | 31 |
| 5. | Cheras | 140 |
| 6. | Titiwangsa | 19 |
| 7. | Segambut | 239 |
| 8. | Kepong | 114 |
| 9. | Wangsa Maju | 399 |
| 10. | Bukit Bintang | 84 |
| 11. | Setiawangsa | 44 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **1,490** |

### 4.7. Penguatkuasaan

Peranan Jabatan Perkhidmatan Kawasan turut diperkasakan dengan penempatan sepasukan penguatkuasa dengan kekuatan seorang Inspektor dan 10 anggota penguatkuasa di setiap Pejabat Cawangan. Pada tahun 2015, sebanyak 380,330 notis kesalahan dan tawaran kompaun telah dikeluarkan oleh pasukan penguatkuasa yang ditempatkan di Pejabat Cawangan kepada orang ramai yang melakukan kesalahan undang-undang.

| Bil. | Pejabat Cawangan | Jumlah Pengeluaran Notis Kesalahan |
|---|---|---|
| 1. | Bandar Tun Razak | 23,851 |
| 2. | Seputeh | 29,573 |
| 3. | Batu | 57,366 |
| 4. | Lembah Pantai | 23,346 |
| 5. | Cheras | 25,939 |
| 6. | Titiwangsa | 57,956 |
| 7. | Segambut | 19,000 |
| 8. | Kepong | 35,347 |
| 9. | Wangsa Maju | 19,210 |
| 10. | Bukit Bintang | 64,501 |
| 11. | Setiawangsa | 24,241 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **380,330** |

### 4.8. Kutipan Kaunter Bayaran

Jabatan Perkhidmatan Kawasan turut menyediakan kaunter bayaran untuk perkhidmatan orang ramai membayar cukai, lesen, bil utiliti dan sebagainya di semua Pejabat Cawangan kecuali Pejabat Cawangan Bukit Bintang. Pada tahun 2015, sebanyak RM147,800,144.72 telah dipungut melalui kutipan kaunter bayaran tersebut.

| Bil. | Pejabat Cawangan | Jumlah Kutipan (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Bandar Tun Razak | 15,134,107.71 |
| 2. | Seputeh | 35,251,768.64 |
| 3. | Batu | 15,218,426.78 |
| 4. | Lembah Pantai | 6,374,053.28 |
| 5. | Cheras | 9,580,400.03 |
| 6. | Titiwangsa | 805,000.32 |
| 7. | Segambut | 27,531,266.32 |
| 8. | Kepong | 18,240,369.81 |
| 9. | Wangsa Maju | 6,057,506.80 |
| 10. | Bukit Bintang * | - |
| 11. | Setiawangsa | 13,607,245.03 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **147,800,144.72** |

**4.9. Penyelenggaraan Kecil Jalan dan Longkang**

Bagi mempercepatkan tindakan ke atas pembaikan kerosakan-kerosakan kecil jalan dan longkang, Jabatan Perkhidmatan Kawasan telah diberikan satu panel Kontraktor oleh Jabatan Kerja Awam dan Pengangkutan Bandar untuk melaksanakan tindakan pembaikan berskala kecil. Pada tahun 2015, sebanyak 335 kerja kecil penyelenggaraan jalan dan longkang telah dilaksanakan iaitu 169 penyelenggaraan jalan dan 166 penyelenggaraan longkang.

| Bil. | Pejabat Cawangan | Jenis Kerja | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | | Jalan | Longkang | |
| 1. | Bandar Tun Razak | 2 | 15 | 17 |
| 2. | Seputeh | 62 | 5 | 67 |
| 3. | Batu | 15 | 3 | 18 |
| 4. | Lembah Pantai | 1 | 8 | 9 |
| 5. | Cheras | 10 | 16 | 26 |
| 6. | Titiwangsa | 17 | 11 | 28 |
| 7. | Segambut | 72 | 43 | 115 |
| 8. | Kepong | 13 | 21 | 34 |
| 9. | Wangsa Maju | 9 | 28 | 37 |
| 10. | Bukit Bintang | 0 | 0 | 0 |
| 11. | Setiawangsa | 18 | 21 | 39 |
| | **Jumlah** | **169** | **166** | **335** |

### 4.10. Permohonan Ubah Suai Kecil Rumah Kediaman

Pada tahun 2015, Jabatan Perkhidmatan Kawasan telah memproses sebanyak 173 permohonan ubahsuai kecil rumah kediaman (Kategori B2). Walau bagaimanapun, aktiviti ini telah dihentikan dan dipindahkan kembali ke Jabatan Kawalan dan Pengawasan Bangunan mulai Mei 2015 dimana semua permohonan ini perlu dikemukakan melalui Pusat Setempat (OSC) di Menara DBKL 2.

| Bil. | Pejabat Cawangan | Bil. Permohonan | Zon Urusetia Mesyuarat JURK | Jumlah Permohonan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bandar Tun Razak | 28 | JURK Zon Bandar Tun Razak | 94 |
| 2. | Seputeh | 46 | | |
| 3. | Cheras | 20 | | |
| 4. | Bukit Bintang | 0 | | |
| 5. | Lembah Pantai | 3 | JURK Zon Segambut | 32 |
| 6. | Kepong | 2 | | |
| 7. | Segambut | 27 | | |
| 8. | Titiwangsa | 3 | JURK Zon Setiawangsa | 47 |
| 9. | Wangsa Maju | 14 | | |
| 10. | Batu | 21 | | |
| 11. | Setiawangsa | 9 | | |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | | **173** |

*Catatan: Permohonan sehingga April 2015.*

## 5.0. PROGRAM KHUSUS DI BAWAH KEMENTERIAN WILAYAHPERSEKUTUAN

### 5.1. Program Kenduri 1 Wilayah Persekutuan 2015

Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melaksanakan Program Kenduri 1 Wilayah Persekutuan sempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2015 dengan tema “Ceria”. Walau bagaimanapun, satu program sahaja dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertempat  Padang Perumahan Awam Seri Melaka, Bandar Tun Razak pada 14 Febuari 2015. Ini sebagai tanda simpati susulan tragedi banjir besar yang melanda negara khususnya negeri-negeri di Pantai Timur.

Program Kenduri 1 Wilayah peringkat Kuala Lumpur ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor Menteri Wilayah Persekutuan yang turut dihadiri oleh YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan, Datuk Bandar Kuala Lumpur serta Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan para pegawai kanan Agensi dibawahnya. Program telah mendapat sambutan yang baik dimana lebih dari 3,000

tetamu telah hadir yang dipenuhi dengan beberapa acara seperti sukaneka, persembahan pentas, gerai pameran, pertandingan sukan, konti Radio KLFM, cabutan bertuah, gotong-royong memasak dan jamuan rakyat. Pejabat Cawangan Bandar Tun Razak turut terlibat dalam pelaksanaan program ini.

**5.2. Program Nur Ramadan 2015**

Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Kawasan melalui Pejabat-pejabat Cawangan telah melaksanakan Program Nur Ramadan dengan penganjuran majlis berbuka puasa atau majlis moreh di setiap kawasan Parlimen. YB Menteri Wilayah Persekutuan telah hadir di setiap kawasan Parlimen untuk menyertai program ini dengan jadual pelaksanaan seperti berikut:

| Bil. | Parlimen | Lokasi | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Wangsa Maju | Masjid Salahuddin Al-Ayubi, Taman Melati | 9 Julai 2015 |
| 2. | Cheras | Madrasatul Islamiyah, Kg. Cheras Baru | 6 Julai 2015 |
| 3. | Batu | Surau Al Hikmah, PPR Beringin | 1 Julai 2015 |
| 4. | Segambut | Masjid Al-Iman Al-Ghazali, Bandar Manjalara | 8 Julai 2015 |
| 5. | Seputeh | Masjid Taman Salak Jaya | 23 Jun 2015 |
| 6. | Lembah Pantai | Perumahan Awam Sri Pahang | 23 Jun 2015 |
| 7. | Titiwangsa | Masjid Imam Al-Ash Shafie, Taman Maluri | 29 Jun 2015 |
| 8. | Bukit Bintang | Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, Jalan Hang Tuah | 29 Jun 2015 |
| 9. | Kepong | Surau Al-Islah Addiniyah, Kepong Baru | 1 Julai 2015 |
| 10. | Setiawangsa | Surau At Taqwa, PPR Kg Baru Air Panas | 8 Julai 2015 |
| 11. | Bandar Tun Razak | Masjid Al-Khasyi'in,Desa Petaling | 6 Julai 2015 |

**5.3. Program Kebersihan Perbandaran (Gotong-royong 1 Wilayah 2015)**

Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Kawasan melalui Pejabat-pejabat Cawangan telah melaksanakan Program Kebersihan Perbandaran (Gotong-royong 1 Wilayah) di setiap kawasan Parlimen. Peruntukan kewangan sebanyak RM10,000.00 bagi setiap kawasan telah disalurkan dengan jadual pelaksanaan seperti berikut:

| Bil. | Pejabat Cawangan | Lokasi | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Wangsa Maju | Taman Bunga Raya | 26 Disember 2015 |
| 2. | Cheras | Apartment Cheras Ria | 6 Disember 2015 |
| 3. | Batu | PPR Beringin | 19 Disember 2015 |
| 4. | Segambut | Balai Bomba Desa Sri Hartamas | 21 November 2015 |
| 5. | Seputeh | Pasar Pagi OUG | 30 November 2015 |
| 6. | Lembah Pantai | Perpustakaan 1 Wilayah, Pantai Dalam | 31 Oktober 2015 |
| 7. | Titiwangsa | Jalan Perkasa 1, Taman Maluri | 25 Oktober 2015 |
| 8. | Bukit Bintang | Medan Kasih, Lorong Medan Tuanku 2 | 29 November 2015 |
| 9. | Kepong | Jalan Antoi 2, Kepong Baru | 22 Ogos 2015 |
| 10. | Setiawangsa | PPR Seri Semarak, Setapak | 7 November 2015 |
| 11. | Bandar Tun Razak | Taman Desa Cheras | 26 Disember 2015 |

**5.4. Program 1 Parlimen 1 Kemahiran (1P1K)**

Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Kawasan melalui Pejabat Cawangan telah melaksanakan Program 1 Kemahiran 1 Parlimen (1P1K) di beberapa kawasan Parlimen dengan matlamat khususnya bagi mempertingkatkan pengetahuan dan ekonomi Bumiputera di Wilayah Persekutuan seperti berikut:

| Bil. | Pejabat Cawangan | Nama Kursus | Bilangan Peserta |
|---|---|---|---|
| 1. | Wangsa Maju | Grafik Komputer | 6 |
| 2. | Cheras | Kesihatan dan Kecantikan Urutan Terapi | 20 |
| 3. | Batu | Automotif | 15 |
| 4. | Seputeh | Kulinari | 15 |
| 5. | Lembah Pantai | Jahitan Pakaian Wanita | 15 |
| 6. | Titiwangsa | Bakeri | 12 |
| 7. | Bukit Bintang | Kesihatan dan Kecantikan | 25 |
| 8. | Setiawangsa | Terapi Spa dan Rawatan Selepas Bersalin | 18 |

Pada tahun 2015, kursus teknikal telah dijalankan dengan kerjasama Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Lumpur, manakala yang lain telah dijalankan oleh syarikat yang dilantik dibeberapa pusat latihan yang ditetapkan. Para peserta yang terlibat dilengkapkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Satu Majlis Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Para Peserta Program ini telah diadakan di Dewan Mestika, Institut Latihan DBKL, Bandar Tun Razak pada 8 Disember.

### 5.5. Program Forum Ilmu

Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Kawasan khususnya Pejabat Cawangan Bandar Tun Razak telah melaksanakan Program Forum Ilmu bertajuk “30 Minit Bersama Ustaz Don” bertempat di Masjid Saidina Othman Ibnu Affan, Bandar Tun Razak pada 21 Ogos 2015. Program telah mendapat sambutan yang baik dengan kehadiran 1,000 tetamu.

### 5.6. Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPP)

KWP telah melancarkan secara rasmi penubuhan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada April 2014. Majlis Penyerahan Watikah dan Surat Lantikan Ahli MPP telah disempurnakan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor di PICC, Putrajaya. Pejabat-pejabat Cawangan adalah berperanan memantau, menyelia, menasihat dan membantu mempromosikan MPP di peringkat Sub Zon dan Zon masing-masing. Jumlah MPP Sub Zon adalah seperti berikut:

| Bil. | Pejabat Cawangan (Zon) | Bilangan Sub Zon | Bilangan aktiviti dijalankan |
|---|---|---|---|
| 1. | Bandar Tun Razak | 10 | 70 |
| 2. | Wangsa Maju | 8 | 52 |
| 3. | Cheras | 4 | 35 |
| 4. | Batu | 6 | 12 |
| 5. | Segambut | 5 | 22 |
| 6. | Seputeh | 4 | 27 |
| 7. | Lembah Pantai | 6 | 19 |
| 8. | Titiwangsa | 4 | 29 |
| 9. | Bukit Bintang | 2 | 1 |
| 10. | Kepong | 3 | 31 |
| 11. | Setiawangsa | 5 | 17 |
| | **Jumlah** | **57** | **315** |

**5.7. Majlis Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan (MPPPK)**

Kementerian Wilayah Persekutuan telah menubuhkan Majlis Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil (MPPPK) Wilayah Persekutuan pada tahun 2012. Jabatan Perkhidmatan Kawasan melalui Pejabat Cawangan telah diberikan peranan mempengerusikan MPPPK serta menjalankan aktiviti di peringkat Zon. Sepanjang tahun 2015, MPPPK Zon telah mengadakan mesyuarat secara berkala dan aktiviti seperti berikut:

| Bil. | Pejabat Cawangan | Zon MPPPK | Jumlah Mesyuarat MPPPK |
|---|---|---|---|
| 1. | Seputeh | MPPPK Zon 1 (Pengurus Kawasan Seputeh – Pengerusi) | 4 Kali |
| 2. | Bandar Tun Razak | | |
| 3. | Cheras | | |
| 4. | Lembah Pantai | MPPPK Zon 2 (Pengurus Kawasan Lembah Pantai –Pengerusi) | 3 Kali |
| 5. | Bukit Bintang | | |
| 6. | Setiawangsa | MPPPK Zon 3 (Pengurus Kawasan Setiawangsa –Pengerusi) | 5 Kali |
| 7. | Wangsa maju | | |
| 8. | Titiwangsa | | |
| 9. | Segambut | MPPPK Zon 4 (Pengurus Kawasan Segambut – Pengerusi) | 5 kali |
| 10. | Kepong | | |
| 11. | Batu | | |

## 6.0. AKTIVITI-AKTIVITI LAIN

### 6.1. *Blueprint* Kebersihan dan Penarafan Kawasan

DBKL telah melaksanakan *Blueprint* Kebersihan Kawasan bertujuan untuk menaiktaraf status kebersihan dan keindahan bandaraya Kuala Lumpur. Bagi tujuan sesuatu kawasan dipilih sebagai satu penanda aras (*benchmark*) status kebersihan dan keindahan Kuala Lumpur. Terdapat 5 eleman yang ditetapkan dalam pelaksanaan *Blueprint* ini iaitu:

i. Menambahbaik pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bagi menilai tahap perkhidmatan Alam Flora Sdn Bhd dan SWCorp.
ii. Menambahbaik infrastruktur awam.
iii. Meningkatkan tahap kesedaran awam terhadap kebersihan melalui sesi *engagement* bersama pihak berkepentingan.
iv. Menyepadukan dan mengkoordinasikan tindakan penguatkuasaan bersama Jabatan/agensi berkaitan.
v. Memperkasakan fungsi dan peranan Pejabat Cawangan.

Selain itu, satu mekanisme penarafan kebersihan kawasan juga diperkenalkan bagi menilai tahap kebersihan dan persekitaran sesuatu kawasan. Penarafan dibuat mengikut skala pemarkahan tertentu mengikut 4 tahap iaitu Tahap A (Bersih/Hijau), Tahap B (Sederhana Bersih/B), Tahap C (Kurang Bersih/C) dan Tahap D (Tidak Bersih/Merah).

Jabatan Perkhidmatan Kawasan melalui Pejabat Cawangan telah terlibat secara langsung dalam usaha ini, dimana pelaksanaan secara berperingkat melalui tiga Fasa di tiga lokasi yang dipilih. Bagi Fasa 1, setiap Pejabat Cawangan telah mengenalpasti lokasi yang berkaitan dan program bermula pada Julai 2015. Manakala program Fasa 2 dan 3 akan diteruskan pada tahun 2016. Lokasi pelaksanaan *Blueprint* Kebersihan bagi Fasa 1 adalah seperti berikut:

| Bil. | Parlimen | Lokasi *Blueprint* |
|---|---|---|
| 1. | Cheras | Taman Segar |
| 2. | Kepong | Jalan Kepong |
| 3. | Bukit Bintang | Brickfields |
| 4. | Lembah Pantai | Bangsar Baru |
| 5. | Setiawangsa | Sri Rampai Business Park |
| 6. | Seputeh | Sri Petaling |
| 7. | Titiwangsa | Desa Pandan |
| 8. | Wangsa Maju | Wangsa Setia |
| 9. | Batu | Sri Utara Business Park |
| 10. | Segambut | Desa Sri Hartamas |
| 11. | Bandar Tun Razak | Bandar Sri Permaisuri |

Lokasi Pelaksanaan *Blueprint* Kebersihan

### 6.2. Retreat Jabatan

Jabatan Perkhidmatan Kawasan telah mengadakan 2 retreat pada tahun 2015 iaitu:

i. Bengkel Penyediaan Garis Panduan Bantuan Program Sosial bertempat di Hotel *Lexis*, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 17 – 19 Mei 2015.

ii. Retreat Memperkasakan Pejabat Cawangan bertempat di Hotel *Orient Star*, Lumut, Perak pada 12 – 15 Disember 2015.

Kedua-dua *retreat* bertujuan untuk memperkemaskan dan memantapkan pengurusan Jabatan dalam urusan tugasan harian.





Program Sosial Dan Kemasyarakatan






Program Gotong-Royong





Aktiviti Penguatkuasaan






Aktiviti Penurunan Iklan Haram




**Forum Ilmu "30 Minit Bersama Ustaz Don" di Masjid Saidina Othman bin Affan, Bandar Tun Razak**




**Aktiviti Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) WP Kuala Lumpur**





**Majlis Pelancaran *Blueprint* Kebersihan dan Penarafan Kawasan Kuala Lumpur di Sri Hartamas, Kuala Lumpur**




**Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (Program 1 Parlimen 1 Kemahiran – 1P1K)**






Majlis Penyampaian Sijil Tamat Latihan
Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PROGRAM 1P1K)






Retreat Penyediaan Garis Panduan Bantuan Program Sosial

# JABATAN PENGURUSAN PERUMAHAN & PEMBANGUNAN KOMUNITI

Jabatan Pengurusan Perumahan (JPPP) DBKL ditubuhkan pada awal 1980'an sebelumnya di bawah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Urusetia Bandaraya. Mulai 1 Julai 2011, Jabatan Pengurusan Perumahan dan Jabatan Pembangunan Komuniti dan Sosial telah bergabung menjadi Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti (JPPPK). Perpustakaan Kuala Lumpur (PKL) telah bergabung dengan Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti pada 1 Ogos 2015.

## 1.0. FUNGSI JABATAN

i) Mengurus Perumahan Awam dan Program Perumahan Rakyat (PPR)

ii) Menguruskan penjualan rumah kos rendah / sederhana

iii) Mengurus pendaftaran permohonan rumah sewa dan jual melalui Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT)

iv) Menawar dan menguruskan penyewaan perumahan awam DBKL (Unit Awam dan Penempatan Semula Setinggan)

v) Mewujudkan suasana harmoni dikalangan penghuni dengan merancang, menyediakan dan melaksanakan program-program sosial, keagamaan dan lain-lain kepada penghuni Perumahan Awam DBKL

vi) Menjadi Perbadanan Pengurusan (MC) Sementara bagi rumah jual DBKL sebelum Hakmilik Strata dikeluarkan

## 2.0. MAKLUMAT PROGRAM / AKTIVITI UTAMA JABATAN

### 2.1. Unit Pentadbiran - Seksyen *Housing Operational Centre* (H.O.C)

#### 2.1.1. Pengurusan Aduan Awam

Seksyen H.O.C ditubuhkan adalah bertujuan mengemaskini aduan dari segi pengagihan maklumat aduan , maklumbalas jawapan dan pelaporan secara bersistematik dan efisyen. Seiring dengan kemajuan sistem maklumat, Seksyen H.O.C berperanan dalam memberi maklumbalas kepada aduan yang diterima melalui pelbagai saluran daripada media elektronik dan media massa, Sistem aduan ISPAAA, Sistem E-Perumahan dan yang terima terus daripada orang awam.

Untuk makluman, pada tahun 2015 Pihak Jabatan menerima sebanyak 14354 aduan yang telah direkodkan dalam sistem E-Perumahan. Sebanyak 7226 aduan telah berjaya diselesaikan, 6970 masih dalam dan tindakan 123 aduan adalah tidak berkaitan.

### 2.1.2. Jenis Aduan Mengikut Kategori

| Bil. | Jenis Aduan | Jumlah Aduan diterima | Aduan Selesai | Aduan Belum Selesai |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penyelenggaraan | 13709 | 6818 | 6889 |
| 2. | Penguatkuasaan | 179 | 126 | 53 |
| 3. | Peruntukan Rumah Sewa | 178 | 168 | 10 |
| 4. | Pentadbiran/Pegurusan Zon | 65 | 49 | 16 |
| 5. | Bahagian Jualan | 7 | 2 | 5 |
| 6. | Kewangan | 44 | 2 | 42 |
| 7. | Pembangunan Komuniti | 3 | 2 | 1 |
| 8. | Teknologi Maklumat | 46 | 45 | 1 |
| 9. | Aduan Tidak Berkaitan | 123 | 123 | - |
| **Jumlah** | | **14354** | **7335** | **7019** |

Jumlah Aduan e-Perumahan yang diterima

### 2.1.4. Penambahbaikan

i. Jabatan telah membuat penambahbaikan bagi menangani menyelesaikan aduan yang diterima iaitu dengan mengadakan `*Task Force'* bagi aduan yang tertunggak.

ii. Meningkatkan Sistem E-Perumahan dengan menambah Modul Jualan bagi mengasingkan unit yang dijual dan disewa agar meminimumkan penyelenggaraan kerosakan yang bukan dibawah tanggungjawab Jabatan.

iii. Mengadakan Mesyuarat Pelaporan secara bulanan sepanjang tahun 2016 bagi mengelakkan aduan tertunggak melebihi masa yang telah ditetapkan.

iv. Mewujudkan Jawatankuasa H.O.C bagi menyelesaikan aduan yang memerlukan keputusan Pihak Pengurusan Tertinggi.

a) **Bilik *Housing Operational Center* (HOC) di Tingkat 5, Menara DBKL 3**



Bilik HOC

b) **Kaunter Khidmat Pelanggan di Lobi Menara DBKL 3**




Kaunter Perkhidmatan

### 2.2. Bahagian Penyelenggaraan

#### 2.2.1. Aduan penyelenggaraan

Bahagian ini telah menerima aduan penyelenggaraan melalui 2 saluran iaitu sistem ISPAAA dan sistem E-Perumahan. Jumlah aduan yang diterima sepanjang tahun 2015 melalui sistem ISPAAA adalah sebanyak 587 aduan dan melalui Sistem E-Perumahan sebanyak 14,354 aduan. Selain daripada melaksanakan kerja baikpulih berdasarkan aduan, Bahagian Penyenggaraan melaksanakan kerja operasi dan juga pembangunan baru kemudahan gunasama. Kerja operasi melibatkan baikpulih kerosakan, servis berkala, naik taraf perlindungan anti-vandalisme dan juga penggantian.




Jumlah Aduan

**2.2.2. Kerja-kerja Operasi**

Bahagian ini juga telah menguruskan kerja-kerja baikpulih kerosakan yang melibatkan gunasama, dalam unit dan unit kosong di sepanjang tahun 2015 dengan kos sebanyak RM59.71 juta

| Keterangan Kerja | PPR/Kos (RM) | PA/Kos (RM) |
|---|---|---|
| Kerja Awam | 17.23 juta | 18.65 juta |
| Kerja Elektrik | 7.98 juta | 2.68 juta |
| Kerja Mekanikal (Pam, *Fire Fighting* dan Penghawa Dingin) | 2.52 juta | 1.60 juta |
| SWB | 2.96 juta | 2.24 juta |
| Lif | 2.04 juta | 1.79 juta |
| **Jumlah Kos Baikpulih** | **32.74 juta** | **26.97 juta** |

Kos Baikpulih

**2.2.3. Kerja-Kerja Pembangunan / Projek Kecil / Orang Kurang Upaya (OKU) / PPR Bukit Jalil**

Sebanyak RM 26.73 juta telah dibelanjakan untuk tahun 2015 bagi melaksanakan kerja-kerja Projek Kecil, Pembangunan OKU dan beberapa projek naik taraf seperti berikut :

| Keterangan Kerja | PPR/Kos (RM) |
|---|---|
| Projek Kecil | 5.27 juta |
| Pembangunan OKU | 0.20 juta |
| Penggantian Lif | 9.75 juta |
| Baik Pulih PPR Bukit Jalil | 3.50 juta |
| Baik Pulih Blok F PPR Muhibbah | 5.87 juta |
| Naik Taraf Lif | 1.44 juta |
| Naik Taraf Pam | 0.70 juta |
| **Jumlah Kos Perbelanjaan** | **26.73 juta** |

Jumlah Kos Perbelanjaan bagi Kerja-kerja Projek

## 2.3. Bahagian Peruntukan Rumah Jual

- Penjualan PPR (MTEN) dan Perumahan Awam DBKL

### 2.3.1. Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Penjualan PPR MTEN dan Perumahan Awam DBKL

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Sosio-ekonomi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan terdiri daripada ahli-ahli dalam jawatankuasa tersebut antaranya wakil daripada Kementerian Wilayah Persekutuan, Jabatan Perumahan Negara (KKBPKT), Jabatan Perancangan Ekonomi dan Penyelarasan Pembangunan (DBKL) dan Jabatan Kewangan (DBKL). Semua permohonan untuk membeli perumahan ini akan diproses dan diputuskan oleh Jawatankuasa Pemilihan sebelum senarai nama yang layak dibawa untuk diperakukan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan.

Bagi tahun 2015, sebanyak 3 kali Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan telah diadakan pada tarikh-tarikh berikut :

| BIL | MESYUARAT JAWATANKUASA PEMILIHAN | TARIKH |
|---|---|---|
Sebanyak 34 blok perumahan kos rendah dan sederhana sekitar Kuala Lumpur telah diselenggara yang merangkumi kerja-kerja mengecat semula dan penggantian bumbung di bawah Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia. Jabatan telah berjaya membelanjakan peruntukan sebanyak RM5,848,773.



Pangsapuri Sri Batu Blok B



Pangsapuri Teratai Mewah Blok A & B



Apartment Segar Blok A




Apartment *Forlong* Setapak

"Bersedia Menyumbang Bandaraya Cemerlang"




# SEKTOR PERANCANGAN

# JABATAN PERANCANGAN FIZIKAL

## 1.0. LATAR BELAKANG

Jabatan Perancangan Fizikal adalah sebuah jabatan yang bertanggungjawab menyediakan, mengemaskini dan melaksanakan pelan-pelan pembangunan untuk kemajuan Kuala Lumpur. Pelan-pelan ini terdiri daripada Pelan Struktur dan Pelan Tempatan.

Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL2020) merupakan pelan struktur kedua yang telah diwartakan pemakaiannya pada bulan November 2004. PSKL2020 menetapkan wawasan, objektif dan strategi serta dasar-dasar pembangunan yang menjadi hala tuju pembangunan Kuala Lumpur sebagai sebuah Bandar Raya Bertaraf Dunia menjelang tahun 2020.

Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (DPBRKL2020) adalah pelan tempatan bagi Kuala Lumpur yang merupakan pelan pelaksanaan bagi menterjemah strategi serta dasar-dasar pembangunan dalam PSKL 2020 untuk mencapai wawasan yang di tetapkan.

Draf PBRKL2020 adalah pelan terperinci berasaskan lot yang menentukan zon gunatanah, intensiti pembangunan, kelas kegunaan dan garis panduan perancangan untuk kegunaan kawalan pembangunan. Pelan tempatan DPBRKL2020 ini mempunyai 2 jilid, Jilid 1 menggariskan 8 teras pembangunan dan 24 hala tuju strategik dan 78 initiatif pembangunan yang merupakan rangka asas bagi menguruskan pertumbuhan Kuala Lumpur pada masa hadapan. Jilid 2 adalah Pelan Kawalan Pembangunan Kuala Lumpur, memberi perincian intensiti pembangunan dan kegunaan tanah yang terbaik. Penyediaan pelan ini telah melalui proses penglibatan awam dari pelbagai lapisan masyarakat.

Jabatan ini juga dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan melaksanakan Ekonomi Transformasi Negara di bawah inisiatif *Greater* KL/KV selaku urusetia kepada projek-projek *"Entry Point"* di peringkat DBKL seperti *River of Life*, *Heritage Trail, Iconic Places, Greener* KL dan *Pedestrian Network* KL.

Di samping itu, pejabat *Local* Agenda 21(LA21 KL) juga ditempatkan di bawah jabatan ini. Ianya selaku urusetia melaksanakan program berkonsepkan perkongsian pintar dari pihak persatuan penduduk, swasta, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Komuniti dan NGO.

## 2.0. BAHAGIAN PERANCANGAN PELAN (BPP)

BPP terlibat dalam aktiviti penyediaan pelan pembangunan yang terdiri daripada pelan struktur, pelan tempatan, pelan susunatur, pelaksanaan dan pemantauan perancangan, kajian sektoral serta program-program publisiti dan penyertaan awam.

**2.1. Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020**

DBKL telah menyediakan draf pelan tempatan bagi Kuala Lumpur yang dikenali sebagai Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020) mengikut peruntukan Seksyen 13 hingga Seksyen 16 Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan, 1982 (Akta 267).




Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020)

**2.2. Laporan Penilaian Perancangan**

Laporan penilaian perancangan untuk pertimbangan mesyuarat jawatankuasa pusat setempat JKPS I (bagi projek pembangunan berskala besar) dan JKPS II (bagi projek pembangunan berskala sederhana dan kecil). OSC I & OSC II disediakan 4 kali setahun iaitu pada bulan Mac, Jun, September dan Disember bagi melihat pencapaian ketepatan masa memproses mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Penyediaan Ulasan Penilaian Perancangan dalam jangka masa tujuh (7) hari kalendar merupakan Prosedur Kualiti Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti DBKL mengikut standard MS ISO 9001:2008 bagi Jabatan Perancangan Fizikal. Pencapaian penyediaan ulasan penilaian perancangan yang diterima adalah sebanyak 990. Bagi projek pembangunan berskala besar sebanyak 475 manakala projek pembangunan berskala sederhana dan kecil sebanyak 515 projek.

**2.3. Garis Panduan Reka Bentuk Bandar di Pusat Bandar Kuala Lumpur**

Garis Panduan Reka Bentuk Bandar, Pusat Bandar Kuala Lumpur (GPRBKL) telah dilancarkan oleh YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 22 September 2014 bertempat di Auditorium Perpustakaan Kuala Lumpur.

Garis Panduan Reka Bentuk Bandar disediakan berdasarkan empat (4) teras utama iaitu: Perancangan Gunatanah dan Fizikal, Jaringan Pergerakan Dan Kemudahsampaian, Imej dan Identiti, Sejarah dan Warisan untuk -.







Buku Garis Panduan Reka Bentuk Bandar, Pusat Bandar Kuala Lumpur (GPRBKL)

Garis Panduan Reka Bentuk Bandar terdiri daripada dua (2) jilid laporan bermatlamat untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang dinamik, sejahtera dan mapan di samping mempunyai identiti yang unik dan reka bentuk yang menarik.

Dari aspek pelaksanaan, pelan tindakan berpandukan Garis Panduan Reka Bentuk Bandar, Pusat Bandar Kuala Lumpur, Zon-Zon Kawasan *Precint* dan Ruang-Ruang serta Elemen-Elemen Pembandaran telah pun disediakan antaranya Laman Medan Tuanku, Laman Sultan Ismail, Pusat Gelandangan Medan Tuanku, Pelan Tindakan Bukit Bintang *Enclave* dan Pelan Tindakan Naik Taraf Jalan TAR.

**2.4. Pembangunan Kejiranan dan Teknologi Hijau**

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melaporkan pelaksanaan inisiatif Pembangunan Kejiranan dan Hijau pada Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan dan Pelaksanaan Teknologi Hijau Wilayah Persekutuan.

**2.5. Penyertaan Lima (5) Inisiatif Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau**

Sempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2015, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah merangkul tempat pertama bagi kategori penyediaan laluan pejalan kaki dan penyediaan laluan basikal bagi Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau 2015 dan merangkul Anugerah *Minister Award* Untuk *Best Overall Performance* 2015 pada 3 November 2015 di JW Marriot Hotel.




Hari Perancangan Bandar Sedunia 2015 di JW Marriot Hotel.

**2.6. Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030**

Penyediaan Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 bertujuan untuk mengukur tahap pembebasan karbon dan selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai 40 peratus pengurangan pembebasan karbon menjelang tahun 2020.

Status kajian ini adalah dalam pelantikan perunding bagi menjalankan kajian bagi mengurangkan pembebasan karbon sehingga 50 peratus pada tahun 2030 dengan melibatkan semua pihak berkepentingan terutama masyarakat untuk menjaga dan memelihara alam sekitar ke arah bandar raya yang mampan dan berdaya huni.

**2.7. Sekretariat Pelaksanaan Petunjuk Bandar Sejahtera dan Bandar Mampan (MURNInets)**

Jabatan bertindak sebagai sekretariat pelaksanaan MURNInets. Laporan Petunjuk Bandar Sejahtera 2014 petunjuk yang digunapakai dalam Pelaksanaan Petunjuk Bandar Sejahtera bagi Bandar Raya Kuala Lumpur terdiri daripada sebelas (11) sektor perancangan dan meliputi 109 Petunjuk Bandar Sejahtera.







Laporan Petunjuk Bandar Sejahtera 2014

**2.8. Kajian Pelan Tindakan Pembangunan Kawasan Industri WPKL 2016-2025 (PTPKL WPKL 2016-2025)**

Kajian PTPKL dijalankan adalah bagi merekabentuk kawasan perindustrian sedia ada yang memiliki identiti dan imej yang tersendiri, bersih, berkualiti, berdaya saing dan dinamik ke arah menjadi lokasi pilihan pelaburan bertaraf antarabangsa.

## 3.0. BAHAGIAN PROJEK KHAS (BPK)

Bahagian Projek Khas berfungsi sebagai urusetia menyelaras semua projek-projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) *Greater* Kuala Lumpur/*Klang Valley* dan DBKL sendiri. Seksyen ini bertanggungjawab memantau dan menyelaras pelaksanaan projek-projek NKEA *Greater* KL/KV berikut:

i. *EPP 5 – River of Life*
ii. *EPP6 – Greener KL*
iii. *EPP7 – Iconic Places*
iv. *EPP8 – Pedestrian Network*

Bahagian ini bertanggungjawab menyelaras Mesyuarat *Taskforce* dan jawatankuasa kerja di peringkat DBKL setiap bulan di samping mengurus dan menyelaras permohonan Bajet Pembangunan (DE) dan Bajet Mengurus (OE) bagi semua EPP terlibat termasuk mengurus dan menyelaras tuntutan bayaran bagi semua EPP terlibat.

Melapor progres kerja dan prestasi kewangan setiap EPP untuk dikemukakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja *Task Force* Peringkat DBKL dan *Steering Committee* SC. Melaporkan progres perbelanjaan bajet setiap EPP di peringkat KWP/EPU/ICU/PEMANDU. Menyedia dan membentangkan Laporan Penilaian *Outcome* bagi setiap projek-projek EPP.

Memantau dan menyelaras pencapaian fizikal projek bagi semua EPP terlibat dan menguruskan sesi penglibatan awam bersama orang awam, agensi kerajaan dan *stake holder*. Mengadakan sesi *walkabout* ke atas projek-projek GKL/KV bersama pihak Pengurusan Tertinggi DBKL, Kementerian Wilayah Persekutuan, dan agensi-agensi yang berkaitan.
Bahagian ini juga bertindak sebagai Ketua Taskforce bagi #EPP7 – *Iconic Places* bagi mengurus, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek: Heritage Trail HT1/HT2/HT3/HT5; *Reviving* Medan Pasar; *Upgrading* Masjid Jamek; *Countdown Clock; Heritage Trail Master Plan*.

### *3.1. EPP 5 - River Of Life*

Projek "*River of Life*" atau Sungai Nadi Kehidupan merupakan projek NKEA Greater KL/KV untuk menghidupkan semula Sungai Gombak dan Sungai Klang di mana sungai akan dibersihkan bermula dari bahagian hulu; diperindahkan serta beberapa kawasan strategik di sepanjang sungai dibangunkan atau diperkemaskan supaya menghadap ke sungai. Projek ini mempunyai 3 komponen iaitu:

i. Pembersihan sungai;
ii. Pengindahan sungai ; dan
iii. Pembangunan tanah sepanjang sungai



Pelaksanaan projek fasa 1 presint 7 bermula April 2014 dan dijangka siap September 2016, fasa 2 di jangka siap Januari 2018

### *3.2. EPP 6 - Greener KL*

Menghijaukan Greater KL/KV bagi memastikan setiap warganya dapat menikmati kawasan hijau yang cukup luas. DBKL telah mulakan inisiatif untuk meningkatkan kepadatan hijau bandar raya Kuala Lumpur. Mensasarkan kadar 14msq-16msq kawasan hijau setiap penduduk menjelang 2020 selaras dengan Dasar Perbandaran Negara.



Menghijaukan Greater KL/KV

### 3.3. EPP 7 - *Iconic Places*

Menaik taraf dan menambah tempat-tempat menarik sebagai sebuah bandar raya bertaraf dunia dan pusat warisan dengan mentransformasikan tarikan sedia ada dan membina tarikan baru. Projek-projek di bawah EPP 7 adalah seperti berikut:

#### 3.3.1. *Heritage Trail* 1/Medan Pasar

Merupakan projek penambahbaikan dan pengindahan 3 kawasan secara bersepadu iaitu *KL Heritage Trail 1* (dari Dataran Merdeka ke Medan Pasar) *Reviving* Medan Pasar dan Dataran Merdeka secara *Design & Build*.



*Reviving* Medan Pasar dan Dataran Merdeka secara *Design & Build*

#### 3.3.2. *Heritage Trail 2*

**(Jalan Melaka - Pusat Maklumat Perhutanan Bukit Nanas).**

Merupakan laluan Jejak Warisan 2, cadangan projek ini merupakan usaha untuk menunjukkan jejak warisan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dengan memperindahkan dan menaik taraf kawasan yang mempunyai karektor budaya tempatan.



Jejak Warisan 2, Jalan Melaka - Pusat Maklumat Perhutanan Bukit Nanas. Ia mempunyai 3 nodus utama mengikut tema iaitu;

i. Nodus 1: Jalan Melaka berhadapan Bank Muamalat, bertemakan Dataran Warisan;
ii. Nodus 2: Persimpangan Jalan Gereja dan Jalan Raja Chulan bertemakan Taman Bandar;
iii. Nodus 3: Jalan Raja Chulan berhampiran Pusat Maklumat Perhutanan Bukit Nanas bertemakan Hutan Simpan.



3 nodus utama

**3.3.3.** ***Heritage Trail Route 3*** **(Jalan Hang Kasturi- Segitiga Bangkok Bank- Sebahagian Jalan Petaling & Lebuh Pudu).**

Projek ini adalah merupakan sebahagian daripada projek pakej kerja awalan bagi *River of Life (ROL)*. Dengan menggunakan tema Pekan Cina, projek ini adalah bertujuan untuk menaik taraf kawasan ini kesebuah kawasan yang *vibrant* dengan menerapkan ciri-ciri warisan budaya Cina disebabkan kawasan ini adalah terletak berhampiran dengan Jalan Petaling *(Chinatown).*




Jalan Hang Kasturi- Segitiga Bangkok Bank- Sebahagian Jalan Petaling & Lebuh Pudu

**3.3.4.** ***Heritage Trail Route 5* Fasa 1 (Bulatan Dato Onn – Jalan Tangsi – Jalan Parlimen).**

Projek ini adalah sebahagian daripada projek *Heritage Trail* 5 yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017. Dengan menerapkan tema sejarah Kuala Lumpur sejak tahun 1857, ia terdiri daripada 3 nodus utama iaitu:

i. Nodus 1: D'Tebing & Bulatan Dato Onn *roundabout;*
ii. Nodus 2: Wisma *Ekran sarrounding*;
iii. Nodus 3: *Elevated Railway Crossing* @ Jalan Parlimen




Lokasi tapak berdasarkan nodus-nodus sedia ada

**3.3.5. Menaik Taraf Masjid Jamek**

Projek menaik taraf Masjid Jamek adalah untuk memenuhi aspirasi kerajaan Malaysia untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi melalui industri yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan di masa hadapan.



Projek menaik taraf Masjid Jamek

### 3.4. *EPP 8 - Pedestrian Network*

Membangunkan rangkaian pejalan kaki yang komprehensif akan meningkatkan kepada keselesaan hidup *(livability)*, menggalakkan pelancong dalam dan luar negara mengunjung kawasan pusat bandar raya serta dapat mempromosi kawasan dan aktiviti perniagaan dan riadah.




Rangkaian Pejalan Kaki

### 3.5. Aktiviti Utama Unit *Greater* Kuala Lumpur/*Klang Valley* Tahun 2015

i. Mengurus dan Menyelaras Mesyuarat *Taskforce NKEA Greater* Kuala Lumpur / *Klang Valley* Peringkat DBKL yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur.

ii. Mengurus dan Menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Peringkat Pengarah Eksekutif *NKEA Greater* Kuala Lumpur / Klang Valley Peringkat DBKL yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif (Perancangan) DBKL.

iii. Bengkel Penilaian *Outcome* bagi Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) Tahun 2015.

iv. Bengkel Makluman Awam bagi Projek *Heritage Trail 5* (D'Tebing - Wisma Ekran Dan Melalui Bulatan Dato' Onn)

v. Sesi Rundingan Bersama Agensi Bagi Menangani Isu Perniagaan di Kawasan *Heritage Trail 3* (Jalan Hang Kasturi –Leboh Pudu – Bangkok Bank), Kuala Lumpur.






Aktiviti Utama *Unit Greater* Kuala Lumpur/*Klang Valley*

## 4.0. BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Bahagian Penyelidikan dan Pengurusan Maklumat bertanggunjawab dalam memastikan semua kajian perancangan berasaskan kepada maklumat yang terkini. Fungsi bahagian ini menjurus kepada menjalankan kajian lapangan dan mengumpul data primer dan sekunder, membangunkan pangkalan data perancangan GIS, mengemaskini maklumat OSC berskala besar (Kelulusan Perintah Pembangunan), menyelaras maklumat pembangunan serta menyelia pengurusan Pusat Sumber Jabatan dan Menyelaras Sistem i-SPAA DBKL – JPF.

### 4.1. Unit Penyelidikan dan Pengurusan Maklumat

Unit Penyelidikan dan Pengurusan Maklumat telah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut :

4.1.1. Kajian Lapangan : Kajian Guna Tanah Semasa :

Kajian Guna Tanah telah menghasilkan pelan guna tanah semasa 2014 meliputi kawasan Pusat Bandar (CC) dan Kawasan Perancangan Strategik dan mengemaskini kod guna tanah semasa berdasarkan "*Malaysian Standard Code MS 1759:2013*"

4.1.2. Kajian Tapak Dalam Pembinaan (KDP)

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenalpasti tapak-tapak yang sedang dalam pembinaan untuk mendapatkan status dan peratus pembinaan di tapak bagi permohonan perancangan yang telah diberikan kelulusan perintah Pembangunan oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (*OSC*).

4.1.3. Pengemaskinian Maklumat *OSC*

Pengemaskinian maklumat kelulusan perintah pembangunan bertujuan sebagai pengumpulan maklumat terutama projek-projek yang telah dikeluarkan kelulusan Perintah oleh *OSC*. Unit ini dalam proses melaksanakan kerja-kerja pengemaskinian maklumat kelulusan perintah pembangunan berskala besar bagi tahun 2013 dan 2014.

4.1.4. Tugasan tambahan seperti pengedaran borang maklum balas, surat-surat jemputan, penyiasat luar dan sebagainya.

4.1.5. Mengurus dan mengemaskini Pusat Sumber jabatan. Pusat Sumber ini mengumpul bahan-bahan bacaan rujukan yang sesuai seperti pelan-pelan pembangunan pelan struktur, Pelan Tempatan, bentuk buku-buku teks dan koleksi-koleksi lain seperti majalah / jurnal, media elektronik, bahan pandang dengar dan peta.

### 4.2. Unit GIS

Unit GIS bertanggungjawab untuk mengurus dan memantau proses Pelan Asas Digital WPKL dalam pangkalan data GIS secara berpusat. Unit GIS juga menyediakan dan mengemaskini Lapisan Pelan Bermaklumat secara berkala iaitu versi April, Ogos dan Disember untuk kegunaan jabatan. Unit GIS juga perlu mengurus pangkalan data GIS bagi perkara-perkara berikut:

i. Pelan Semasa
ii. Pelan Komited
iii. Pelan Utiliti – Jalan,Tnb Dll.
iv. Pelan Rangkaian Pengangkutan

v. Pelan Menukar *projection Non- Earth(meter)* kepada *Geocentric Datum of Malaysia* 2000 (GDM2000) bagi menyelaraskan *projection* dengan *standard* Pusat Infrastruktur Data *Geospatial* Negara (*MaCGDI)*.

vi. Rezab Sungai/Parit

vii. Pelan Lot dari Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia



Pelan WPKL dalam pangkalan data GIS Data GIS

### 4.2.1. Skop Tugasan Unit GIS

Umumnya, Unit GIS lebih memberi penekanan kepada aktiviti-aktiviti bersifat teknikal dan perkomputeran.

Terdapat dua skop utama yang dilaksanakan sepanjang tahun iaitu:

i. Mengurus Pangkalan Data Spatial GIS Secara Integrasi Merekabentuk serta membangunkan sistem kemasukan, penyimpanan, penganalisisan, pengeluaran dan mengemaskini data/maklumat spatial dan atribut kajian Pelan Tempatan Kuala Lumpur dengan menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS). Maklumat ini diletakkan di dalam satu server khas jabatan bagi kegunaan dan capaian secara berpusat.




Susunan Pangkalan Data di Dalam Server Jabatan

ii. Menyelaras Perkongsian Data *Geospatial* Jabatan dengan Sistem-sistem di bawah Selian DBKL dan lain-lain Agensi Kerajaan.

Data-data *spatial* yang diolah dan dikemaskini akan disepadukan dengan sistem-sistem pembangunan di dalam rangkaian DBKL seperti *Hazard and Risk Map, KulSis,GisNet, G-Asset* dan sebagainya. Manakala perkongsian dengan agensi luar adalah seperti sistem I-Plan dan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia)

**4.2.2. Pengurusan Sistem dan ICT :**

i. Membangun dan menyelenggara Sistem Pemantauan Pencapaian Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (Mosys PBRKL2020). Ia digunakan di peringkat mesyuarat jawatankuasa penilaian perancangan sistem *MOSYS* PBRKL2020 telah digunakan oleh kakitangan Unit Penilaian dan Perancangan.

ii. Membangun dan menyelenggara Sistem Maklumat Eksekutif atau e-PBRKL2020, yang kini telah siap sepenuhnya dengan kekemasan data ke dalam peta interaktif. Versi Bahasa Inggeris juga telah hampir siapkan. Sistem e-PBRKL2020 versi data terkini telah dimuat naik ke dalam *server* yang ditempatkan di *Data Centre*, Tingkat 1, Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM).

iii. Membantu Pegawai Perancang dalam penyaluran maklumat dan perkongsian data-data GIS di antara jabatan-jabatan dalam DBKL bagi projek DBKL *Gisnet,* sistem *hazard and risk map* serta *G-Aset* dan mesyuarat-mesyuarat berkala bersama-sama Pusat Infrastruktur Data Geospatial negara (MacGDI) bagi tujuan perkongsian data antara agensi.

iv. Unit GIS juga memastikan portal jabatan di dalam website DBKL sentiasa dikemaskini sekiranya terdapat berita penting yang perlu dimaklumkan kepada kakitangan DBKL.

**4.3. Unit Local Agenda-21 Kuala Lumpur (LA21 KL)**

Unit LA 21 KL bertanggungjawab melaksanakan program berkonsepkan perkongsian pintar yang melibatkan tiga pihak berkepentingan swasta, PBT, Komuniti, NGO berbentuk projek mampan. LA21 KL mempunyai empat (4) tema Bandar Raya Bersih dan Indah, Bandar Raya Sejahtera, Bandar Raya Selamat dan E-Bandar Raya.

**4.3.1 Program Bandar Raya Bersih dan Indah LA21 KL**

Bandar Raya Bersih dan Indah didefinisikan sebagai persekitaran bandar bersih indah, kemas dan teratur terutamanya di kawasan tumpuan awam di samping pemeliharaan bandar dan penekanan alam sekitar di hutan, sungai dan persekitaran semulajadi. Antara program yang dilaksanakan sepanjang tahun 2015 ialah *'walkabout',* Kebersihan Bukit Bintang, Gotong-Royong Jalan Petaling, Program Biopori PPR Raya Permai dan Program bersama Sunway SPK.





Program *Blueprint* Kebersihan Bukit Bintang 'Jom Bersih'

### 4.3.2. Program Bandar Raya Sejahtera LA21 KL

Bandar Raya Sejahtera didefinasikan sebagai bandar raya yang sentiasa mewujudkan dan meningkatkan persekitaran dan tahap kesihatan masyarakat yang tinggi dari segi mental, fizikal, sosial dan rohani, serta mengembangkan simbol masyarakat dan produktiviti yang membolehkan orang ramai saling membantu di dalam menjalani segala aspek kehidupan dan dapat berkembang hingga ke tahap maksimum.





Program'*Train Of Trainers'* (TOT) Siri 2, Simfoni Tunas Warisan Angklung, Local Agenda 21 KL

### 4.3.3. Program Bandar Raya Selamat LA21 KL

Program Bandar Raya Selamat didefinasikan sebagai bandar yang bebas dari semua ancaman fizikal dan mental, tidak menimbulkan suasana yang boleh mengelakkan kejadian menganggu-gugat kesejahteraan setempat di mana penghuni sentiasa berada dalam keadaan yang paling selamat, sejahtera, sihat dan ceria. Antara porgram yang dilaksanakan pada tahun 2014 ialah Kempen Sayang Harta Benda Awam, Sesi Menandatangani Memorandum Kesefahaman (MOU) Bandar Raya Selamat LA21 KL bagi kawasan Brickfields.




Program Kebersihan Brickfields ' Gotong-Royong 2015':
*Lets Clean-Up, Green-Up & Be Seen'*

**4.3.4. Program E- Bandar Raya LA21 KL**

**E-Bandar Raya** didefinisikan sebagai bandar berteraskan pembangunan teknologi maklumat dengan penyediaan program bertujuan merapatkan jurang digital antara masyarakat terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah. Antara rakan kongsi yang terlibat dalam progam ini ialah Yayasan Bank Rakyat, Persatuan Penduduk, Sekolah Rendah dan Menengah. Program yang dijalankan seperti *Trainer* Motivasi Kecemerlangan "Khalifah", Program Pengurusan *Stress* Guru/Pembimbing.



Program *Wonder Mathematic* bersama Yayasan Bank Rakyat

### 4.3.5. Jawatankuasa Induk LA21 KL

Jawatankuasa Induk LA21 KL adalah terdiri daripada pengurusan tertinggi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Sosio-Ekonomi) merangkap Pengerusi Urusetia dan Ketua Penyelaras setiap tema diketuai oleh Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah.










Bengkel *Retreat* Penyediaan Pelan Tindakan bertempat di Hotel *Palm Garden*, Putrajaya

## 5.0. LAPORAN KEWANGAN

| Bil. | Jenis Perbelanjaan | Peruntukan | Perbelanjaan | Baki Perbelanjaan | Prestasi |
|---|---|---|---|---|---|
| **1** | **Mengurus** | **1,450,740.00** | **993,188.73** | **457,551.27** | **68%** |
| **2** | **Pembangunan** | | | | |
| i. | Penyediaan Pelan Tempatan Kuala Lumpur | 200,000.00 | 166,868.99 | 33,131.01 | 83% |
| ii. | Pelaksanaan Dasar Pelan Struktur Kuala Lumpur | 40,000.00 | 36,184.40 | 3,815.60 | 90% |
| iii. | Fi Perunding untuk Master Plan dan Precint 7 (FASA 1) | 2,200,000.00 | 2,119,599.31 | 80,400.69 | 96% |
| iv. | Fi Perunding untuk FASA 2 | 40,000,000.00 | 33,822,482.06 | 6,177,517.94 | 85% |
| v. | *KL Heritage Trail (Public Engagement, Guided Tour Walk & Talk dan Event* Medan Pasar) | 100,000.00 | 92,014.00 | 7,986.00 | 92% |
| vi. | Menaik Taraf & Pengindahan Kawasan Pekan Sg. Besi | 600,000.00 | 592,503.46 | 7,496.54 | 99% |
| vii. | Program Khas Pemantapan Bangunan dan Warisan Kuala Lumpur | 100,000.00 | 98,576.48 | 1,423.52 | 99% |
| viii. | Kelengkapan penyiaran dan perhubungan | 16,000.00 | 14,928.78 | 1,071.22 | 93% |
| **Jumlah pembangunan** | | **43,256,000.00** | **36,943,157.48** | **6,312,842.52** | **85.41** |
| **Jumlah** | | **44,706,740.00** | **37,936,346.21** | **6,770,393.79** | **84.86** |

# JABATAN PERANCANGAN BANDARAYA

## 1.0. PERMOHONAN KEBENARAN PERANCANGAN DITERIMA MELALUI URUSETIA PUSAT SETEMPAT /*ONE STOP CENTRE (OSC)*

Sebanyak 5,750 permohonan telah diterima oleh OSC melibatkan 5 jenis permohonan iaitu Permohonan Serentak, Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan, Pelan Bangunan dan Perakuan Menduduki Bangunan (CFO). Jenis permohonan yang paling banyak diterima sepanjang tahun 2015 ialah Permohonan Pelan Bangunan iaitu sebanyak 3,174 permohonan. Sebanyak 5,052 (99.6%) permohonan telah diselesaikan dalam tempoh Piagam Pelanggan yang ditetapkan.

| Jenis Permohonan | Bilangan Permohonan | Permohonan Dalam Proses | Permohonan Selesai | Selesai Dalam Piagam | Selesai Melebihi Piagam |
|---|---|---|---|---|---|
| **Permohonan Serentak** | 940 | 144 | 796 | 785 | 11 |
| **Kebenaran Merancang** | 1,441 | 223 | 1,218 | 1,216 | 2 |
| **Pelan Kejuruteraan** | 177 | 43 | 134 | 131 | 3 |
| **Pelan Bangunan** | 3,174 | 252 | 2,922 | 2,918 | 4 |
| **CFO** | 18 | 16 | 2 | 2 | 0 |
| **JUMLAH** | **5,750** | **678** | **5,072** | **5,052** | **20** |

Statistik Permohonan diterima melalui OSC









Kaunter OSC di Tingkat 12, Menara Raja Laut Off Jalan Chow Kit

## 2.0. PERMOHONAN KEBENARAN PERANCANGAN

Secara keseluruhannya Jabatan Perancangan Bandaraya telah menerima sebanyak 3,924 permohonan perancangan yang melibatkan permohonan kebenaran merancang. Jenis permohonan yang paling banyak diterima ialah Permohonan Baru Pelan Pindaan iaitu sebanyak 725 permohonan. Perincian jenis permohonan adalah seperti di jadual di bawah:

| Jenis Permohonan | | | Jumlah |
|---|---|---|---|
| **1.** | **PERDAGANGAN** | | |
| | 1.1 | Kompleks perdagangan / kompleks beli belah | 91 |
| | 1.2 | Kompleks pejabat | 8 |
| | 1.3 | Pembangunan bercampur | 98 |
| | 1.4 | Rumah pejabat | 36 |
| | 1.5 | Rumah kedai | 5 |
| **2.** | **PERUSAHAAN** | | |
| | 2.1 | Perusahaan / kilang | 25 |
| **3.** | **KEDIAMAN** | | |
| | 3.1 | Skim perumahan | 23 |
| | 3.2 | Rumah pangsa / pangsapuri | 78 |
| | 3.3 | Apartmen | 7 |
| | 3.4 | Pangsapuri servis / hotel | 80 |
| | 3.5 | Kondominium | 17 |
| | 3.6 | Rumah sebuah / banglo | 103 |
| | 3.7 | Rumah berkembar | 10 |
| | 3.8 | Rumah teres | 16 |
| | 3.9 | Rumah contoh | 14 |
| | 3.10 | Rumah bandar (town house) | 6 |
| | 3.11 | Tambahan dan perubahan (rumah sahaja) | 63 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **4.** | **LAIN-LAIN** | | |
| | 4.1 | Tambahan dan perubahan (kedai / pejabat) | 138 |
| | 4.2 | Agama | 20 |
| | 4.3 | Institusi / pelajaran | 43 |
| | 4.4 | Bangunan kerajaan / kuaters kerajaan | 26 |
| | 4.5 | Tempat rekreasi | 12 |
| | 4.6 | Stesen minyak | 4 |
| | 4.7 | Swop plan / hospital | 64 |
| | 4.8 | Tempat letak kereta terbuka | 11 |
| | 4.9 | Lain-lain/rumah contoh | 106 |
| | 4.10 | Menara telekomunikasi | 26 |
| | 4.11 | Pusat penjaja / setor / restoran | 18 |
| | 4.12 | Kontena / kabin | 33 |
| | 4.13 | Ruang pameran | 37 |
| | 4.14 | Bangsal / gudang | 41 |
| | 4.15 | Penukaran guna bangunan tetap / sementara (kedai, tadika, pejabat, ruang pameran, restoran) | 178 |
| | 4.16 | Penukaran zon guna tanah | 110 |
| | 4.17 | Pindaan penukaran zon guna tanah | 110 |
| | 4.18 | Kepadatan penduduk | 42 |
| | 4.19 | Pindaan kepadatan penduduk | 44 |
| | 4.20 | Susunatur / penyatuan semula | 124 |
| | 4.21 | Pindaan susunatur / penyatuan semula | 122 |
| | 4.22 | Melanjutkan tempoh sah perintah pembangunan(tetap) | 80 |
| | 4.23 | Melanjutkan tempoh sah perintah pembangunan (sementara) | 452 |
| | 4.24 | Pelan pindaan (permohonan baru) | 725 |
| | 4.25 | Pertimbangan semula | 277 |
| | 4.26 | Pelan R.S (4 salinan ) | 172 |
| | 4.27 | Permohonan ulasan pelan bangunan | 229 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | | **3,924** |

Statistik Permohonan Kebenaran Perancangan diterima oleh Jabatan






Kaunter Permohonan Jabatan Perancangan Bandaraya

## 3.0. PERMOHONAN KEBENARAN PERANCANGAN YANG DIPERTIMBANGKAN

### 3.1. Bilangan Mesyuarat OSC Yang Telah Diadakan

Sebanyak 134 kali Mesyuarat OSC telah diadakan sepanjang tahun 2015 yang melibatkan pelbagai kategori iaitu JK OSC Khas, JKPS (*Full Board*), JKTPS dan JKPS 2. Daripada jumlah tersebut, Mesyuarat JKTPS paling banyak diadakan iaitu sebanyak 60 kali.

| Bil | Mesyuarat | Jumlah |
|---|---|---|
| 1. | JK OSC Khas | 4 |
| 2. | JKPS ( *Full Board* ) | 20 |
| 3. | JKTPS | 60 |
| 4. | JKPS 2 | 50 |
| **JUMLAH** | | **134** |

Bilangan Mesyuarat OSC yang Telah Diadakan







Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC 1)

## 4.0. PENGELUARAN PERINTAH PEMBANGUNAN

### 4.1. Perintah Pembangunan yang dikeluarkan

Sebanyak 1,043 Perintah Pembangunan yang telah dikeluarkan mengikut kategori. Daripada jumlah tersebut sebanyak 188 Perintah Penolakan telah dibuat.

| KATEGORI / BULAN | | JANUARI | FEBRUARI | MAC | APRIL | MEI | JUN | JULAI | OGOS | SEPTEMBER | OKTOBER | NOVEMBER | DISEMBER | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| i) | Pembinaan bangunan-bangunan baru | 23 | 14 | 45 | 38 | 17 | 16 | 25 | 15 | 12 | 30 | 27 | 17 | **279** |
| ii) | a. Penukaran kegunaan tanah | 11 | 4 | 5 | 6 | 5 | 5 | 2 | 5 | 7 | 3 | 6 | 5 | **64** |
| | b. Penambahan ketumpatan penduduk | 0 | 1 | 8 | 1 | 1 | 2 | 1 | 5 | 0 | 1 | 2 | 1 | **23** |
| iii) | Pindaan kepada pelan yang diluluskan | 18 | 8 | 16 | 14 | 3 | 10 | 13 | 11 | 16 | 16 | 10 | 12 | **147** |
| iv) | Tambahan dan perubahan | 8 | 11 | 28 | 21 | 18 | 16 | 17 | 13 | 8 | 12 | 19 | 17 | **188** |

| | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| v) | Bangunan / pembinaan sementara | 0 | 2 | 7 | 2 | 6 | 2 | 6 | 5 | 2 | 4 | 5 | 4 | **45** |
| vi) | Penukaran sementara kegunaan bangunan | 1 | 0 | 5 | 1 | 2 | 5 | 2 | 1 | 0 | 1 | 0 | 1 | **19** |
| vii) | Pembinaan struktur pemancar telekomunikasi | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 5 | 1 | 1 | 0 | 4 | **12** |
| viii) | Perintah Penolakan | 4 | 18 | 27 | 15 | 14 | 25 | 11 | 17 | 18 | 7 | 16 | 16 | **188** |
| ix) | Pelan Susunatur (pecahan sempadan dan penyatuan lot) | 9 | 3 | 0 | 7 | 4 | 10 | 11 | 16 | 0 | 8 | 4 | 6 | **78** |
| **Jumlah Perintah Pembangunan yang dikeluarkan** | | **74** | **61** | **142** | **105** | **70** | **91** | **88** | **93** | **64** | **83** | **89** | **83** | **1043** |

Perintah Pembangunan

### 4.2. Tuntutan Caj Pembangunan

Berkenaan dengan tuntutan caj pembangunan, sejumlah RM1,416,461,476.00 telah dituntut oleh pihak jabatan kepada pihak pemaju. Berdasarkan kepada jadual di bawah, bulan Jun mencatatkan tuntutan caj pembangunan tertinggi iaitu sebanyak RM206,558,000.00.

| Bulan | Jumlah ( RM ) |
|---|---|
| JANUARI | 88,871,000.00 |
| FEBRUARI | 164,272,596.00 |
| MAC | 142,130,259.00 |
| APRIL | 56,611,000.00 |
| MEI | 156,742,000.00 |
| JUN | 206,558,000.00 |
| JULAI | 130,579,800.00 |
| OGOS | 59,776,000.00 |
| SEPTEMBER | 160,355,000.00 |
| OKTOBER | 31,707,500.00 |
| NOVEMBER | 83,568,500.00 |
| DISEMBER | 135,289,821.00 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **1,416,461,476.00** |

Tuntutan Caj Pembangunan

### 4.3. Tuntutan Sumbangan Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (I.S.F) dan Sumbangan

Sejumlah RM129,266,746.00 telah dituntut oleh pihak Jabatan sepanjang Tahun 2015 meliputi RM91,072,760.00 untuk I.S.F. Jalan, RM4,390,090.00 untuk I.S.F. Parit dan RM33,803,914.00 untuk sumbangan. Sumbangan yang dituntut melibatkan permohonan yang tidak menyediakan ruang tempat letak kereta yang mencukupi, tidak menyediakan ruang pusat penjaja, tidak menyediakan kawasan lapang, tabung perumahan kos rendah dan pembinaan jalan keluar masuk.

| Tahun | 2015 | | | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|
| Bulan | I.S.F ( Jalan ) | I.S.F ( Parit ) | Sumbangan | |
| JANUARI | 4,689,750.00 | 266,820.00 | 233,400.00 | 5,189,970.00 |
| FEBRUARI | 11,931,250.00 | 357,900.00 | 3,911,233.00 | 16,200,383.00 |
| MAC | 7,204,000.00 | 243,800.00 | 4,860,560.00 | 12,308,360.00 |
| APRIL | 3,460,614.00 | 115,385.00 | 1,882,900.00 | 5,458,899.00 |
| MEI | 5,551,227.00 | 288,245.00 | 1,249,096.00 | 7,088,568.00 |
| JUN | 11,308,500.00 | 483,285.00 | 1,105,081.00 | 12,896,866.00 |
| JULAI | 14,063,000.00 | 607,850.00 | 375,965.00 | 15,046,815.00 |
| OGOS | 4,651,250.00 | 124,955.00 | 954,250.00 | 5,730,455.00 |
| SEPTEMBER | 8,880,160.00 | 253,635.00 | 12,934,775.00 | 22,068,570.00 |
| OKTOBER | 5,160,064.00 | 1,033,270.00 | 2,040,798.00 | 8,234,132.00 |
| NOVEMBER | 2,318,500.00 | 188,545.00 | 896,400.00 | 3,403,445.00 |
| DISEMBER | 11,854,445.00 | 426,400.00 | 3,359,456.00 | 15,640,301.00 |
| **JUMLAH (RM )** | **91,072,760.00** | **4,390,090.00** | **33,803,914.00** | **129,266,746.00** |

Tuntutan I.S.F dan Sumbangan

## 5.0. PENGUATKUASAAN PERANCANGAN BANDAR

Jabatan Perancangan Bandaraya memberi perhatian utama terhadap pengawalan dan pemantauan di tapak-tapak pembangunan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Segala siasatan dan tindakan dilakukan dengan segera bagi memastikan setiap pembangunan mendapat kelulusan kebenaran perancangan terlebih dahulu sebelum sebarang aktiviti dijalankan.

Sejumlah 173 Notis Penguatkuasaan di bawah Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 172) telah dikeluarkan terhadap pemohon yang melanggar arahan dan perintah pembangunan. Sebanyak 10 kes tindakan mahkamah telah diambil terhadap Orang Kena Tuduh (OKT) atas pelbagai kesalahan dan sebanyak 72 tindakan roboh / sita telah dilaksanakan.

| Bulan | Bilangan Notis Penguatkuasaan Yang Dikeluarkan | Tindakan Roboh / Sita |
|---|---|---|
| JANUARI | 11 | 7 |
| FEBRUARI | 15 | 8 |
| MAC | 14 | 9 |
| APRIL | 19 | 17 |
| MEI | 13 | 15 |
| JUN | 8 | 3 |
| JULAI | 7 | 2 |
| OGOS | 28 | 0 |
| SEPTEMBER | 14 | 0 |
| OKTOBER | 18 | 6 |
| NOVEMBER | 12 | 0 |
| DISEMBER | 14 | 5 |
| **JUMLAH** | **173** | **72** |

Notis Penguatkuasaan dan Tindakan Roboh



**Operasi di Batu 4 ½, Jalan Kelang Lama**

## 6.0. ADUAN AWAM

Sejumlah 47 aduan awam telah diterima oleh pihak jabatan ini. Daripada jumlah tersebut, kesemua aduan awam melalui sistem iSPAAA telah diselesaikan oleh Bahagian Penguatkuasaan mengikut Piagam Pelanggan yang ditetapkan iaitu dalam tempoh 3 hari bekerja.

| Bulan | Aduan Awam | Kes Tutup/Selesai |
|---|---|---|
| JANUARI | 5 | 5 |
| FEBRUARI | 6 | 6 |
| MAC | 7 | 7 |
| APRIL | 3 | 3 |
| MEI | 5 | 5 |
| JUN | 3 | 3 |
| JULAI | 0 | 0 |
| OGOS | 3 | 3 |
| SEPTEMBER | 5 | 5 |
| OKTOBER | 2 | 2 |
| NOVEMBER | 2 | 2 |
| DISEMBER | 6 | 6 |
| **JUMLAH** | **47** | **47** |

Bilangan dan Status Aduan Awam Melalui Sistem iSPAAA

## 7.0. KELULUSAN PERMOHONAN PELAN LANDSKAP

Sebanyak 830 permohonan pelan landskap telah diterima melalui OSC, merangkumi 640 permohonan untuk diproses di bawah kategori A13 (Kebenaran Merancang) dan selebihnya iaitu 190 permohonan untuk diproses di bawah kategori A17 (Pelan Landskap).

| Bil. | Bulan | Jumlah Permohonan Yang Diproses | |
|---|---|---|---|
| | | A13 | A17 |
| 1 | JANUARI | 50 | 15 |
| 2 | FEBRUARI | 59 | 16 |
| 3 | MAC | 50 | 15 |
| 4 | APRIL | 50 | 15 |
| 5 | MEI | 50 | 15 |
| 6 | JUN | 55 | 20 |
| 7 | JULAI | 62 | 13 |
| 8 | OGOS | 50 | 15 |
| 9 | SEPTEMBER | 50 | 15 |
| 10 | OKTOBER | 50 | 15 |
| 11 | NOVEMBER | 55 | 20 |
| 12 | DISEMBER | 59 | 16 |
| **JUMLAH** | | **640** | **190** |

Kelulusan Permohonan Pelan Landskap




Pelan Perspektif bagi Permohonan Pelan Landskap yang diterima melalui OSC

# JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN PEMBANGUNAN

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP) bertanggungjawab untuk merancang dan menyelaras projek-projek pembangunan, penyediaan peruntukan pembangunan dan pengagihan sumber kewangan berkenaan kepada Jabatan Pelaksana. Selain itu, JPEP memainkan peranan sebagai penyelaras projek-projek penswastaan disamping menjalankan projek-projek penyelidikan sosio ekonomi.

Selaras dengan kemajuan ekonomi dan kepesatan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, DBKL melaksanakan pelbagai projek pembangunan dalam memenuhi keperluan masyarakat dan menambahbaik kemudahan awam. DBKL melaksanakan projek pembangunan yang meliputi projek-projek jalan dan jambatan, pembangunan sosial, rekreasi dan kemudahan awam, pasar dan pusat penjaja, baik pulih sungai, pengindahan sungai dan sistem perparitan induk. Justeru itu, JPEP dipertanggungjawabkan untuk memastikan pelaksanaan semua projek pembangunan dan penswastaan DBKL yang telah diluluskan mempunyai peruntukan yang mencukupi dan disiapkan oleh Jabatan Pelaksana mengikut jadual.

## OBJEKTIF

Mewujudkan Bandaraya Kuala Lumpur bertaraf dunia yang maju, indah, sejahtera dan beridentiti tersendiri berdasarkan strategi perancangan yang mengarah kepada penyediaan infrastruktur, pembangunan sosio ekonomi serta kemudahan sosial disamping meningkatkan kualiti hidup dari aspek sosio budaya dan persekitaran mesra insan.

## FUNGSI

i. Menyelaras penyediaan bajet pembangunan dan pengagihan sumber kewangan bagi projek-projek pembangunan;
ii. Menyelaras dan memantau perlaksanaan projek-projek pembangunanan penswastaan;
iii. Menilai kemajuan dan pencapaian projek pembangunan dan penswastaan;
iv. Mengenal pasti dan membuat kajian penyelidikan sosio ekonomi; dan
v. Menyelaras tindakan dan maklum balas dengan institusi sosial dan politik serta agensi-agensi kerajaan dan swasta di luar DBKL.

## Piagam Pelanggan

i. Memantau prestasi kemajuan projek DBKL dengan mengadakan mesyuarat atau laporan projek melalui:
   a) Jawatankuasa Pembangunan yang diadakan empat (4) kali setahun;
   b) Jawatankuasa Pemantauan Projek yang diadakan dua belas (12) kali setahun;dan
   c) Laporan projek sebanyak dua belas (12) kali setahun.
ii. Mengemukakan laporan prestasi kemajuan projek bantuan langsung kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sebanyak dua belas (12) kali setahun,
iii. Memantau prestasi kemajuan projek-projek penswastaan yang dalam perlaksanaan dengan mengadakan mesyuarat melalui:
   a) Jawatankuasa Pandu Penswastaan yang diadakan enam (6) kali setahun;
   b) Jawatankuasa Bersama Pengurusan Projek (JPMC) sekurang kurangnya dua belas (12) kali setahun.

iv. Menandatangani dokumen perjanjian jual beli antara pembeli, pemaju dan DBKL bagi projek penswastaan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh terima dokumen yang lengkap,

v. Menyelaras dan mengenal pasti tanah-tanah untuk tujuan sesuatu pembangunan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh permohonan / arahan diterima.

## 1.0. BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Berperanan dalam menyelaras dan memantau pelaksanaan prestasi fizikal projek pembangunan serta menyelaras permohonan bajet pembangunan DBKL. Bahagian ini juga menyelaras projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh DBKL.

Terdapat empat (4) unit yang terletak di bahagian ini iaitu:-

i. Unit Pengurusan Bajet dan Keurusetiaan

ii. Unit Bantuan Langsung dan Projek Khas.

iii. Unit Peruntukan DBKL

iv. Unit Pengurusan Setinggan, Projek Kecil dan Kuota Bumiputra

### 1.1. Pengurusan Bajet

Peruntukan yang disediakan untuk projek/program pembangunan adalah sebanyak RM971,733,200. Prestasi kewangan mengikut sumber pembiayaan adalah seperti berikut:

| Pembiayaan | Peruntukan 2015 (RM) | Belanja 31 Dis 2015 | |
|---|---|---|---|
| | | (RM) | % |
| DBKL | 635,006,600 | 619,190,236.36 | 97.51 |
| RMKe-10 | 197,366,000 | 188,277,958.34 | 95.40 |
| NKRA | 9,749,400 | 9,269,486.57 | 95.08 |
| GREATER KL | 100,311,200 | 91,118,023.89 | 90.84 |
| PETRONAS | 7,000,000 | 4,494,865.79 | 64.21 |
| LAIN-LAIN | 22,300,000 | 20,219,821.68 | 90.67 |
| **JUMLAH** | **971,733,200** | **932,570,392.63** | **95.97** |

Prestasi Kewangan Mengikut Sumber Pembiayaan
Laporan Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan Mengikut Jabatan Pelaksana

| Jabatan | Bil Projek | Peruntukan 2015 (RM) | Perbelanjaan Sebenar Sehingga 31 Dis 2015 (RM) | Peratusan Belanja (Sebenar) (%) | Baki Peruntukan Sebenar (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| JKPB | 101 | 440,648,800 | 422,340,832.58 | 95.85 | 18,307,967.42 |
| JPPPB | 139 | 184,847,800 | 175,541,280.73 | 94.97 | 9,306,519.27 |
| JLR | 23 | 62,466,200 | 60,574,034.41 | 96.97 | 1,892,165.59 |
| JPPH | 7 | 129,458,200 | 129,335,935.22 | 99.91 | 122,264.78 |
| JPRB | 12 | 44,304,000 | 37,608,547.08 | 84.89 | 6,695,452.92 |
| JPIF | 14 | 52,900,000 | 51,257,972.23 | 96.90 | 1,642,027.77 |
| JPPPK | 9 | 18,834,000 | 18,446,551.08 | 97.94 | 387,448.92 |
| JKME | 14 | 28,931,400 | 28,626,074.13 | 98.94 | 305,325.87 |
| JPEP | 9 | 8,492,800 | 8,047,222.66 | 94.75 | 445,577.34 |
| JKAS | 1 | 300,000 | 294,476,00 | 98.16 | 5,524.00 |
| JKB | 2 | 550,000 | 497,466.51 | 90.45 | 52,533.49 |
| **JUMLAH** | **331** | **971,733,200** | **932,570,392.63** | **95.97** | **39,162,807.37** |

**A. Penyelarasan Projek-projek DBKL, Bantuan Langsung dan lain-lain**

Sebanyak 250 projek melalui pembiayaan DBKL, Bantuan Langsung dan lain-lain.

| Pembiayaan | Bil. Projek | Perancangan | Reka Bentuk | Dokumen Tender | Tender | Pelaksanaan | Siap | Batal |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| DBKL | 270 | 23 | 18 | 12 | 32 | 122 | 58 | 5 |
| RMKe-10 | 25 | - | - | - | - | 16 | 9 | - |
| NKRA | 8 | - | - | - | - | 5 | 3 | - |
| GREATER KL | 24 | 1 | - | - | - | 18 | 5 | - |
| PETRONAS | 1 | - | - | - | - | 1 | - | - |
| LAIN-LAIN | 3 | - | - | - | - | 2 | 1 | - |
| **JUMLAH** | **331** | **24** | **18** | **12** | **32** | **164** | **76** | **5** |

Prestasi Fizikal Mengikut Sumber Pembiayaan 2015




Prestasi Fizikal Mengikut Sumber Pembiayaan 2015

| Jabatan | Jumlah | Perancangan | Reka Bentuk | Dokumen Tender | Tender | Pelaksanaan | Siap | Batal |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| JKPB | 101 | 5 | 1 | 1 | 3 | 64 | 25 | 2 |
| JPPPB | 139 | 12 | 16 | 10 | 11 | 44 | 43 | 3 |
| JLR | 23 | 2 | - | 1 | 4 | 13 | 3 | - |
| JPPH | 7 | 1 | - | - | - | 6 | - | - |
| JPRB | 12 | 2 | 1 | - | - | 8 | 1 | - |
| JPIF | 14 | - | - | - | 14 | - | - | - |
| JPPPK | 9 | - | - | - | - | 9 | - | - |
| JKME | 14 | - | - | - | - | 12 | 2 | - |
| JPEP | 9 | 1 | - | - | - | 6 | 2 | - |
| JKAS | 1 | - | - | - | - | 1 | - | - |
| JKB | 2 | 1 | - | - | - | 1 | - | - |
| **JUMLAH** | **331** | **24** | **18** | **12** | **32** | **164** | **76** | **5** |

Prestasi Fizikal Mengikut Jabatan Pelaksana

**B. Penyelarasan Projek-projek Kecil**

Bahagian ini juga bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek-projek pembangunan berskala kecil melalui pejabat-pejabat cawangan seperti Projek Kecil Infrastruktur dan Projek Kecil Bekalan

| Bil | Vot | Projek / Peruntukan | Jumlah Peruntukan (RM) | Belanja Terkumpul (RM) | % |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | 6092500103 | Peruntukan BPPP (Kerja-Kerja Infrastruktur) | 2,000,000.00 | 1,980,733.52 | 99.04 |
| 2. | 6092500115 | Peruntukan BPPP (Kerja-Kerja Jalan dan Parit) | 1,000,000.00 | 927,327.26 | 92.73 |
| 3. | 6092500107 | Peruntukan Khas JPEPP | 2,460,000.00 | 2,456,043.87 | 99.84 |
| 4. | 6093506600 | Infrastruktur Kg. Tradisional | 500,000.00 | 497,859.81 | 99.57 |
| 5. | 6090206900 | Menaik Taraf Dewan Masyarakat di Sekitar Kuala Lumpur | 400,000.00 | 398,095.29 | 99.52 |
| **JUMLAH** | | | **6,360,000.00** | **6,260,059.75** | **97.78** |

Prestasi Kewangan Projek Kecil (Infrastruktur) mengikut Jenis Peruntukan. Sebanyak 305 projek kecil infrastruktur dipohon dengan jumlah sebanyak RM6.36 juta. Prestasi pelaksanaan adalah seperti berikut:

| BIL | PEJABAT CAWANGAN | JUMLAH | | JABATAN | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PROJEK | SIAP | UPB | JKAPB | JLR | JPPPB | JKM | PCW | JUMLAH |
| 1. | KEPONG | 14 | 13 | 14 | - | - | - | - | - | 14 |
| 2. | CHERAS | 15 | 12 | 9 | - | 2 | 4 | - | - | 15 |
| 3. | SEGAMBUT | 16 | 14 | 11 | 2 | 1 | 1 | - | 1 | 16 |
| 4. | SEPUTEH | 28 | 26 | 24 | 1 | 3 | - | - | - | 28 |
| 5. | WANGSA MAJU | 46 | 44 | 36 | 4 | 4 | 2 | - | - | 46 |
| 6. | BANDAR TUN RAZAK | 70 | 68 | 60 | 2 | 8 | - | - | - | 70 |
| 7. | BUKIT BINTANG | 2 | 2 | 2 | - | - | - | - | - | 2 |
| 8. | BATU | 19 | 17 | 15 | 1 | 1 | 1 | 1 | - | 19 |
| 9. | TITIWANGSA | 26 | 26 | 24 | 2 | - | - | - | - | 26 |
| 10. | LEMBAH PANTAI | 29 | 29 | 27 | - | - | 1 | 1 | - | 29 |
| 11. | SETIAWANGSA | 40 | 41 | 21 | 7 | 8 | - | - | 4 | 40 |
| | **JUMLAH** | **305** | **292** | **243** | **19** | **27** | **9** | **2** | **5** | **305** |

Prestasi Fizikal Projek Kecil Infrastruktur Mengikut Pejabat Cawangan manakala, sebanyak RM2,306 juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja pembekalan/perkakasan kemudahan masyarakat sebanyak 99.89% dari jumlah tersebut telah dibelanjakan.

| Bil | Pejabat Cawangan | Jumlah Perbelanjaan (RM) | % |
|---|---|---|---|
| 1. | Kepong | 89,810.00 | 6.37 |
| 2. | Cheras | 24,668.00 | 1.75 |
| 3. | Segambut | 61,804.00 | 4.38 |
| 4. | Seputeh | 572,245.00 | 40.57 |
| 5. | Wangsa Maju | 83,926.00 | 5.95 |
| 6. | Bandar Tun Razak | 282,297.00 | 20.01 |
| 7. | Bukit Bintang | 11,928.00 | 0.85 |
| 8. | Batu | 48,633.00 | 3.45 |
| 9. | Titiwangsa | 51,664.00 | 3.67 |
| 10. | Lembah Pantai | 67,154.00 | 4.76 |
| 11. | Setiawangsa | 116,616.00 | 8.27 |
| **JUMLAH** | | **1,410,745.00** | **100** |

Prestasi Bekalan Projek Kecil Mengikut Pejabat Cawangan

**C. Kuota Bumiputera**

Sebanyak 5 kali mesyuarat pelepasan unit kuota bumiputera telah diadakan yang melibatkan 19 pemaju bagi permohonan pelepasan unit kuota bumiputera iaitu sebanyak 1,506 unit. Daripada jumlah tersebut sebanyak 542 unit telah dilepaskan dengan mengikut prosedur pelepasan unit kuota bumiputera. Baki sebanyak 964 unit masih belum dipohon untuk dilepaskan oleh pemaju.

**D. Pengurusan Setinggan**

